

PENYATA DEWAN

PERSIDANGAN KEDUA (PERASMIAN) PENGGAL PERTAMA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KE-13 PADA 2 OKTOBER 2013

HADIR:

BIL.	NAMA	ADUN
1.	YANG DIPERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN: Y.B. Dato' Dr. Haji Awaludin bin Said, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Kota
2.	MENTERI BESAR NEGERI SEMBILAN: Y.A.B. Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan, S.P.N.S., D.S.N.S., P.S.D., D.S.S.A., A.N.S.	Rantau
3.	Y.B. Dato' Haji Hasim bin Rusdi, D.P.N.S., D.M.S.M., P.P.T., J.P., A.N.S., A.M.N., P.M.C., P.J.K.	Labu
4.	Y.B. Tuan Manickam a/l Letchuman, P.M.C., P.J.K.	Jeram Padang
5.	Y.B. Dato' Haji Ismail bin Lasim, D.S.N.S., A.N.S., P.M.C.	Senaling
6.	Y.B. Dato' Norhayati binti Omar, D.S.N.S., P.M.C., P.J.K.	Pilah
7.	Y.B. Dato' Shamshulkahar bin Mohd. Deli, D.P.N.S., P.M.C., P.J.K.	Serting
8.	Y.B. Dato' Zaifulbahri bin Idris, D.P.N.S., D.N.S., P.J.K.	Chembong
9.	Y.B. Datuk Haji Jalaluddin bin Haji Alias, P.G.D.K., D.N.S., J.P.	Pertang
10.	Y.B. Tuan Haji Tun Hairudin bin Abu Bakar, J.P., P.M.C., P.J.K.	Bagan Pinang
11.	Y.B. Tuan Abd. Razak bin Ab. Said, P.M.C., P.J.K.	Gemas
12.	Y.B. Tuan Haji Abu Ubaidah bin Dato' Haji Redza, J.P.	Ampangan
13.	Y.B. Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin, D.S.N.S.	Palong
14.	Y.B. Dato' Haji Mohammad Razi bin Haji Kail, D.S.N.S.	Juasseh
15.	Y.B. Dato' Abd. Samad bin Haji Ibrahim, D.P.N.S., D.N.S., J.P., P.M.C., P.J.K.	Seri Menanti
16.	Y.B. Dato' Haji Yunus bin Rahmat, D.S.N.S., D.M.S.M., K.M.N., J.P., P.J.K.	Klawang
17.	Y.B. Dato' Haji Ishak bin Ismail, D.S.N.S., A.M.N., K.M.N., J.P.	Lenggeng
18.	Y.B. Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali, P.M.C.	Sungai Lui
19.	Y.B. Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, D.N.S., A.N.S., P.M.C.	Johol

BIL.	NAMA	ADUN
20.	Y.B. Tuan Mohd. Ghazali bin Abd. Wahid, A.N.S., P.M.C.	Paroi
21.	Y.B. Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza	Linggi
22.	Y.B. Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa, A.N.S., P.J.K.	Gemencheh
23.	Y.B. Tuan Loke Siew Fook	Chennah
24.	Y.B. Tuan Haji Aminuddin bin Haji Harun	Sikamat
25.	Y.B. Tuan Cha Kee Chin	Bukit Kepayang
26.	Y.B. Tuan Gunasekaren a/l Palasamy	Senawang
27.	Y.B. Tuan Chai Tong Chai	Chuah
28.	Y.B. Tuan Ean Yong Tin Sin	Lukut
29.	Y.B. Tuan Yap Yew Weng	Mambau
30.	Y.B. Tuan Ng Chin Tsai	Temiang
31.	Y.B. Tuan Ravi a/l Munusamy	Port Dickson
32.	Y.B. Tuan Veerapan a/l Superamaniam	Repah
33.	Y.B. Puan Mary Josephine Prittam Singh	Rahang
34.	Y.B. Tuan Chew Seh Yong	Bahau
35.	Y.B. Tuan Siow Kim Leong	Lobak
36.	Y.B. Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan	Nilai

**HADIR MENGIKUT FASAL 37(3) UNDANG-UNDANG
TUBUH KERAJAAN NEGERI SEMBILAN**

1. Y.B. SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Mat Ali bin Hassan, D.P.N.S., D.P.T.J., A.M.T.)
2. Y.B. PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Ishak bin Sahari, D.P.T.J., S.M.P.)
3. Y.B. PEGAWAI KEWANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Dato' Haji Tahar bin Haji Sudin, D.P.N.S.)

TURUT HADIR

1. SETIAUSAHA DEWAN UNDANGAN NEGERI, NEGERI SEMBILAN
(Encik Mohd. Amin bin Ludin, A.N.S.)
2. PENOLONG SETIAUSAHA
(Encik Hamidun bin Abdullah)

[Persidangan dimulakan pada jam 10.10 pagi]

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Susunan Mesyuarat.

1. MEMBACA DOA

Setiausaha Dewan: Perkara pertama, Membaca Doa. Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Johol.

[Y.B. ADUN Johol telah membacakan doa di bawah Peraturan 9, muka surat 11 di dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri]

2. PERUTUSAN YANG DIPERTUA DEWAN

Setiausaha Dewan: Perkara kedua, Perutusan Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Bismillahirrahmanirrahim, assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera. Alhamdulillah segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan; Menteri Besar Negeri Sembilan Darul Khusus, Yang Berhormat ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, Dato'-Dato', Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan hadirin yang dihormati sekalian. Persidangan Kedua (Perasmian) Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan Yang Ke-13 disambung semula.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mohon sekali lagi kerjasama semua ahli-ahli Yang Berhormat agar sentiasa mematuhi etika dan segala peraturan yang terkandung dalam Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Negeri, Negeri Sembilan sepanjang tempoh persidangan bagi memastikan persidangan kita berlangsung dalam keadaan harmoni dan lancar. Selamat bersidang.

3. PERTANYAAN-PERTANYAAN

3.1 **Pertanyaan-Pertanyaan Yang Berkehendakkan Jawapan Lisan (Hari Kedua)**

Setiausaha Dewan: perkara ketiga, Pertanyaan-Pertanyaan. Pertanyaan-pertanyaan yang berkehendakkan jawapan lisan (hari kedua).

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan Yang Berhormat Linggi.

Y.B. ADUN Linggi: Assalamualaikum w.b.t. dan salam sejahtera, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, izinkan saya mengemukakan soalan pertama.

Y.B. ADUN Bagan Pinang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri melalui Lembaga Pelancongan Negeri Sembilan telah merangka beberapa gerak kerja bagi menjadikan Negeri Sembilan sebagai destinasi pilihan pelancong di peringkat nasional dan antarabangsa. Ia merangkumi tiga aspek utama iaitu memperkasakan produk pelancongan sedia ada serta membangunkan tarikan pelancongan ikonik, memantapkan penganjuran acara pelancongan berimpak tinggi serta memperkenalkan acara pelancongan baru bertaraf antarabangsa, dan memperkasakan perkhidmatan-perkhidmatan sokongan kepada sektor pelancongan. Ketiga-ketiga aspek utama ini akan disokong dengan aktiviti-aktiviti dan promosi publisiti seperti misi jualan dalam dan luar negara, pengiklanan produk pelancongan di *billboard* sepanjang lebuh raya Malaysia, serta pengiklanan di laman sosial bagi menarik para pelancong untuk datang ke Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua, perancangan bagi merancakkan sektor pelancongan Negeri Sembilan meliputi tiga aspek utama iaitu acara pelancongan, prom, promosi dan publisiti serta pembangunan produk pelancongan.

Pelancaran Tahun Melawat Malaysia 2014 dilihat sebagai pemangkin ke arah keberkesanan perancangan yang telah dibuat. Apabila segala perancangan berjalan sepenuhnya, ia akan memberi manfaat kepada pengusaha-pengusaha premis penginapan melau, melalui peningkatan kadar menginap, pengusaha-pengusaha *homestay* melalui program-program tradisi yang ditawarkan, serta pengusaha-pengusaha aktiviti pelancongan melalui pakej pelancongan yang ditawarkan. Ini secara tidak langsung turut memberi manfaat kepada lain-lain perkhidmatan

sokongan seperti gerai cenderamata, gerai makan, IKS tempatan dan sebagainya. Sekian.

Y.B. ADUN Linggi: Soalan tambahan. Berdasarkan perancangan yang telah di, disediakan ini, adakah apa-apa sasaran dari segi perangkaan atau jumlah pelancong yang dijangkakan akan datang melawat ke Negeri Sembilan?

Y.B. ADUN Bagan Pinang: Dato' Yang Dipertua, melalui penganjuran Tahun Melawat Malaysia 2014, Kerajaan Negeri mensasarkan kedatangan pelancong ke Negeri Sembilan dapat ditingkatkan pada tahun-tahun akan datang. Kerajaan Negeri mensasarkan pelancongan seramai lima juta orang melalui program Tahun Melawat Malaysia. Kita berharap sasaran ini dapat dicapai dan seterusnya mening, peningkatan kadar kedatangan pelancong antarabangsa. Selain itu, Kerajaan Negeri juga berharap tempoh inapan pelancong di negeri ini, di Negeri Sembilan dapat ditingkatkan daripada satu setengah hari ke, kepada dua setengah hari. Justeru itu, diharapkan sektor pelancongan di Negeri Sembilan akan menjadi salah satu sektor utama dalam menyumbang kepada KD, KDNK Negeri. Sekian.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya.

Y.B. ADUN Linggi: Dato' Yang Dipertua, izinkan saya mengemukakan soalan yang kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, memang telah pun diketahui oleh umum bahawa di samping kita nak membangunkan Negeri Sembilan sebagai agenda utama negeri dan dengan memperhebatkan lagi agenda untuk kita mensejahterakan rakyat, di antara keutamaan-keutamaan kita di Negeri Sembilan ini adalah untuk kita meningkatkan modal insan selaras dengan Titah Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan semasa pembukaan rasmi sidang Dewan pada hari Isnin yang lalu, Negeri Sembilan merupakan sebuah negeri yang banyak menekankan tentang modal insan. Dan modal insan ini Dato' Yang Dipertua, tidak dapat kita buat dalam masa sekelip mata. Dia memerlukan satu perancangan yang amat rapi, perancangan jangka panjang yang memerlukan suatu penumpuan daripada semua pihak.

Maka, berkata tentang modal insan ini, tidak dapat tidak, kita tidak boleh melihat dari segi pelajaran. Pelajaran merupakan sesuatu yang mesti dalam usaha untuk kita mempertingkatkan kedayaa upayaan modal insan kita di Negeri Sembilan. Walaupun dari segi saiznya negeri kita ini tidak besar, kita sebuah negeri yang kecil, tetapi tidak bermakna kita tidak boleh buat apa-apa terutamanya dari segi untuk kita menyediakan modal yang baik, modal insan yang mempunyai daya saing, modal insan yang boleh bersaing di peringkat mana jua. Oleh yang demikian, dasar untuk kita mempertingkatkan modal insan dari segi untuk kita mencapai keputusan-keputusan yang baik dari segi pelajaran, telah pun kita buat pada tahun 2005 lagi. Pada tahun 2005, kita telah pun merangka satu dasar iaitu nak melihat supaya Negeri Sembilan ini menjadi sebagai negeri yang boleh menjadi sebagai negeri yang mengeluarkan ramai cerdik pandai. Maka itu, kita telah buat apa yang dipanggil sebagai Negeri Sembilan sebagai sebuah negeri iaitu hub pelajaran. Yang mana kita nak lihat supaya kita menjadikan negeri ini sebuah negeri, negeri yang dipanggil sebagai Lembah Ilmu, negeri yang boleh melahirkan ramai cerdik pandai, negeri yang boleh melahirkan ramai pemikir-pemikir yang boleh dijadikan sebagai tempat untuk dijadikan orang merujuk pada masa-masa datang, dan jugak boleh menjadi sebagai negeri yang boleh ramai memberikan tenaga kerja yang mahir di dalam negara kita.

Lembah Ilmu ini diteruskan sebagai satu dasar yang kita utamakan setiap tahun sehinggalah sekarang. Dan kita telah pun memperhebatkan lagi dasar ini dengan kita mengisi beberapa lompong-lompong yang dikira perlu diisi dengan mengambil kira beberapa faktor. Lemah Ilmu ini tidak akan terjadi begitu sahaja. Untuk kita memper, melahirkan modal insan yang pandai, yang cerdik dan yang mempunyai ilmu, modal insan yang boleh menjadi tempat kita bergantung harapan pada masa yang akan datang. Lembah Ilmu dijadikan sebagai dua cabang utama kita iaitu satu, pembangunan fizikal kita. Dan nombor dua, pembangunan, mengisi pembangunan fizikal tersebut. Pembangunan fizikal untuk kita menjadikan Negeri Sembilan sebagai Lembah Ilmu adalah merupakan suatu dasar untuk kita melihat Negeri Sembilan ini dijadikan sebagai tempat tumpuan untuk institusi-institusi pengajian tinggi, baik institusi pengajian tinggi awam mahupun institusi pengajian tinggi swasta untuk kita jadikan Negeri Sembilan ini sebagai tempat IPTA dan IPTS ini menempatkan institusi mereka sebagai tempat untuk mereka menjana para ilmuwan pada masa yang akan datang.

Itu sebabnya kita telah pun merangka satu dasar yang mana kita panggil sebagai Lembah Ilmu di kawasan yang mana dijadikan sebagai tempat yang boleh menarik perhatian IPTA dan IPTS membuka

cawangan ataupun mereka kampus di sini. Alhamdulillah, sejak daripada tahun 2005 dasar ini dirangka, sehinggalah sekarang Negeri Sembilan telah menjadi sebagai salah satu ataupun kemungkinan merupakan negeri yang menjadi tumpuan utama kepada IPTA dan IPTS untuk membuka operasi mereka di sini. Seperti yang disebut oleh salah seorang daripada ahli Dewan semalam, kita banyak menjadi tuan rumah kepada IPTA-IPTA, bukan sahaja kolej-kolej, universiti-universiti, tetapi jugak banyak institusi-institusi pengajian yang boleh melatih dari segi akademik biasa ataupun dari segi kemahiran. Dan be, tidak berapa lama lagi beberapa banyak lagi universiti-universiti IPTA dan IPTS ini akan bertambah bilangannya. Dan IPTA dan IPTS ini adalah merupakan IPTA dan IPTS yang merupakan yang mempunyai kecemerlangan dalam bidang masing-masing.

Dan inshaa allah Dato' Yang Dipertua, kita akan membahagi-bahagikan kampus-kampus ini di setiap daerah se, seboleh mungkin kerana kita jugak tidak mahu penumpuan pembukaan IPTA ini terlalu di satu tempat. Walau bagaimanapun banyak IPTS yang mahu membuka cawangan mereka ataupun kampus mereka di sini, mereka selalunya bertumpu di kawasan, di kawasan Seremban, Port Dickson dan jugak di kawasan-kawasan di sekitar. Ini adalah disebabkan oleh seperti yang saya sebutkan, sama jugak paten ataupun pola dia, dengan pelaburan kerana mereka mahu supaya ia dekat dengan kemudahan-kemudahan seperti lapangan terbang, ibu negara dan jugak dengan kemudahan-kemudahan yang lain dengan mengambil kira tenaga kerja yang nak mengendalikan jugak IPTA dan IPTS ini. Maka, kedudukan Nilai, Enstek, Sendayan, Port Dickson, Mantin dan kawasan-kawasan lain serta keadaan kawasan yang berdekatan adalah merupakan kawasan yang menjadi pilihan kepada IPTA dan IPTS ini.

Alhamdulillah, setakat sekarang banyak dah IPTA dan IPTS yang telah pun membuka operasi mereka di sini. IPTS yang terkemuka di dunia membuka jugak cawangan mereka ataupun kampus mereka di sini. Dan yang terakhir adalah Universiti Manipal daripada India. Dan kita telah pun berusaha untuk membawa lebih banyak lagi IPTS ataupun universiti luar negara ini datang ke Negeri Sembilan.

Malangnya Universiti Xiamen sepatutnya bukak di Negeri Sembilan, tetapi disebabkan oleh faktor, faktor pertimbangan-pertimbangan lain, universiti ini telah membuka cawangannya di sempadan negeri kita. Sepatutnya di Negeri Sembilan, Dato' Yang Dipertua. Tetapi kita terus akan berusaha untuk memberikan peluang dan ruang kepada IPTS dan IPTA untuk datang ke Negeri Sembilan.

UiTM di Kuala Pilah dan telah membuka lagi satu cawangannya di Seremban 3. Dan di Rembau akan dibukak jugak boleh jadi dalam *rolling plan* ke-3. Dan inshaa allah akan dibukak jugak satu lagi kampus UiTM di Enstek, di, di Daerah Seremban, Dato' Yang Dipertua. Dan jika ini berlaku, Negeri Sembilan merupakan satu-satunya negeri, walaupun saiznya kecil tetapi mempunyai empat kampus UiTM dalam negara ini.

Jadi inilah cara kita untuk kita mengisi dari segi fizikal sebab supaya anak-anak di Negeri Sembilan boleh melihat, mereka melihat kehadiran IPTA dan IPTS ini. Melihat kolej-kolej dan jugak institusi-institusi pengajian ini untuk mere, memberikan mereka semangat untuk mereka mencapai kejayaan. Dari sekolah menengah berasrama penuh misalnya, Negeri Sembilan akan merupakan satu-satunya negeri yang mempunyai sekolah berasrama penuh yang banyak ataupun yang terbanyak. Seperti disebut semalam, bekas kampus Kolej Tuanku Kurshiah yang telah pun berpindah ke Enstek, Bandar Enstek, akan dibuka operasinya pada mulai tahun hadapan, iaitu permohonan kita untuk menjadikan bekas kampus tersebut sebagai sebuah Sekolah Menengah Sains Perempuan telah pun diluluskan. Dan inshaa allah, nama sekolah tersebut akan mengambil nama Duli Yang Maha Mulia Tunku Ampuan Besar kita. Jadi ini, rancangan-rancangan kita dari segi pembangunan fizikal.

Dari segi pembangunan rohaninya, pengisiannya pulak, untuk menjadikan Negeri Sembilan ini sebagai Lembah Ilmu Dato' Yang Dipertua, adalah dengan kita mengisi supaya, fizikalnya berjalan, tetapi mesti diisi. Kita tak boleh berbangga dengan pembangunan fizikal tetapi diisi oleh orang lain. Maka itu, kita mempunyai berbagai-bagai program dan agenda untuk melihat supaya Lembah Ilmu ini diisi oleh anak-anak daripada Negeri Sembilan. Jadi kita mempunyai program, kita mempunyai agenda supaya kecemerlangan ini dapat diisi dan dapat dirasai oleh anak-anak Negeri Sembilan. Maka kita telah pun membuat berbagai-bagai program dan agenda seperti kecemerlangan dari segi keputusan peperiksaan umum iaitu UPSR, PMR, SPM, STPM, STAM supaya kita nak lihat anak Negeri Sembilan ini pandai-pandai.

Alhamdulillah, jangkaan kita dan jugak matlamat kita untuk menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang cemerlang, menduduki sekurang-kurangnya dalam kelompok kelima teratas dalam keputusan peperiksaan umum ini telah dapat kita capai Dato' Yang Dipertua. Dapat kita capai sehinggakan pencapaian tersebut amat membanggakan kita. Ini di luar jangka. Kerana keputusan-keputusan ini bukan saja menduduki tempat kelima teratas, tetapi dapat tempat kedua teratas, tempat ketiga teratas. Bahkan yang amat membanggakan sekali ialah keputusan Sijil Tinggi Agama Malaysia

(STAM), pada tahun 2012, Negeri Sembilan menduduki tempat pertama dalam negara ini, Dato' Yang Dipertua. Alhamdulillah. Jadi, ini merupakan sesuatu pengisian yang nak kita lihat. Kita mahu pastikan anak-anak kita cemerlang, pandai-pandai. Itu satu, di peringkat sekolah.

Yang keduanya pulak kita telah pun memulakan satu gerak langkah iaitu melalui Yayasan Negeri Sembilan, yang mana kita mahu melihat supaya pelajar-pelajar kita yang menduduki ataupun yang sedang menduduki institusi-institusi pengajian tinggi IPTA supaya mereka cemerlang dalam keputusan pelajaran mereka. Kita nak lihat supaya anak Negeri Sembilan ini menjadi pelajar-pelajar cemerlang. Maka kita buat apa yang dipanggil sebagai skim siswazah cemerlang. Pada tahun 2005 jugak kita mulakan. Kerana pada tahun 2005, keputusan 2004 daripada universiti-universiti dalam negara kita, bila kita kaji, kita lihat anak Negeri Sembilan tak sampai sepuluh orang pun yang mendapat Ijazah Kelas Pertama, Dato' Yang Dipertua. Ha, ini sesuatu yang boleh kita perbaiki lagi. Maka kita buat apa yang dipanggil sebagai skim ijazah cemerlang. Pada tahun pertama, kedua, ketiga, kita telah pun menawarkan kepada semua pelajar-pelajar, anak-anak Negeri Sembilan, anak Negeri Sembilan ini dikategorikan, kalau kedua-dua ibu bapaknya Negeri Sembilan, memang layaklah. Kalau salah seorang daripada ibu bapaknya lahir di Negeri Sembilan layak jugak. Ataupun kedua ibu bapaknya bukan daripada Negeri Sembilan tapi dah duduk di Negeri Sembilan melebihi 15 tahun pun kita kiranya dianya sebagai anak Negeri Sembilan jugaklah.

Jadi Dato' Yang Dipertua, kita dah menawarkan siapa sahaja anak Negeri Sembilan, siswazah-siswazah anak Negeri Sembilan yang dapat keputusan cemerlang iaitu Ijazah Kelas Pertama di dalam peperiksaan mereka, kita bagikan insen, atau apa yang dipanggil sebagai inten, insentif lima, 25,000 ringgit. 25,000 ringgit kita bagi. Tak ada negeri lain buat ni, ni negeri, Negeri Sembilan negeri pertama yang mengadakan skim ijazah, siswazah cemerlang ni. 25,000 ringgit kita tawarkan melalui Yayasan, bukan melalui Kerajaan Negeri. Alhamdulillah, tahun 2006 ramai, mula-mula kita mulakan tahun 2005 tu ada lebih kurang empat orang sahaja. 2006 bertambah lebih kurang berbelas orang jugak. 2007 bertambah. 2008 bertambah ramai Dato' Yang Dipertua, sampai 40 lebih orang. Maka kita terpaksa kurangkanlah kerana terlampau banyak daripada [RM]25,000 kita kurangkan kepada [RM]10,000. Jadi, ramai jugak lagi. Dan alhamdulillah pada tahun-tahun selepas itu, dah melebihi 100 orang. Kita turunkan daripada [RM]10,000 kepada [RM]5,000 saja Dato' Dipertua, kerana tanggal seluar, tak boleh, ya. Terlampau banyak sangat yang ramai yang dapat tetapi kepada ibu bapak dan pelajar-

pelajar, mereka kata “tak apa”, kerana mereka merasa amat bangga, mereka ini dihargai dan mereka ini diraikan sebagai anak negeri yang dapat kecemerlangan dalam pelajaran. Tak ada negeri lain buat Dato’ Yang Dipertua. Negeri Sembilan buat. Kita buat di hotel-hotel, kita buat di kampus. Dulu kita pernah buat di UTM di Johor. Kita buat di UU, USM di, di Pulau Pinang. Kita buat di Kuala Lumpur. Dan minggu depan kalau tak salah saya kita akan raikan 100 orang pelajar untuk tahun 2012 di Klana. Untuk tahun 2012, 172 orang anak Negeri Sembilan mendapat Ijazah Kelas Pertama. Alhamdulillah, tahniahlah kepada anak-anak kita.

Ini pengisian yang kita buat. Ini, ini dia yang kita la, kita buat supaya Lembah Ilmu ini tidak menjadi sebagai retorik, tapi dia diisi dengan pembangunan fizikal dan yang kedunya diisi dengan pembangunan modal insan, dengan kecemerlangan anak-anak kita. Saya nak mengambil kesempatan ini, pihak kerajaan dan jugak Dewan-lah ya, yang sebaiknya, Dewan ingin nak merakamkan ucapan terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga pelajaran. Ibu bapak, pelajar-pelajar yang bersama-sama berjalan seiiring nak menjayakan dasar yang kita buat ini, dasar nak menjadikan Negeri Sembilan sebagai Lembah Ilmu. Saya, ataupun kita nak lihat lahirlah seramai mungkin pemikir-pemikir, para ilmunan ataupun lahirlah seramai mungkin Pendeta Zaaba zaman moden. Saya nak tiupkan semangat Pendeta Zaaba di kalangan anak-anak muda supaya cemerlanglah dalam bidang pelajaran, cemerlanglah dalam bidang masing-masing supaya Negeri Sembilan akan mejadi sebagai sebuah negeri, saiznya tak berapa besar tetapi tidak pula dapat ditendang sebagai sebuah negeri yang tidak dapat memberikan apa-apa sumbangan kepada negara. Jadi harapan kita Lembah Ilmu ini akan terus cemerlang dan akan menjadi, dan telah pun mejadi kenyataan dan akan terus dapat menjadi sebagai negeri yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara, modal insan dan jugak lain-lain pada masa yang akan datang. Dato’ Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Linggi: Dato’ Yang Dipertua, adakah apa-apa usaha khusus yang dijalankan oleh pihak kerajaan bagi memastikan pencapaian sekolah-sekolah agama rakyat di bawah seliaan Kerajaan Negeri, pencapaiannya diperbaiki?

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato’ Yang Dipertua, terima kasihlah kepada YB Linggi. YB Linggi ini salah satu daripda contoh modal insan kita. Merupakan seorang anak kampung, tapi belajar pandai, pergi ke London School of Economic dalam bidang perundangan, dan balik

untuk menjadi salah seorang daripada pemimpin muda. So, tahniahlah, balik ke Negeri Sembilan.

Sekolah Agama Rakyat ini Dato' Dipertua, adalah merupakan sekolah yang diurus, didirikan, diuruskan oleh rakyat. Itu sebab kita panggil Sekolah Agama Rakyat. Dia tak ada kena mengena dengan kerajaan. Mereka ini jugak di, di, di, di, dibiayai oleh rakyat, oleh Lembaga Pengurus. Mereka ini adalah merupakan sekolah swasta, katakan sekolah swastalah, rakyat, sekolah rakyat, itu sebab dipanggil Sekolah Agama Rakyat. Sekolah agama ini ada beberapa jenis Dato' Dipertua, satu Sekolah Agama Persekutuan. Macam sekolah agama, Sekolah Menengah Agama Labu misalnya, itu Persekutuan. Sekolah Menengah Agama Kerajaan Negeri, pun ada jugak. Macam sekolah menengah, sekolah-sekolah menengah yang adalah, macam sekolah menengah agama di Rantau. Macam sekolah agama di Rembau, di apa tu, itu Sekolah Menengah Agama Negeri.

Dan ada sekolah menengah, ataupun Sekolah Agama Rakyat. Sekolah Agama Rakyat ini didirikan, diuruskan, dibiayai oleh rakyat. Tanah pun pun tanah sendiri-sendirilah, tak ada kena mengena langsung dengan rakyat. Jadi usaha, ini adalah merupakan satu usaha murni yang dibuat oleh rakyat untuk melihat supaya anak-anak yang beragama Islam, mereka ini dididik dalam bidang agama. Dididik untuk menjadi seorang insan yang baik. Mereka belajar misalnya kalau belajar pagi di sekolah biasa, mereka akan bersekolah petang, sekolah, apa yang dipanggil sekolah KAFA, sekolah Kelas Fardu Ain dan Bahasa Arab. Jadi, banyak sekolah ni.

Ja, Dato' Yang Dipertua, ada usaha yang dijalankan bersama-sama dengan Majlis Agama Islam. Majlis Agama Islam memberikan bantuan perkapita, Dato' Yang Dipertua. Mula-mula dulu pada tahun 2004, cuma 10 ringgit saja satu kepala Majlis Agama bagi, tapi sekarang kita dah bagi lebih dah. Tahun lepas, 2012, ataupun tahun ini 2013, Majlis Agama Islam telah pun memberikan perkapita, bantuan perkapita kepada setiap satu murid, kepada Sekolah Agama Rakyat ini sebanyak 60 ringgit satu kepala, satu tahun ya, bukan sebulan, satu tahun. Untuk mereka dapat membiayai operasi dan yang lain-lain, Dato' Dipertua. Jadi Sekolah Agama Rakyat ini, walaupun dalam bentuknya mereka ini persendirian, tetapi mempunyai hubung yang, hubungan yang rapat dengan Majlis Agama Islam. Dan Majlis Agama Islam sentiasa memantau, Jabatan Agama Islam sentiasa memberikan kerjasama supaya kita dapat memastikan supaya ianya terus menjadi institusi yang boleh mendidik anak-anak kita, anak orang-orang Islam di kampung-kampung ataupun di pinggir-pinggir bandar yang mana

keperluan pendidikan agama Islam ini memang, mesti berikan keutamaan.

Walaupun pada 2005 Kerajaan Negeri melalui Majlis Agama Islam, bukan Kerajaan Negeri ya, saya tarik balik, melalui Majlis Agama Islam kita telah wujudkan apa yang dipanggil sebagai Kelas Agama Petang. Kita merupakan satu-satunya yang buat ni Dato' Yang Dipertua. Belajar pagi-pagi, buat Kelas Agama Petang daripada 1:30 sampai pukul 5:00, anak orang Islam belajar. Supaya orang bercakap tentang keruntuhan akhlak, keruntuhan moral, masalah sosial tetapi kita menuding jari kepada belia. Bila ada masalah sosial, belia tak betul. Bila ada masalah sosial, belia ni tak betul. Belia bermasalah. Tapi apa kita buat? Kita tak buat apa-apa pun selama ini. Bagi kita Dato' Yang Dipertua, untuk kita mengurangkan masalah sosial, masalah remaja ini, tidak lain tidak bukan adalah melalui pendidikan agama. Jika mereka mempunyai didikan agama yang baik, kita akan dapat memberikan mereka suatu sistem iaitu apa yang dipanggil sebagai *self censorship*, dengan izin, ataupun sistem saringan dalam diri mereka sendiri yang mana mereka boleh membezakan yang baik ataupun yang tidak baik. Jadi ini kita lakukan, Kelas Agama Petang yang mana sekarang ini Kelas Agama Petang ini Dato' Yang Dipertua, mendapat sambutan yang amat baik di kalangan ibu bapak bahkan ada terdapat sekarang dah lapan buah Sekolah kebangsaan, Jenis Kebangsaan Cina yang mana ramai murid-muridnya anak-anak orang Islam telah pun mengadakan Kelas Agama Petang ini dengan kita berikan kerjasama mengadakan ustaz ataupun ustazah mengajarkan anak-anak mereka di sini. Dalam satu-satu ketika, sekarang ini lebih kurang 45,000 orang anak-anak orang Islam, di sekolah-sekolah rendah menghadiri Sekolah Agama Petang ini.

Dan alhamdulillah Dato' Yang Dipertua, sejak kita adakan Kelas Agama Petang ini, keputusan UPSR kita pulak meningkat. Ini secara kebetulan ataupun tidak, saya tak tahulah. Tetapi dulu, kalau dibandingkan, apa yang kita risau Dato' Yang Dipertua, ialah keputusan luar bandar dengan bandar ini jurangnya amat besar. Ini jugak merupakan salah satu dariapda kita punya agenda keutamaan kita untuk merapatkan jurang ini. Keputusan sekolah di bandar amat cemerlang, keputusan di luar bandar kurang cemerlang. Jurang dia makin lama makin besar dan penghanyutan dan pembesaran jurang ini semakin lama semakin amat ketara. Tetapi selepas beberapa agenda keutamaan kita buat, merungkai masalah mengapa wujud, terjadinya jurang ini, alhamdulillah jurang ini semakin lama semakin mengecil. Bahkan ada sekolah-sekolah luar bandar yang sekarang ini keputusannya baik di UPSR ataupun, ataupun PMR, lebih cemerlang pulak daripada sekolah-sekolah di bandar. Ha, ini suatu yang amat kita, kita lihat secara dekat dan amat mengembirakan kita. Kerana jurang tersebut telah makin

lama semakin rapat bahkan ada yang lebih cemerlang daripada sekolah-sekolah di bandar.

Jadi, Sekolah Agama Rakyat merupakan satu kewujudan yang telah lama dalam masyarakat, kewujudan dia memang kita alu-alukan. Ada orang dulu kata kita buat Kelas Agama Petang ni kerana kita nak bersaing dengan Sekolah Agama Rakyat. Ada tuduhan dilempar, bahawa kita nak menutup Sekolah Agama Rakyat, bukan. Tujuan kita bukan Dato' Yang Dipertua, untuk menutup ataupun bersaing dengan mereka. Tetapi tujuan kita mengadakan Kelas Agama Petang adalah semata-mata untuk kita pastikan supaya pengajaran, pengajaran agama Islam ini dapat dikembang luaskan dan dapat diberikan kepada anak-anak. Kerana bukan semua tempat ada Sekolah Agama Rakyat. Dan pelajaran agama Islam pulak di sekolah-sekolah biasa lebih, lebih kurang dua ataupun tiga waktu satu minggu. Mana mungkin di dalam zaman yang begitu mencabar sekarang ini Dato' Yang Dipertua, zaman globalisasi sekarang ini, dunia tanpa sempadan, ruang langit kita yang terbukak dan sempadan kita yang tidak ada batasan lagi, kita tidak mempunyai cukup waktu untuk mengajar dalam bidang agama. Jadi inilah hasrat kita. Kelas Agama Petang ini bukan nak bersaing dengan kelas, ataupun Sekolah-Sekolah Agama Rakyat, Kelas Agama Petang ini bukan untuk menutup Sekolah Agama Rakyat, tetapi untuk kita sama-sama lengkap melengkapi supaya yang, hasrat kita adalah hasrat yang sama iaitu untuk memberikan pendedahan. Untuk mentarbiahkan seawal mungkin anak-anak kita supaya mereka mendapat sebanyak mungkin ilmu yang ada di dada mereka untuk mereka bersama-sama dalam masyarakat di luar sana. Jadi bukan, tuduhan mengatakan bahawa kita nak menutup Sekolah Agama Rakyat, nak bersaing Agama Rakyat, tak betul. Bahkan kita sekarang sering lengkap melengkapi.

Majlis Agama Islam membiayai pulak buku-buku teks yang dipakai oleh sekolah-sekolah dalam, semasa Kelas Agama Petang, diberi percuma kepada murid-murid di sekolah, Sekolah Agama Rakyat. Mana ada Sekolah Agama Rakyat, kita tak galakkan anak-anak mengadakan Sekolah Agama Petang, pergilah, pergi ke Sekolah Agama Rakyat. Tapi sekolah tetap wujud, ada Kelas Agama Petang. Siapa nak pergi sana pergi, siapa nak hadir Kelas Agama Petang, hadir. Jadi tidak timbul soal lagi bahawa kita nak bersaing ataupun kita nak mempunyai hasrat yang lain. Tujuan kita adalah nak memberi pendedahan, nak memberikan anak-anak kita peluang. Dulu, masa kita kecik-kecik Dato' Yang Dipertua, macam saya, arwah ayah saya bekerja, arwah mak tak kerja, pukul 6, pukul 6:30 mesti pergi surau. Itu rutin kita. Tapi sekarang ni, kedua ibu bapak disebabkan oleh tekanan hidup, sara hidup kita yang tinggi, ibu pun bekerja, ayah pun bekerja. Itu pun cukup-cukup makan. Nak panggil ustaz ataupun ustazah ke rumah pun tak mampu. Nak

hantar anak pergi belajar agama ke tempat lain pun, dia punya bayaran 20 ringgit sebulan pun tak mampu.

Jadi ini yang dibuat oleh kerajaan, Majlis Agama Islam untuk kita memberikan kemudahan untuk anak-anak kita dapat menimba ilmu terutamanya ilmu keagamaan untuk kita menyediakan anak-anak muda, belia-belia kita untuk mereka mempunyai asas agama. Manalah tahu besok nanti dia ter, terseleweng ataupun mereka ini tersasar dalam hidup, mereka mempunyai asas. Asas ini penting Dato' Yang Dipertua, kerana seseorang yang mempunyai asas agama yang kuat, mereka mempunyai keyakinan diri yang mereka boleh jadikan sebagai panduan dalam hidup mereka. Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Linggi: Dato' Yang Dipertua, izinkan saya mengemukakan soalan yang ketiga.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, ini jugak berkenaan dengan Majlis Agama Islam. Zakat. Zakat di Negeri Sembilan Dato' Dipertua, dipungut oleh, Agama Islam melalui Pusat Zakat Negeri Sembilan. Pusat Zakat Negeri Sembilan ditugaskan sebagai agensi yang mengutip zakat yang ditunaikan oleh orang-orang Islam yang menyempurnakan fardu ataupun menyempurnakan rukun mereka iaitu berzakat mana-mana mereka yang telah pun layak untuk membayar zakat. Alhamdulillah, zakat, kutipan di Negeri Sembilan Dato' Yang Dipertua, amat cemerlang sekali. Saya boleh kata cemerlanglah. Saya, kita nak ucapkan kepada Majlis Agama Islam, kepada Pusat Zakat Negeri Sembilan ucapan tahniah kepada semua yang telah pun bertugas begitu cemerlang.

Sebelum 2004 Dato' Yang Dipertua, tak pernah melangkaui [RM]15 juta. Tetapi apabila kita memberikan matlamat-matlamat, cara dan untuk kita mem, menyedang, menyenangkan dan memudahkan untuk orang membayar zakat, menyedarkan orang untuk membayar zakat, memberikan kemudahan-kemudahan potong gaji untuk orang yang nak membayar zakat, akhirnya Dato' Yang Dipertua, kita telah dapat me, mengutip zakat dengan jumlah yang amat, yang amat besar. Dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, tahun lepas sahaja, Pusat Zakat Negeri Sembilan, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan telah berjaya mengutip zakat [RM]66 juta. Dan untuk setakat Januari sampai Ogos sahaja, tahun ini, kita telah berjaya memungut zakat sebanyak [RM]52.2 juta, Dato' Yang Dipertua. Kalau dibandingkan dengan tahun 2012, lebih kurang [RM]40 juta sahaja.

Jadi alhamdulillah Dato' Yang Dipertua, ini merupakan satu kecemerlangan dalam prestasi pungutan zakat di Negeri Sembilan. Dan berbagai caralah dibuat terutamanya memudahkan orang untuk membayar zakat, kaunter-kaunter zakat kita banyak berada di mana-mana. Khususnya dalam cara memotong, potongan gaji bulanan. Ha, ini amat digemari terutama oleh guru-guru. Guru-guru di Negeri Sembilan ini mereka mengambil cara untuk memotong gaji secara bulanan dan jugak pekerja-pekerja lain, terutamanya kakitangan awam. Jumlah zakat yang banyak ini jugak Dato' Dipertua, adalah disebabkan oleh prestasi Majlis Agama Islam. Kalau nak dikirakan Dato' Dipertua, seluruh yang orang sepatutnya orang di Negeri Sembilan ini membayar, kita tak dapat pungut [RM]66 juta. Kita dah buat congak dia. Mengapa kita boleh pungut zakat begitu banyak kerana boleh di, boleh dikirakan hampir 50 peratus daripada [RM]66 juta yang kita pungut tahun lepas adalah merupakan daripada luar Negeri Sembilan. Yang ditunaikan oleh syarikat-syarikat korporat dan jugak individu-individu daripada luar Negeri Sembilan yang mana mereka ini telah pun melihat prestasi Baitulmal Negeri Sembilan yang diurus dengan baik. Mereka lebih rela membayar zakat ataupun menunaikan zakat mereka di Negeri Sembilan, di Majlis Agama Islam, di Pusat Zakat Negeri Sembilan kerana mereka nak nampak dan lihat, jelas bahawa zakat mereka itu diurus dengan baik. Dan kita urusnya, bayaran zakat ini kita telah pun kita buat dan kita agihkan dengan baik. Pusat zakat mengutip, Baitulmal mengagihkan. Dan agihan zakat ini yang dibuat oleh Baitulmal di bawah Majlis Agama Islam Dato' Yang Dipertua, dibuat begitu rapi sekali sehinggakan satu sen pun kita kira kerana ia adalah merupakan tanggungjawab kita sebagai pengurus dana, pengurus zakat ini untuk kita bagikan kepada asnaf yang lapan.

Alhamdulillah, lima tahun berturut-turut Dato' Dipertua, Majlis Agama Islam terutamanya Baitulmal kita telah dianugerahkan, telah pun diberikan anugerah sebagai apakan, organisasi ataupun agensi yang terbaik iaitu Sijil 4 Bintang Dato' Yang Dipertua, tiap-tiap tahun. Empat Bintang ni kira paling banyak ni. Karang kata empat bintang, apasal tak lima? Dia tak ada lima ya, empat sahaja. 4 Bintang dibe, anugerahkan lima tahun berturut-turut oleh Ketua Audit Negara, dalam Indeks Akauntabiliti, yang mana ianya dibuat pengurusan Baitulmal dibuat dengan baik, dan jugak urusan-urusan yang lain begitu mendapat pujian daripada pihak Ketua Audit Negara. Ini menyebabkan ramai orang datang ke Negeri Sembilan kerana mereka jelas dan kita, mereka nampak bahawa kita urus dengan baik. Jadi, Dato' Yang Dipertua, bila prestasi baik, orang akan nampak kecemerlangan kita, dan orang akan datang dan mereka akan bersahabat dan mereka akan menunaikan zakat mereka di Negeri Sembilan. Dan kita harap supaya prestasi cemerlang ini akan dapat diteruskan dan Pusat Zakat Negeri Sembilan

akan merupakan pusat zakat yang boleh dapat menjadi agensi yang dapat mengutip zakat dengan baik.

Dan alhamdulillah dengan kecemerlangan tersebut, dengan jumlah yang besar tersebut, itu sebabnya kita boleh memberikan peningkatan seperti yang disebutkan awal tadi, daripada 10 ringgit perkapita Sekolah Agama Rakyat, kita bagi sampai 60 ringgit. Dan bagai-bagai lagi, kerana kita mengikut asnaf yang lapan, Dato' Dipertua. Bahkan kita dapat membiayai pelajar-pelajar kita. Pelajar membuat bidang perubatan di Mesir, kita dapat membiayai dengan jumlah yang besar, kita hantar setiap tahun iaitu mengambil bidang perubatan di Mesir melalui apa yang dipanggil sebagai asnaf iaitu asnaf al-riqaf. Asnaf ini Dato' Yang Dipertua, ada satu asnaf dalam kita punya asnaf yang lapan ini, iaitu membebaskan hamba. Membebaskan hamba ni zaman sekarang ni tak ada hamba lagi Dato' Dipertua. Mana ada hamba lagi zaman moden. Jadi Majlis Fatwa, kita telah dapat persetujuan membebaskan hamba ini tidak ada lagi, tapi kita telah mintak supaya kelonggaran dibagi, memberikan anak muda, memberikan pelajar-pelajar ini ilmu supaya mereka berjaya, samalah seolah-olah membebaskan mereka daripada perhambaan, iaitu orang yang tak ada ilmu ni seperti orang yang tak ada apa-apalah.

Jadi, kita telah dapat persetujuan Majlis Fatwa dan kita dapat menguruskan pelajar-pelajar, membiayai pelajar-pelajar belajar bidang perubatan, belajar bidang pergigian, belajar dalam, dan sekarang ini Dato' Dipertua, Majlis Agama Islam kita, kita tak nak lagi anak-anak kita yang mempunyai Ijazah Sarjana Muda balik terus menjadi, mencari pekerjaan. Kita nak mereka supaya melanjutkan lagi dalam bidang Sarjana dan jugak dalam bidang Ijazah Kedoktoran, Doktor Falsafah. Maka sekarang ini ramailah yang balik daripada Azhar dan jugak universiti-universiti lain, kita, kita galakkan mereka buat, dan lebih kurang 40 lebih orang sekarang sedang mengikut kelas Sarjana dan ada lebih kurang tujuh orang sedang mengikuti kelas Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan. Semuanya dibiayai oleh Majlis Agama Islam.

Jadi Dipertua, zakat ini amat mempunyai banyak faedah dan kita berharap supaya mereka-mereka yang telah pun layak untuk membayar zakat Dato' Dipertua, akan terus menyumbangkan zakat, dan jugak terus menunaikan rukun Islam mereka di Pusat Zakat Negeri Sembilan. Inshaa allah, terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan ADUN Mambau.

Y.B. ADUN Mambau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, Mambau mengu, mengemukakan soalan pertama.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini bahawa persimpangan jalan masuk dan keluar ta, di ta, tengah, di Bukit Rasah dan juga antara Taman Nuri sememangnya adalah merupakan persimpangan yang agak sibuk. Ini adalah kerana sikap pengguna yang melalui kawasan ini yang meletakkan kereta dan juga motosikal mereka secara rambang. Dan juga kemalangan biasa yang berlaku di jalan ini juga adalah kerana sikap tidak sabar pengguna. Walau bagaimanapun, setelah kita dapati bahawa kita memerlukan beberapa tindakan untuk mengatasi kemalangan di kawasan ini, maka pihak MPS telah menjalankan beberapa kajian dan juga akan mengambil tindakan serta merta untuk memperbanyakkan lagi *signage*, dengan izin, dan juga tanda-tanda peringatan bagi mengurangkan kemalangan jalan raya di kawasan ini. Selain daripada itu, MPS juga akan mengambil tindakan untuk membina beberapa *speed breaker*, ataupun *transverse bar*, dengan izin, dan juga *road harm*, bagi mengatasi masalah kemalangan di kawasan itu. Terima kasih.

Y.B. ADUN Mambau: Soalan tambahan. Apakah perancangan jangka masa pendek dan jangka masa panjang pihak MPS, pihak MPS untuk mengelakkan kes kemalangan yang begitu rumit di situ? Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, seperti yang saya jelaskan tadi, bahawa kemalangan ini adalah berpunca daripada sikap pengguna. Maka kita mintak supaya pemimpin-pemimpin masyarakat terutamanya ADUN Mambau supaya kita memberikan sedikit pemahaman ataupun *educate* pengguna kita di situ untuk memastikan bahawa keselamatan itu adalah merupakan satu *priority*, dengan izin, ataupun keutamaan supaya dapat kita jaga sama-sama. Terutamanya bagi pengguna-pengguna yang berhenti di pusat penjaja yang berhampiran. Kita tak boleh mewujudkan ataupun suasana *parking* dan sebagainya kerana kawasan itu merupakan kawasan yang di, yang menjadi tumpuan masyarakat ketika waktu-waktu puncak. Walau bagaimanapun, tindakan segera kita akan ambil dengan mengadakan *speed breaker* untuk mengatasi masalah pengguna yang menggunakan laluan di situ dengan laju dan sebagainya. Dan kita juga seperti yang saya sebut tadi, kita akan buat *road harm* jika perlu, dan ini adalah merupakan tindakan MPS yang akan, pastinya akan mengurangkan suasana, ataupun keadaan kemalangan. Kita boleh *enforce*, dengan izin, pengguna-pengguna yang meletakkan kenderaan secara rawak ini

tetapi tindakan itu adalah pastinya akan mendapat pandangan yang tidak begitu baik daripada pihak pengguna. Tetapi kalau keadaan itu tidak selesai, maka tindakan *enforcement* akan kita buat. Terima kasih.

Y.B. ADUN Mambau: Dato' Pertua, saya kemukakan soalan kedua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, berkenaan dengan pelaburan ini, memang pelaburan menjadi sebagai satu agenda utama kepada kerajaan kita. Untuk kita membangun dan memajukan negeri, kita memerlukan pelaburan. Tidak ada pelaburan, maka tidak ada pembangunan. Pelaburan ini dalam bahasa kasar dia, Dato' Yang Dipertua, tetapi pelaburan ini ada dalam berbagai bentuk. Pelaburan dalam sektor apa. Perkilangan, perindustrian, perkhidmatan, pertanian, pelancongan dan macam-macam lagilah. Memang sejak daripada 2004 lagi kita telah pun mengenal pasti bahawa kekuatan kita di Negeri Sembilan adalah merupakan sektor pelaburan perindustrian dan perkilangan. Kerana kita telah pun menjadi sebagai negeri yang telah pun banyak operasi-operasi, syarikat-syarikat perkilangan dan jugak perusahaan di Negeri Sembilan. Makanya kita telah pun mengukuhkan lagi usaha tersebut dengan kita mengambil langkah iaitu pelaburan sektor perindustrian dan perkilangan ini diberikan keutamaan. Dan sehingga sekarang, sektor ini merupakan tulang belakang kepada pertumbuhan ekonomi kita. Itu sebabnya kita perlu sentiasa berusaha terus, sentiasa perlu bekerja kuat untuk pastikan supaya pelaburan akan terus datang ke negeri kita agar pertumbuhan ekonomi kita dapat dijana, ekonomi kita dapat tumbuh dengan baik disebabkan oleh pelaburan yang sentiasa datang.

Dan kita meletakkan matlamat, sejak daripada tahun 2005, kita letakkan matlamat supaya kita dapat pertumbuhan ekonomi yang boleh kita jangka. Kita letakkan matlamat iaitu kita mesti mempunyai pelaburan baru di Negeri Sembilan setiap tahun tidak kurang daripada 1 bilion ringgit. 1 bilion ringgit ini Dato' Dipertua, adalah merupakan suatu para supaya pertumbuhan ekonomi kita dapat tumbuh tidak kurang daripada empat peratus. Maknanya Dato' Yang Dipertua, kita mesti dapatkan 1 bilion ringgit setiap tahun, pelaburan baru ke Negeri Sembilan supaya kita dapat mencatatkan pertumbuhan ekonomi melebihi empat peratus. Dan dapat menjana peluang pekerjaan, 1 bilion ringgit ini, kalau dalam satu perkilangan, perkilangan, lebih kurang 3,500 ke 4,000 orang ataupun peluang pekerjaan baru. Jadi, ini merupakan matlamat kita. Dan alhamdulillah-lah sejak daripada tahun 2005, melainkan ada sedikit renjutan, kejutan ekonomi, krisis ekonomi, tahun 2007 Dato' Dipertua, kita tak dapat [RM]1 bilion, cuma [RM]800

juta saja, yang lain-lain semuanya kita dapat melebihi angka matlamat kita. Dan yang paling baik adalah pada tahun 2011 kita dapat pelaburan baru di Negeri Sembilan, sektor perkilangan Dato' Yang Dipertua ya, bukan total, bukan jumlah semua, sektor perkilangan sebanyak [RM]7 bilion, 7.9 bilion ringgit. Itu sektor perkilangan saja. Kalau kita katakan pelaburan secara total, dia melebihi tu. Kita masukkan perkhidmatan, kita masukkan lain-lain Dato' Yang Dipertua, macam tahun 2012 sahaja, kalau kita masukkan perkhidmatan dan semua-semuanya, jumlah pelaburan di Negeri Sembilan adalah sebanyak [RM]7.3 bilion. Tetapi sektor perkilangan sahaja, kita keluarkan sektor perkilangan sahaja sebanyak [RM]2.7 bilion. Maknanya pada tahun 2012, kita jugak melangkaui matlamat [RM]1 bilion.

Ha, jadi ini merupakan matlamat yang telah kita letakkan dan kita berusaha untuk mencapai matlamat tersebut. Jadi, kita dah ada kita punya, kita punya *vision* kita dah ada, *vision statement* kita apa, *vision statement* macam-macam. Kita jadikan negeri kita sebagai negeri yang penjawat awamnya, agensi kerajaannya yang, yang orang kata *friendly to business*, dengan mengubah cara kita bekerja, seperti apa yang disebut oleh, yang dititahkan oleh Duli Yang Maha Mulia, kita bukan memberikan perkhidmatan tetapi menawarkan perkhidmatan. Memberi perkhidmatan dengan menawar dua perkara yang lain. Dulu beri perkhidmatan, *you can come, you can choose whatever you want, but today*, dengan izin Dato' Dipertua, kita menawarkan kepada orang. *Come, come, we have this, we have that, we*, ini cara kita supaya orang dapat melihat kita sebuah negeri yang mempunyai keyakinan bahawa orang datanglah ke negeri kita, bukaklah apa sahaja jenis perniagaan, kita akan cuba menjadi sebagai jabatan yang menjadi fasilitator ataupun yang memudahkan urusan perniagaan mereka. Ramai orang dah lihat sekarang.

Kalau dulu Dato' Yang Dipertua, kalau nak mendapatkan apa yang dipanggil sebagai Kebenaran Merancang, enam bulan tu kadang-kadang belum dapat lagi. Tapi sekarang, Kebenaran Merancang dengan tukar status tanah dalam masa 37 hari kita boleh buat. Kita buat sekali Dato' Yang Dipertua. Dulu, Kebenaran Merancang buat, tu, sampai kalau nak buat hotel misalnya, ada 23 agensi. Nak buat hotel, nak dapat permit dia, 23 agensi kena pergi. Sekarang ni dengan *One Stop Centre*, Dato' Dipertua, satu yelah. Kerana semua agensi tersebut duduk dalam satu jawatankuasa dan ianya diluluskan oleh jawatankuasa tersebut. Jadi tak perlu lagi nak pergi kepada, nak pergi ke jabatan tu, nak pergi jabatan ni, nak pergi agensi tu, agensi, tak payah, tak perlu lagi. Dan kita jugak telah buat bahawa dia boleh buat Kebenaran Merancang dan jugak kebenaran untuk menukar status tanah dalam masa yang sama.

Dulu tak boleh. Dulu buat Kebenaran Merancang, kemudian baru nak tukar tanah. Kalau nak tukar status tanahnya status pertanian, kena nak tukar kepada perindustrian, mengambil masa yang lama lagi. Kalau tanahnya pertanian nak tukar kepada perumahan, tukar perumahan, mengambil masa yang amat lama. Jadi inilah cara-cara kita di mana cara ini didapati amat berkesan Dato' Yang Dipertua, dan ia memberikan satu kepuasan kepada pihak yang memerlukan ataupun pihak yang mahukan perkhidmatan kita. Salah satu daripadanyalah.

Yang kedua kita mengadakan, menyediakan jaringan jalan raya dan pengangkutan yang lain dengan kita memberikan, menyediakan, menaik taraf jalan-jalan, kita buat *middle ring road*, dan kita sekarang ni kita akan lengkapkan lagi 50 peratus, kita jugak akan mempunyai satu apa yang dipanggil sebagai *the outer ring road*, dengan izin. Kita dah ada LEKAS Dato' Dipertua, daripada Kajang sampai ke Senawang. Sekarang ni kita tengah buat jalan ber, apa ni, *interchange* kat sana. Dan kita telah pun mendapat kelulusan dan telah pun kita setuju dia punya jajaran, iaitu *highway* yang baru daripada KLIA ke Seremban. KLIA – Seremban akan melalui Enstek, Sendayan, Mambau dan akan melintasi jalan Seremban – Port Dickson, semua ada *exit*, ada tol, dan akan bertemu di Tol Senawang. Dan daripada Tol Senawang itu Dato' Dipertua, kita akan buat sesuatu untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di sana. Kesesakan jalan Senawang ni Dato' Yang Dipertua, pagi petang siang malam, tak kira, hujung minggu lagi 'toghok'. Ada 10 *traffic light* kat situ. Empat kilometer 10 *traffic light*. Tak tau siapalah merancang dulu Dato' Dipertua. Tak tahu siapa merancang. Tak usahlah kita menuding-nuding jari. Kita mesti melihat ke depan. Kita nak menyelesaikan masaah. Jadi apa yang kita buat ialah kita nak lihat supaya kesesakan lalu lintas yang teramat sangat ini, orang yang nak pergi Kuala Pilah, orang nak pergi Jelebu, orang nak pergi mana, lalu kat situ Dato' Dipertua, terperangkap dalam kesesakan. Jadi kita akan buat dan dipersetujui oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia, kita akan buat jalan bertingkat sepanjang empat kilometer di sana. Jalan bertingkat. Jadi orang nak balik Kuala Pilah, masuk Tol Senawang ambil jalan 'ateh', jangan menggatal-gatal jalan bawah. Jalan 'ateh'. Jalan di 'ateh', ha, baliklah Kuala Pilah. Sekarang *interchange* pun ada, semua dah ada, 'sonang' dah tak ada masalah lagi. Dan ia akan menjadi sebagai jalan luaran, *the outer ring road*. KLIA – Seremban, Seremban – Kajang. Dan kita ada *middle ring road*, nak kita siapkan lagi tak lama lagi, lagi 50 peratus.

Dan inshaa allah, kita akan menyediakan, menaik taraf dan membesarkan lagi jalan-jalan, jaringan-jaringan jalan raya. Ini adalah semata-mata untuk kita memberi gambaran dan memudahkan supaya sesiapa sahaja yang nak membuka perusahaan ataupun industri

mereka ataupun perniagaan mereka di Negeri Sembilan, mereka akan dapat berurusan dengan baik dan mereka akan dapat menjalankan perusahaan mereka terutamanya dari segi kos pengangkutan dan yang lain-lain yang mana ia merupakan kos yang besar jika jalan raya tidak baik dan kemudahan-kemudahan awam yang lain tidak disediakan dengan baik, Dato' Dipertua. Jadi alhamdulillah, kita berjaya dan pertumbuhan ekonomi kita baik dan peluang-peluang pekerjaan dapat disediakan kepada rakyat Negeri Sembilan. Dan ini dapat kita janakan ekonomi dengan baik. Dan itu sebabnya Dato' Dipertua, kita telah dapat menjana ekonomi, pertumbuhan ekonomi kita setiap tahun Dato' Yang Dipertua, melebihi 5 peratus, 5 peratus, 5 peratus. Ha, ini dapat menjamin bahawa ekonomi kita baik, orang akan dapat pendapatan, pekerjaan ada, peniaga boleh jual barang, orang ramai datang sini. Jadi ini merupakan satu orang kata satu lengkap melengkap di antara satu sama lain. Dan Negeri Sembilan akan membangun dan maju. Jadi inilah hasrat kita untuk melihat Negeri Sembilan terus maju dan terus membangun dan dapat mencapai hasrat supaya kita dapat menjadi Negeri Maju pada tahun 2020. Inshaa allah.

Y.B. ADUN Mambau: Soalan tambahan. Dato' Yang Dipertua, terima kasih kepada pihak Negeri Sembilan menjawab soalan ini begitu panjang lebar sekali. Kita nak jawapan yang *straight to the point*, mintak izin. Tak perlulah membazirkan masa. Jadi, soalan tambahan saya, Dato' Yang Dipertua, apakah punca utama yang menyebabkan pelabur asing menarik diri atau berundur keluar dari melabur di Negeri Sembilan? Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat daripada Mambau bertanya soalan pelaburan. Saya jawab pasal pelaburan. Jangan kurang ajar, ya. Saya menjawab

Y.B. ADUN Mambau: "Kurang ajar", ini

Y.A.B. ADUN Rantau: dengan panjang lebar.

Y.B. ADUN Mambau: ini rakyat nak tahu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya memberikan

Y.B. ADUN Mambau: Sama ada, ada pelabur asing berundur diri dari Negeri Sembilan?

Y.A.B. ADUN Rantau: Ini betul, pelaburan, tetapi saya tadi, saya menjawab soal pelaburan, soalan tu, soalan umum. Saya jawab. Tapi kalau nak tanya berapa banyak pelabur asing keluar, tak ada. Jadi itulah jawab saya, ringkas, nak jawab ringkas, saya kata “tak ada” lah.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan seterusnya Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Mambau: Soalan ketiga.

Y.B. ADUN Pertang: Dato’ Yang Dipertua, soalan ADUN Mambau yang ketiga ni, saya tak berapa faham kerana dia kata mengalami masalah kemudahan awam. Tapi saya ambil pemahaman yang lain, yang ditanya ialah masalah penyelenggaraan. Kerana kemudahan awam ni Dato’ Yang Dipertua, semua rumah pangsa swasta ataupun kerajaan memang kemudahan tu disediakan. Kita ada *bus stop*, kita ada pagar, kita ada longkang, kita ada lampu, kita ada *parking*. Masalahnya yang berlaku di rumah pangsa sekarang ini ialah masalah, sekali lagi saya nyatakan masalah sikap pengguna iaitu *vandalism*, dengan izin. Maka segala pengurusan di rumah pangsa ini adalah di bawah tanggungjawab MC ataupun *management corporation*, badan pengurusan bagi rumah pangsa yang berkenaan. Badan pengurusan ini mestilah menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan yang jugak telah dipersetujui oleh pemi, oleh jawatankuasa ahli-ahli ataupun *committee*, pemilik-pemilik tapak ataupun petak bagi kawasan yang berkenaan. Kalau gagal bermakna pengurusan rumah pangsa berkenaan gagal menjalankan tanggungjawab bagi menguruskan segala hal ehwal yang berkaitan dengan penyelenggaraan kemudahan awam bagi kawasan yang berkenaan. MPS tidak bertanggungjawab untuk menjalankan tugas-tugas penyelenggaraan yang tidak dijalankan oleh badan pengurusan yang berkenaan. Kalau *committee* itu tak kukuh maka badan ataupun *joint* yang kita panggil sebagai badan pengurusan bersama, *joint management body* harus ditubuhkan dalam tempoh setahun. Maka MPS boleh dan nasihat bagi penubuhan jawatankuasa ini bagi penyelenggaraan itu dapat kita teruskan bagi kawasan yang berkenaan. Terima kasih Dato’ Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Lobak: Mambau, mintak laluan. Dato' Yang Dipertua, saya kemukakan soalan tambahan. Di dalam DUN Lobak juga banyak perkara telah berlaku di mana badan pengurusan, *management corporation* telah ditubuhkan semenjak tahun 98, oleh jawatankuasa dan juga penduduk-penduduk tidak menjalankan mesyuarat-mesyuarat mereka. Dan mengakibatkan badan pengurusan tersebut tidak aktif dan tidak berjalan dengan lancar. Jadi soalan saya, adakah pihak MPS atau pihak Kerajaan Negeri akan mengambil alih badan, MC ini atau badan pengurusan supaya mendidik mereka atau mengajar mereka sehingga satu tahap yang mereka boleh mengambil alih semula dan serah balik kepada badan Pengurusan. Terima kasih.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, untuk maklumat Lukut, Lobak ni, saya dah sebut tadi bahawa MPS tidak bertanggungjawab untuk mengambil alih badan pengurusan. Kalau badan pengurusan ini tidak berjaya ditubuhkan kena, kerana masalah sikap, masalah pemaju dan sebagainya, pemaju berhak untuk menubuhkan *joint management body*, dengan izin. Maksudnya badan pengurusan bersama. Dalam tempoh setahun dia tak tubuh, apa ni, *joint management body* haruslah ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah yang berkenaan. MPS hanya boleh memantau dan *enforce* peraturan yang melibatkan badan pengurusan. Kalau, apa masalahnya, masalahnya apabila pemilik tidak membayar *charge* yuran-yuran penyelenggaraan kepada *committee* ini, maka pihak *committee* sudah ada peruntukan untuk mengambil tindakan. Kerana itu sekali lagi saya sebut di Dewan yang mulia, pemimpin-pemimpin yang berhampiran dengan kawasan berkenaan terutamanya Lobak harus memberikan pendidikan, *educate* masyarakat kita supaya bertanggungjawab untuk *maintain* kemudahan yang kita sedia ada. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Paroi.

Y.B. ADUN Paroi: Assalamualaikum w.b.t. dan salam 1Malaysia, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 1.

Y.B. ADUN Serting: Dato' Yang Dipertua, sebelum saya menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat ADUN Paroi, ingin saya menjelaskan bahawa di bawah Kementerian Pelajaran ma, Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, terdapat lapan jenis bantuan yang disediakan kepada pelajar-pelajar di seluruh negara. Dan ada beberapa

bantuan yang khusus ya, kepada anak-anak kita ataupun pelajar-pelajar yang datang dari mereka yang berpendapatan rendah ataupun di bawah kategori miskin tegar ataupun miskin.

Jadi, berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat ADUN Paroi iaitu jumlah peruntukan ya, untuk pelajar sekolah ya, pelajar miskin di kawasan DUN Paroi, iaitu kita pecahkan kepada dua kategori iaitu sekolah rendah. Iaitu di kawasan Dewan Undangan Negeri Paroi, terdapat 13 buah sekolah rendah, yang mana di bawah lapan jenis bantuan tadi, antara bantuan yang kita khususkan kepada pelajar miskin ya, di peringkat sekolah rendah ialah bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, program Rancangan Makanan Tambahan, kemudian program Susu 1Malaysia dan juga pakaian seragam. Jadi, di untuk sekolah rendah, 13 buah semuanya, jadi jumlah bagi tahun 2013 ialah, setakat ini, [RM]473,220.60 sen yang melibatkan jumlah pelajar yang menerima seramai 2,073 orang.

Manakala bantuan untuk sekolah menengah, terdapat empat buah sekolah menengah dalam kawasan Dewan Undangan Negeri Paroi ini iaitu bantuan yang khusus dibagi kepada pelajar ya, miskin di peringkat sekolah menengah ialah Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, dan juga bantuan pakaian seragam iaitu terlibat 81 orang yang menerimanya melibatkan jumlah RM30,000.00. Jadi keseluruhannya peruntukan pelajar miskin di Dewan Undangan Negeri Paroi untuk sekolah rendah dan menengah ialah berjumlah [RM]503,220.60 sen. Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Paroi: Soalan tambahan. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAPM) pada tahun 2003 di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957. Objektif penubuhan utama adalah untuk membantu golongan ibu bapa murid yang mere, berpendapatan rendah dan tidak berkemampuan untuk menghantar anak mereka ke sekolah, dengan harapan mengurangkan jurang peluang pendidikan antara bandar dan luar bandar. Sila nyatakan cara pemilihan murid yang menerima Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin tersebut?

Y.B. ADUN Serting: Dato' Yang Dipertua, jadi antara syarat ataupun kriteria ya, kelayakan murid menerima bantuan KWAPM ini dan juga bantuan-bantuan yang lain, yang ni saya fokuskan kepada bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, baik untuk sekolah rendah ataupun sekolah menengah ialah, murid miskin ya, warganegara Malaysia, Tahun 1 hingga Tingkatan 1, dan juga Peralihan yang

bersekolah di sekolah rendah mene, sekolah rendah dan juga sekolah menengah. Kemudian yang kedua adalah murid miskin yang ketua isi rumah ya, berdaftar dengan e-kasih dan disahkan status kemiskinannya sebagai miskin atau miskin tegar. Dan yang ketiga ialah murid miskin yang pendapatan keluarganya berada di bawah paras garis kemiskinan, PGK Nasional seperti contohnya saya ambil garis ya, kemiskinan di Semenanjung Malaysia sahaja iaitu bagi kategori miskin Semenanjung Malaysia [RM]720.00, dan juga perkapita ya, perkapita ni kita bagikan pendapatan isi rumah dengan jumlah tanggungan. Dan juga miskin tegar di Semenanjung Malaysia ialah bagi isi rumah yang berpendapatan RM430.00 ya, dan juga perkapitanya RM100.00. Dan bagi bandar di Semenanjung, perkapitanya, jumlah pendapatan isi rumah ialah [RM]740.00 dan perkapitanya [RM]185.00. dan miskin tegar bagi kawasan bandar di Semenanjung Malaysia ialah [RM]420.00 dan juga dengan perkapita [RM]100.00. Dan bagi kawasan luar bandar, kategori miskin pendapatan isi rumahnya [RM]700.00 dan juga perkapita, perkapitanya [RM]160.00. Dan miskin tegar ya, bagi kawasan di luar Semenanjung Malaysia, iaitu RM440.00 dan juga dengan perkapita RM100.00. Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Paroi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 2.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua, Paroi ni, DUN Paroi ni dia, Paroi ni besar, dia separuhnya dia di luar daripada DUN Paroi. Soalannya ialah jumlah yang di, jumlah untuk membaiki, membaik pulih dan menceriakan masjid di DUN Paroi. DUN Paroi ada lima buah masjid saja Dato' Dipertua. Dan kebanyakannya, ataupun semualah, bukan kebanyakan, semua masjid-masjid di, di DUN Paroi ni semua masjid-masjid baru. Baru dibina dan juga masjidnya barulah. Jadi, untuk soalan menjawab berapa banyak jumlah yang telah pun diberi oleh kerajaan menceriakan ataupun menaik taraf masjid di DUN Paroi untuk tahun 2013, jawabnya, tak ada.

Y.B. ADUN Paroi: Soalan tambahan. Bagaimanakah perancangan Kerajaan Negeri untuk menambah nilai fungsi sesebuah masjid kepada sebuah masjid yang memenuhi serta menjadi nadi penggerak aktiviti masyarakat setempat khususnya DUN Paroi-lah? Dan apakah perancangan Kerajaan Negeri sama ada memak, membina masjid yang baru terutama di kawasan Paroilah? Yang Berhormat Dato' Seri. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak kan masjid kat Paroi ja. Membina masjid ni merupakan satu keperluan sama ada dia di Paroi atau di mana Dato' Dipertua, terpulang kepada apa kajian dan jugak keperluan yang ada di dalam masyarakat. Masjid ini Dato' Dipertua, adalah merupakan institusi yang menginstitusi masyarakat. Berjaya ataupun tidaknya dasar-dasar terutamanya dasar yang dibuat oleh kerajaan ataupun Majlis Agama Islam untuk kita pastikan peningkatan ummah dan syiar agama Islam tersebut di sesebuah kawasan dia banyak bergantung kepada fungsi masjid itu sendiri. Masjid merupakan institusi yang diuruskan oleh masyarakat, dan masjidlah tempat untuk melaksanakan dasar-dasar, untuk menjayakan apa saja Kelas Fardu Ain, menjayakan mengaji Quran ke apa ke, kelas-kelas yang lain, ceramah-ceramah, su, subuh, kelas subuh ke, kelas, apa saja Dato' Dipertua, dia dilakukan di masjid. Dan masjid itu ceria, cerialah syiar Islam di kawasan tersebut.

Jadi, ini tidak banyak kepada kerajaan Dato' Dipertua, dia banyak di bawah Majlis Agama Islam. Peranan menceriaan, peranan untuk menggiatkan dan untuk masjid memainkan peranan sebagai institusi masyarakat, meningkatkan syiar agama Islam banyak dibuat oleh Majlis Agama Islam. Dia tak ada kena mengena dengan Kerajaan Negeri. Bahkan peruntukan, macam tadi ditanya peruntukan, Majlis Agama Islam mempunyai apa orang kata pertandingan keceriaan, pertandingan macam-macam. Siapa yang dapat, menang dapat [RM]50 ribu dalam bentuk projek, macam-macam kita buat.

Jadi, Dato' Yang Dipertua, memang hasrat Majlis Agama Islam ataupun kerajaan untuk melihat supaya perpaduan umah dan syiar agama Islam ni terus berjalan dengan baik dan dapat dijadikan sebagai teras kepada masyarakat. Kalau kita nak lihat baik ke tidaknya, berpadu tidaknya umah di sesuatu tempat, kita tengok masjid. Kadang-kadang kita tengok satu masjid tu suram saja, langsung tak terurus, tempatnya kadang-kadang tak elok, tandasnya teruk, macam-macam. Tapi di mana masyarakat dia berpadu, masyarakat dia saling bersama-sama, kita lihat institusi masjid tersebut ceria.

Jadi menjadi hasrat kita untuk melihat supaya pemegang-pemegang amanah yang diamanahkan untuk mengurus masjid ini mesti menjalankan tugas dengan baik. Jawatankuasa masjid, nazir-nya, imam-nya, bilal dia, siak dia, merupakan orang yang diberikan tanggungjawab untuk mengurus masjid dan menjadikan institusi masjid ini sebagai institusi untuk menyatu-padukan ummah. Jangan jadikan masjid sebagai tempat untuk mengadu dumba. Itu kita tak suka, itu sebabnya orang marah dengan kerajaan mengapa tindakan diambil, mengapa kita tidak sambung lagi kontrak orang itu, orang ini, kita tegas Dato' Yang Dipertua. Kita telah bagitahu banyak kali, jangan

gunakan masjid sebagai tempat mengadu dumba, memecah belahkan masyarakat. Itu kita bagi tau kepada semua orang. Jangan nak salahkan Majlis Agama Islam. Jangan salahkan Jabatan Agama Islam jika kontrak nazir, kontrak imam, kontrak bilal, kontrak siak ini tidak di, dilanjutkan ataupun tidak diperbaharui kerana kita nak lihat supaya masjid, seperti saya sebut tadi satu padukanlah rakyat, satu padukanlah ummah, di situlah tempat untuk kita memulakan apa saja aktiviti kegiatan setempat.

Jadi macam-macam caralah yang telah pun kita letakkan, macam-macam cara agenda untuk kita menceriaikan masjid. Dan yang paling akhir sekali ni ialah kita nak melihat supaya masjid ini dijadikan sebagai tempat menjana ekonomi orang Islam. Ha, itu sebabnya melalui kita punya Perbadanan Wakaf, Majlis Agama Islam, kita telah pun membina sebagai satu perintis, projek perintis, lima buah masjid di Negeri Sembilan untuk kita membina Wakaf Mart, ataupun kedai-kedai Wakaf ataupun kedai-kedai yang boleh menjadikan sebagai pusat perniagaan untuk menjana ekonomi masjid dan jugak seterusnya memberikan peluang-peluang perniagaan kepada penduduk setempat. Amat berjaya Dato' Dipertua, Wakaf Mart di Masjid Panchor Jaya misalnya merekodkan jumlah jualan yang amat baik, menjual barang-barang 1Malaysia, menjual barang-barang secara borong, yang mana harganya amat murah jika dibandingkan dengan harga barangan di kedai-kedai di kawasan berhampiran ataupun di luar. Ha, itu di Panchor Jaya, berjaya, diuruskan oleh pihak jawatankuasa masjid, ada koperasi masjid yang kita telah tubuhkan dan diurus oleh koperasi. Keuntungannya balik kepada Perbadanan Wakaf 40 peratus, kepada masjid 40 peratus dan 20 peratus diambil sebagai, apa yang dipanggil sebagai *profit sharing*, dengan izin, oleh orang yang mengurus, kakitangan dia. Jadi ini satu galakanlah, lebih banyak perniagaan, lebih banyak untung dan mereka dapat lebih banyak duit.

Di masjid-masjid yang lain, seperti di Kuala Pilah, baru siap, masjid di, ada lima buah kedai, di Tampin, di Gemas, di Jelai dan jugak di Rasah Jaya. Kita sedang memerhatikan masjid-masjid mana yang lain lagi, yang boleh dibantu untuk kita pastikan mereka mempunyai koperasi masjid, untuk mereka membina kedai-kedai koperasi. Masjid-masjid yang besar-besar, kawasan perumahan yang besar Dato' Dipertua, bolehlah membina kedai-kedai koperasi ini. Jangan jual barang-barang yang mudah rosak ataupun yang *perishable goods*, dengan izin. Juallah barang-barang yang tak rosak. Jual, jual barang dalam tin, 'bogheh' 'ko', 'topung' 'ko', 'gulo' 'ko' dan tak akan busuk. Dan kalau nak ditengokkan macam di Paroi Jaya, misalnya, masjid dia besar, kawasan pendudukan dia besar. Di Taman Tuanku Jaafar misalnya Dato' Yang Dipertua, ada lebih kurang 5,000 buah rumah di situ. Katakanlah 4,000 buah rumah,

rumah orang keluarga Islam. Kalau satu bulan dia boleh berbelanja di kedai koperasi 100 ringgit saja, 100 kali 4,000 buah rumah, tak kan tak boleh kan?

Jadi ini kita nak lihat supaya ekonomi setempat tersebut, ekonomi masjid tersebut dapat dijana supaya kitaran ekonomi ini, pusran ekonomi ini tidak, orang kata, ke, ketirisan keluar ke, ke, ke ekonomi yang lain, ya. Dato' Dipertua, ini sedang kita buat. Dan berbagai-bagai insentiflah telah kita tawarkan kepada masjid-masjid supaya jadikanlah masjid sebagai institusi yang boleh menjana kebajikan dan jugak menjadi sebagai institusi yang boleh menyatu padukan masyarakat.

Di samping kita nak lihat supaya pengurusan masjid ini dibuat secara profesional sekarang. Kita dah nak buat dah, dah diluluskan iaitu Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan. Jadi kita nak buat, kita nak, apa yang dipanggil kita nak mengkorporatkan kita punya Perbadanan Baitulmal seperti SAINS. Dia bukan swasta, tapi dikorporatkan kerana Dato' Dipertua, kita nak membawa ataupun kita nak mengambil kakitangan ataupun kita nak mengambil mereka-mereka yang mempunyai kelayakan-kelayakan dan kebolehan untuk bersama-sama kita menjana dan jugak membangunkan syiar agama Islam di Negeri Sembilan. Di bawah Perbadanan Baitulmal ini nanti, kita akan usahakan jugak usaha untuk memperkukuh dan memperkemaskan Pusat Dakwah kita. Ha, banyak ni, dari segi mualaf-nya kadang-kadang tidak terurus dengan baik. Diurus, tapi kita boleh perbaiki lagi. Pengurusan, apa yang dipanggil sebagai pengurusan masjid dan surau-surau di Negeri Sembilan ini Dato' Dipertua, banyak diuruskan secara sukarela. Itu sebabnya sekarang 22 masjid sekarang ini, masjid-masjid yang baru-baru semua dah ada apa yang dipanggil sebagai pegawai, kita, dipanggil sebagai Eksekutif Masjid. Kita ambil pegawai-pegawai, imam yang mempunyai ijazah. Yang balik daripada Mesir, yang balik daripada universiti-universiti yang berlatar belakangkan agama, dia, kita ambil sebagai S41. Kalau PTD M41, kita panggil dia S41. Mereka ini kita tak panggil imam kerana kita panggil dia Eksekutif Masjid dan salah satu daripada tugas mereka adalah menjadi imam. Jadi kita tak memperkecilkan dia punya tugas, kita panggil Eksekutif Masjid. Dialah yang akan merancang untuk menjalankan aktiviti. Dialah yang akan menjadi sebagai apa sahajalah, eksekutif di kawasan tersebut. Dan mereka ini akan didedahkan dengan latihan-latihan supaya dapat menjadi seorang pemimpin yang boleh menjadi pemimpin di kawasan tersebut.

Jadi ini berbagai-bagai cara yang dibuat oleh Majlis Agama Islam Dato' Yang Dipertua, dan kita yakin bahawa bila kita dapat jayakan ini, tu, terutamanya bila kita dapat tubuhkan, inshaa allah awal tahun depan,

tu, tertubuhnya Perbadanan Baitulmal Negeri Sembilan, yang mana kita akan dapat memperkukuhkan kakitangan kita, memperkukuhkan organisasi kita, urusan untuk mengurus masjid-masjid, surau-surau dan jugak peningkatan syiar agama Islam akan dapat lebih dipertingkatkan di masa-masa akan datang, inshaa allah.

Y.B. ADUN Paroi: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, soalan nombor 3.

Y.A.B. ADUN Rantau: Kadar jenayah di DUN Paroi. Tadi, soalan tadi pun menjawab, Dato' Yang Dipertua, kan, tadi macam pelaburan tadi menjawab soalan daripada PD dan jugak Rembau ya, Bahau, *sorry*.

Dan kadar jenayah di DUN Paroi ni jugak Dato' Yang Dipertua, menjawab Soalan Lisan Hari Pertama daripada DUN Repah, Soalan Lisan Hari Kedua daripada DUN Temiang, Soalan Bertulis daripada DUN Rahang dan Soalan Bertulis daripada DUN Bahau, ya. Semuanya ada bersangkutan paut dengan kes jenayah, ya. Dan saya jawab untuk bersekalilah ya, kesemua soalan-soalan daripada ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dato' Yang Dipertua, memang benar, ini kita akui bahawa jenayah merupakan sesuatu yang amat merunsingkan masyarakat. Kadar jenayah banyak berlaku tetapi jenayah-jenayah ini kalau di Negeri Sembilan Dato' Dipertua, selepas langkah untuk mengurangkan kadar jenayah ini dibuat dua tahun lepas, mulai dua tahun lepas, dia dapat mengurangkan kadar jenayah. Tapi, di Negeri Sembilan Dato' Yang Dipertua, tidak ada apa yang dipanggil sebagai *hot spot*, dalam negara kita, Negeri Sembilan terkeluar daripada kawasan *hot spot*, *hot spot*, dengan izin ya. Kawasan, kawasan panas di mana kawasan *hot spot* di negara, negara kita ini Kuala Lumpur, Ipoh, Petaling Jaya kawasan dia dan jugak di Johor dan jugak kawasan-kawasan lain. Tidak ada satu kawasan yang dipanggil sebagai kawasan panas ataupun *hot spot*.

Tapi kita di Negeri Sembilan mendapat jugak apa, pemantauan dan jugak pengurangan kes jenayah ini dibuat oleh pihak Polis Diraja Malaysia. PDRM menjalankan tugas dengan baik dan alhamdulillah setiap tahun kadar jenayah turun, Dato' Yang Dipertua. Jadi, kalau dilihat pulak daripada pecahan indeks jenayah ini Dato' Dipertua, dia, 70 peratus daripada indeks jenayah ini adalah merupakan jenayah ringan. Jenayah yang paling banyak dalam 70 peratus ini Dato' Dipertua, adalah iaitu kehilangan motosikal. Kehilangan motosikal melampau-lampau. Terlampau banyak, dia menambah bilangan

jenayah, indeks jenayah ini dan berbagai caralah yang dibuat. Pihak Majlis Perbandaran, Majlis PBT-PBT buat, 'taghukkan' tempat kunci, bagi kunci percuma, pun dia orang tak nak kunci. Dia kadang-kadang motosikal dia hilang, dia pergi masuk A&W ditinggalnya motor dengan kunci-kunci tu, jalan, hilang. Dia kadang-kadang pergi beli barang, ditinggalnya motor begitu, hilang. Dan kebanyakannya hilang Dato' yang Dipertua, hilang dan motosikal ini hilang dicuri untuk dijadikan sebagai orang-orang untuk menjual dalam pasaran gelap, *spare part*. Dan kebanyakannya ada jugak yang telah lepas pergi ke negara lain, negara luar. Ada laporan, ada orang beritahu saya secara tidak rasmi Dato' Dipertua, ya. Dia kata ada plat motosikal plat Negeri Sembilan kat negara tersebut, katanya. Begitu sekali ya. Dia buat tak faham. Pergi, dia pergi menyangkul sawah pakai plat NAC ke, NEB ke. Plat Negeri Sembilan, tak tukar plat pun. Dia terus bawak, dia bawak balik kampung dia, pergi motong 'gotah', 'poie' sawah padi.

Jadi, apa yang dibuat pihak kerajaan khususnya PDRM ialah mengurangkan kadar jenayah dengan mengadakan berbagai-bagai cara. Mempertingkatkan rondaan, mempertingkatkan kehadiran polis di kawasan-kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan yang panas. Di Negeri Sembilan, kadar jenayah yang paling tinggi sekali di Daerah Seremban Dato' Dipertua. 70 peratus daripada kadar jenayah di Negeri Sembilan ini adalah daripada Daerah Seremban. Dan di Daerah Seremban pulak, 70 peratus daripada kadar jenayah di Daerah Seremban datangnya daripada tiga balai iaitu balai Senawang, balai Rahang dan balai Nilai. Ha, jadi kita, kita dah tahu dah. Kita dah tahu macam mana. Jadi, kalau tiga balai, kawasan, tiga kawasan ini, kalau dapat dipertingkatkan kita punya penguatkuasaan, kalau dapat kita pastikan supaya segala penguatkuasaan dapat dilakukan, kita akan dapat mengurangkan kadar jenayah dengan banyak sekali. Tetapi kadar jenayah tadilah, hilang motosikal, hilang basikal, pecah rumah dan lain-lain.

Jenayah berat ada, tetapi tidaklah begitu, seperti negeri-negeri lain Dato' Dipertua. Kita pun jenayah kita apabila dilihat dari peringkat nasional, kita berada di nombor 10 ke bawah. Dan jugak, nombor-nombor yang belaknglah. Kita punya kadar jenayah tak tinggi Dato' Yang Dipertua, ha dari segi pertumbuhan atau pertambahan kadar jenayah.

Jadi, kerajaan juga berusaha menolong dan jugak rakyat perlu bersama-sama. Mengurangkan kadar jenayah ini perlu kerjasama semua orang. Macam pelajaran tadilah. Ibu bapak mesti sama-sama, murid-murid, sekolah, guru-guru, orang ramai. Dan jenayah pun sama. Kita tak boleh harap polis semata-mata. Kalau polis nak kita harapkan jaga tong gas

belakang rumah kita, kalau polis nak kita harapkan jaga basikal di rumah, polis nak kita harap supaya mengunci rumah kita, sebab kita lupa nak tutup pintu, ini tak boleh. Itu sebabnya kita di Negeri Sembilan kita telah buat berbagai-bagai cara iaitu salah satunya ialah Sistem Kepolisan Masyarakat. Kalau di kampung, JKKK telah diarahkan menubuhkan Sistem Kepolisan Masyarakat. Meronda, anak-anak muda sama-sama meronda kampung masing-masing. Dan di kawasan-kawasan KRT, kita adakan Sistem Rondaan Sukarela. Alhamdulillah Dato' Dipertua, nyata dan jelas sekali kawasan-kawasan yang dulunya tinggi kadar jenayahnya, tetapi apabila ada Sistem Kepolisan Masyarakat dibuat, ataupun Sistem Rondaan Sukarela dibuat di kawasan-kawasan taman-taman tersebut, kadar jenayahnya turun dengan mendadak sekali, melebihi 50 peratus turun. Ha, jadi ini jelas bahawa penyertaan masyarakat, orang ramai di dalam usaha untuk membanteras dan mengurangkan jenayah memang berkesan dan perlu dipertingkatkan lagi supaya kadar jenayah ini dapat sama-sama kita tangani. Marilah kita sama-sama ronda. Marilah kita sama-sama jaga kawasan kejiranan kita. Jangan kawasan kadang-kadang SRS, Skim Rondaan Sukarela ini dua tiga empat orang saja, yang lain mengharapkan orang menjaga keselamatan kita. Tak boleh. Keselamatan ini adalah merupakan tugas kita bersama. Jaga rumah kita, jaga keluarga kita. Dan apabila dijemput ataupun diajak untuk menjadi anggota Sistem Kepolisan Masyarakat, ataupun Sistem Rondaan Sukarela ini, sama-sama kita menjaga kejiranan kita. Dan kerajaan memberikan kelonggaran kepada pegawai kerajaan, kakitangan awam yang menyertai sistem Skim Rondaan Sukarela, kalau dia meronda pada sebelah malam, dia boleh datang, kita bagi *flexi hours*, ataupun masa yang apa, anjal untuk mereka datang lewat ke pejabat masing-masing Dato' Dipertua.

Jadi harapan kerajaan adalah supaya untuk kita mengurangkan kadar jenayah ini, penyertaan masyarakat untuk sama-sama kita membanteras, membendung dan jugak mengurangkan jenayah ini adalah suatu, suatu yang mesti dan masyarakat mesti bersama-sama proaktif dalam apa jua program, dalam apa jua tindakan yang diambil untuk menjaga keselamatan bersama. Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, masa bagi pertanyaan lisan telah pun tamat. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan pihak kerajaan yang telah menjawab segala pertanyaan-pertanyaan dengan amat baik sekali. Semua soalan lisan pada hari kedua yang tidak dijawab, dijadikan Soalan Bertulis.

4. USUL

(Sambungan Usul Menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Diraja)

Setiausaha Dewan: Perkara keempat, Usul Menjunjung Kasih Titah Ucapan DiRaja.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, semalam ahli-ahli Yang Berhormat telah selesai membahaskan usul menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan sempena perasmian Persidangan Dewan Undangan Negeri Yang Ke-13. Seorang pencadang dan penyokong, seorang penyokong beserta dengan seramai 18 orang ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian. Oleh itu saya mempersilakan pihak kerajaan untuk menjawab serta menggulung perbahasan.

Y.B. ADUN Serting: Dato' Yang Dipertua, di sini ingin saya menjelaskan beberapa perkara iaitu pertama perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Repah iaitu temu janji ya, temu janji Klinik Pakar di Hospital Tuanku Jaafar Seremban yang mana sebagai, seperti yang diutarakan oleh Yang Berhormat Repah semalam mengatakan bahawa ada temu janji di Hospital Tuanku Jaafar tidak dilayan melalui telefon. Ini adalah tidak benar sama sekali, ya, kerana dari segi rawatan, disiplin rawatan perubatan ni kita mesti amat teliti sebab ia melibatkan ya, nyawa. Di dalam hal ini, kita telah, dari segi Jabatan Kesihatan melalui Klinik-Klinik Pakar-nya sudah menentukan tarikh-tarikh ataupun masa-masa. Jadi pesakit mesti mengikuti disiplin ini kerana apa nama, dok, Klinik-Klinik Pakar ni sudah ada jadualnya. Jadi bila ada panggilan telefon, biasanya, lazimnya ya, pesakit itu akan diminta datang semula ya, berjumpa, buat *appointment* baru di hospital. Sebab kalau kita, pihak hospital kalau hanya menerima panggilan melalui telefon, sebab pesakit kita tak tahu siapa yang, yang akan apa, yang menelefon ini. Jadi itu sebab, dari segi disiplinnya untuk memastikan ya, perkara itu berjalan dengan baik ya, biasanya pesakit ya, yang akan, yang nak membuat, menukar tarikh temu janji ini akan dipanggillah ya. Sebab mereka pun bukan jenis yang *emergency*, kecemasan ya, panggil, inilah disiplin yang kita amalkan supaya semuanya berjalan lancar. Kalau tidak nanti, susah kita melalui Klinik-Klinik Pakar ya, dah ada jadual-jadual tertentu, ada doktor-doktor tertentu ya, ha ini kita cukup teliti ya, Jabatan Kesihatan khususnya melalui hospital-hospital kerajaan kita untuk memastikan semua kes-kes rawatan ini dapat dijalankan dengan sebaik mungkin.

Kemudian yang kedua, masalah kes denggi. Ha, ini seronok sikit ni. Mungkin lepas ini semua ahli Yang Berhormat daripada pihak pembangkang ada tugas khas ya. Sebab semalam sebagaimana yang dinyatakan oleh Yang Berhormat ADUN Rahang mengatakan Negeri Sembilan ya, mempunyai kes denggi yang tertinggi di Malaysia. Ha, saya tak dapat, tak pasti yang mana Yang Berhormat dapat maklumat ini. Jadi untuk makluman Dewan yang mulia, Dato' Yang Dipertua, bahawa alhamdulillah, saya ucapkan tahniah kepada Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan ya, kerana mengikut laporan yang terkini, minggu yang ke-39 ini bahawa kita negeri yang ke-5 terendah kes denggi di, di Malaysia ini, ya. Daripada 15, kita sekarang ini yang ke-10 terendah. Ha, sekarang saya bawa, mana dia juara yang tertinggi di Malaysia ni. Negeri mana juara denggi? Iaitu tidak lain tidak bukan ialah negeri yang pertama sekali maju di Malaysia iaitu Negeri Selangor ya, dengan kes denggi dia 10,742 orang, yang melibatkan 14 orang kematian. Dan diikuti juga oleh Negeri Kelantan ya, yang ke-5 tertinggi dengan 1,146 kes yang membawa kepada 2 kematian. Dan juga Pulau Pinang dengan 611 dan 2 kematian. Jadi Negeri Sembilan berada dalam keadaan lima terendah. Ha, itulah sasaran kita, jadi amat malanglah ya, juara keseluruhan ya, di Malaysia ialah Negeri Selangor yang di bawah pimpinan Pakatan Rakyat.

Y.B. ADUN Rahang: Mintak penjelasan ya. Yang, yang semalam saya kata, *that one is* dari akhbar Kementerian Kesihatan

Y.B. ADUN Serting: Nanti, saya ada bukti.

Y.B. ADUN Rahang: Ya, minggu 37. Bu

Y.B. ADUN Serting: Okay.

Y.B. ADUN Rahang: yang *you* bagi tahu sekarang *is* minggu 39.

Y.B. ADUN Serting: Okay, memang tak boleh lari rekod Yang Berhormat ya, doa tal akan cecah ya, daripada 10 ribu selepas terus naik kepada lima enam ribu ya.

Y.B. ADUN Rahang: Ya, dari kenyataan

Y.B. ADUN Serting: Tak boleh dah Yang Berhormat

Y.B. ADUN Rahang: Menteri Kesihatan, tapi

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Serting: dari segi kenyataannya, saya mintak Yang Berhormat perlu berhati-hati ya, membuat kenyataan sebab sekarang ini juara keseluruhan adalah Negeri Selangor. Jadi diminta berhati-hati, lain kali jangan membuat kenyataan bahawa kedudukan Negeri Sembilan merupakan yang tertinggi.

Y.B. ADUN Rahang: Ya, yang minggu 39 memang kita dah turun. 37 memang kita tinggi. Yang apa, YB kata tu memang betul.

Y.B. ADUN Serting: Okay.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Rahang: Tapi bila saya masuk, *question* saya, soalan, itu minggu 37.

Y.B. ADUN Serting: Ha, ini kedudukan yang terkini, ya, yang terbaru. Kita ikut yang terbaru Yang Berhormat ya, jadi itu keadaan dialah, untuk makluman bersama. Jadi selepas ni bolehlah mungkin Lukut jadi pengerusi untuk membuat rombongan membantu Negeri Selangor untuk membersihkan kes-kes yang berlaku di Selangor. Terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Pertang: Dato' Yang Dipertua, saya ingin mengulas sedikit tentang isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Mambau semalam tentang isu penubuhan dan pelaksanaan tugas oleh JMB. Seperti yang telah saya jelaskan dalam jawapan saya, dalam jawapan lisan bagi hari kedua sebentar tadi, ingin saya tambahkan bahawa pada 26 November 2012, dan juga 19 Disember 2012, Parlimen telah meluluskan Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 di Dewan

Rakyat dan Dewan Negara bagi menggantikan Akta Bangunan Dan Harta Bersama, yakni Penyelenggaraan Dan Pengurusan 2007, yakni Akta 663. Rang Undang-Undang Pengurusan Strata 2012 telah digazetkan dan dikenali sebagai Akta Pengurusan Strata 2013 ataupun Akta 757.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, akta ini adalah satu usaha penambahbaikan ke atas mekanisma penyelenggaraan dan pengurusan bangunan dan harta bersama. Akta ini adalah untuk memperhalusi tatacara tempoh tanggungjawab dan pembahagian kuasa pemaju, yakni JMB - *Joint Management Body*, dengan izin, MC - *Management Corporation*, dengan izin, dan COB, yakni *Commissioner of Buildings*, dengan izin, agar pengurusan bangunan dapat berjalan dengan teratur dan juga kemas.

Untuk makluman Dewan yang mulia, apabila adanya badan-badan tertentu ataupun badan-badan pengurusan rumah-rumah pangsa ini, yang tidak menjalankan tugas dan tanggungjawab yang baik, maka pemaju bukan sahaja bertanggungjawab supaya JMB ini berfungsi, tetapi bertanggungjawab untuk berkesa, bekerjasama dengan badan-badan ini bagi menguatkuasakan perkara-perkara yang berkaitan dengan kepentingan penduduk dan pembelaan yang sewajarnya. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. ADUN Pilah: Dato' Yang Dipertua, saya ingin sikit mengulas soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat ADUN Rahang berkaitan dengan pusat jagaan kanak-kanak. Pusat jagaan kanak-kanak ini adalah satu pusat yang mana kita memastikan bahawa kanak-kanak ini dapat dijaga dengan begitu baik dan sempurna. Dan kita ada tiga takrifan ataupun tiga pusat yang kita kategorikan di mana takrif pusat jagaan mengikut Seksyen 3 Akta Pusat Jagaan 1993. Pusat Jagaan Kediaman, ini bererti mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk jagaan, sebagai penghuni di dalamnya, sama ada diupah atau sebagainya. Kita juga ada Pusat Jagaan Harian di mana ertinya mana-mana premis di mana empat orang atau lebih diterima untuk di, untuk jagaan selama satu tempoh berterusan yang melebihi tiga jam sehari atau matahari terbit hingga matahari terbenam atau selama sekurang-kurangnya tiga hari seminggu sama ada untuk upah atau sebagainya. Ini adalah Pusat Jagaan Harian. Kita juga ada Pusat Jagaan Berdaftar di Negeri Sembilan. Sehingga Ogos 2013, jumlah Pusat Jagaan Berdaftar sebanyak 63 buah dan memberikan perkhidmatan kepada pelbagai lapisan masyarakat. Bermaksud, Pusat Jagaan Berdaftar ini terlibat, terlibat penjagaan kanak-kanak, orang kurang upaya dan juga warga emas.

Dan maksud ataupun kita melihat erti kata jagaan ini bererti di mana jagaan ini termasuklah memberi perkhidmatan, pengawasan yang baik, pemulihan dan jugak latihan. Tiada pusat jagaan disediakan oleh kerajaan. Namun perkhidmatan ini diurus tadbir oleh pertubuhan sukarela ataupun NGO ataupun persendirian. Segala urusan kemasukan diuruskan oleh keluarga sendiri dengan pentadbiran pihak berkenaan. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada jawapan lagi?

Y.B. ADUN Bagan Pinang: Untuk menjawab jawapan, soalan daripada ADUN Port Dickson, saya memberi, ingin memaklumkan bahawa di Port Dickson ya, saya rasa yang, Yang Berhormat ADUN Port Dickson ya, mengenai pantai Port Dickson, ya, setakat ini hari apa yang saya lihat bahawa pantai pantai di sepanjang Port Dickson adalah bersih. Di mana kita lihat bahawa pengunjung pantai ya, di Port Dickson begitu ramai setiap hujung minggu. Dan seperti mana yang kita tahu, kebersihan pantai sentiasa diurus tad, diurus dengan baik oleh Southtern Waste apa, Southern Waste. So, saya harap apa yang di, dicakap oleh da, YB ADUN Port Dickson tu adalah tidak benar.

Y.B. ADUN Port Dickson: Mintak penjelasan. Yang Berhormat Bagan Pinang, jangan hanya pergi Teluk Kemang dan Batu 4 saja. Kalau boleh turun ke Tanjung Gemuk, belakang Glory Beach dan jugak Batu 10. Kalau tidak benar, saya mintak Yang Berhormat bersama saya, minggu ni ataupun esok. Terima kasih.

Y.B. ADUN Bagan Pinang: Yang, Yang Berhormat ADUN Port Dickson ya, saya sebenarnya boleh, boleh dikatakan sepanjang ya, sepanjang masa saya berada di Port Dickson. So, saya sentiasa berada di kawasan-kawasan peranginan, di kawasan Port Dickson tu, yang mana saya lihat tahap kebersihan bersama-sama dengan agensi kerajaan. Dan di kawasan Tanjung Gemuk pun saya lihat tempatnya tidak ada masalah. Tapi tak tahulah macam mana DUN Port Dickson ni pergi dan lihat di kawasan-kawasan di mana. Okay, terima kasih.

Y.B. ADUN Port Dickson: Tak apa, besok pagi pukul 10 kita minum bersama

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Port Dickson: kita pergi bersama, kita melawat bersama. Boleh ya?

Y.B. ADUN Bagan Pinang: Okay, tak ada masalah.

Y.B. ADUN Lukut: Mintak penjelasan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya tak benarkan.

Y.B. ADUN Lukut: Dato' Dipertua, bahawa

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ini penggulungan. Saya nak

Y.B. ADUN Lukut: gulungan itu tidak jawab atas pertanyaan-pertanyaan saya

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat. Kita belum habis jawapan

Y.B. ADUN Lukut: Saya mintak

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Belum habis jawapan, ada lagi

Y.B. ADUN Lukut: Ini gulungan. Jikalau tak jawab

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: ditanya tentang soalan-soalan atas produk pelancongan yang

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: ADUN Bagan Pinang itu, dia perlu

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat kena dengar cakap saya. Belum habis jawapan. Kita ada lagi ramai, dan yang akan digulung sepenuhnya nanti oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.B. ADUN Lukut: Terima kasih.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' *Speaker*, semalam saya, seingat saya semalam ada satu soalan daripada, disentuh oleh Yang Berhormat ADUN Rahang-lah tentang kemasukan anak seorang ibu tunggal ya, ke KRT, di Tabika Perpaduan di Kampung Baru Rahang, Kampung Baru ras, Rahang semalam. Sebenarnya yang dirujuk mungkin silap rujukan. Sebenarnya kalau nak masuk Tabika Perpaduan ni, Tabika Perpaduan di bawah KRT Dato' Dipertua, bukan di bawah JKKK. Walaupun KRT tersebut berada di dalam JKKK berkaitan, tetapi permohonannya terus kepada Tabika Perpaduan yang dikendalikan oleh KRT yang berkaitan. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, terima kasih kerana memberi kebenaran kepada pihak kerajaan untuk membuat penggulangan kepada sesi perbahasan menjunjung kasih Titah Ucapan, titah perasmian oleh Duli Yang Maha Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan pada semalam. Antara perkara-perkara yang disentuh oleh ahli-ahli Yang Berhormat secara ringkasnya dapatlah, dapat saya satu persatu Dato' Dipertua, iaitu, terima kasih kepada semua yang telah berbahas.

ADUN Palong berkenaan dengan jalan rosak, berkaitan kerja pengangkutan keluar kayu itu, pihak JKR Negeri Sembilan sedang berunding dengan pihak FELDA untuk membiayai sebanyak 2 juta ringgit jalan yang rosak tersebut. Duit deposit yang dibagi oleh pihak yang menebang pokok, kontraktor yang diberikan oleh kon, FELDA tersebut tidak mencukupi untuk kita menggunakan, pihak JKR gunakan untuk membiayai kerosakan yang berlaku. Inshaa allah Dato' Dipertua, pihak FELDA dari segi dasar telah pun mengakui akan memberikan pembiayaan tersebut.

Cadangan naik taraf jalan Kuala Pilah – Seremban diberikan kepada kontraktor yang sedang membina. Jalan Kuala Pilah – Seremban ini Dato' Yang Dipertua, dibuat secara berperingkat-peringkat. Dia dibuat melalui Kerajaan Persekutuan, berfasa-fasa, dan ia akan dibuat selepas siapnya jalan sampai ke Ulu Bendul ini, jalan tersebut akan dibuat Dato' Dipertua, sehingga ke Tanjung Ipoh. Lepas itu sampai ke Hospital Tuanku Ampuan Najihah dan seterusnya. Ia adalah di bawah Kementerian Kerja Raya di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, *rolling plan* yang keempat. Ia dibuat berfasa-fasa Dato' Dipertua, dan inshaa allah jalan ini akan dapat melegakan kesesakan lalu lintas yang ada sepanjang hujung minggu ataupun hari-hari perayaan.

Amat bersetuju sekali dengan YB Palong bahawa kita memerlukan satu jajaran baru. Ini memang ada di dalam rancangan Kerajaan Negeri, apa yang dipanggil sebagai *the Kuala Pilah by-pass*, dengan izin. Kita telah pun memulakan langkah dan pihak juru runding pun telah pun kita kenal pasti untuk membantu Kerajaan Negeri dan jugak Kementerian Kerja Raya untuk kita mengenal pasti supaya mereka-mereka yang menggunakan jalan raya ini, hujung minggu ataupun hari perayaan, yang nak balik pergi ke Pantai Timur. Sekarang dengan siapnya jalan Bukit Putus ni Dato' Yang Dipertua, banyak orang yang, terutamanya kenderaan-kenderaan komersial, mereka lebih suka jalan Kuala Pilah daripada jalan nak pergi ke Karak kerana ia, dia punya kecerunan itu lebih, lebih rendah kalau dibandingkan dengan kecerunan di Karak. Karak punya kecerunan dia tinggi. Jadi mereka jalan sini dan menambah kesesakan. Dan jugak banyak orang yang nak balik ke kawasan di Timur Pahang, mereka menggunakan jugak jalan di Kuala Pilah untuk balik ke destinasi masing-masing. Ini dalam perhatian Kerajaan Negeri dan kita sedang berusaha untuk meletakkannya sebagai keutamaan di dalam Rancangan Malaysia Yang Ke-11. Inshaa allah.

Dasar pencahayaan ini memang kita buat berperingkat-peringkat Dato' Yang Dipertua. Dan kita kenal pasti, kita akan berikan mengikut keutamaan. Simpang-simpang jalan

Y.B. ADUN Palong: Dato' Yang Dipertua.

Y.A.B. ADUN Rantau: dan jugak yang lain-lain.

Y.B. ADUN Palong: Sebelum Yang Amat Berhormat masuk tajuk lain. Boleh tak saya minta penjelasan sikit tentang isu jalan tadi? Yang

Berhormat Dato' Yang Dipertua, jalan yang sedang ditingkatkan oleh kerajaan sekarang ini adalah merupakan langkah yang baik dijalankan oleh kerajaan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, jalan mana ni?

Y.B. ADUN Palong: Jalan yang daripada Seremban ke Kuala Pilah, melalui Bukit Putus. Namun demikian, oleh kerana aktiviti perniagaan di sepanjang jalan tersebut, daripada Terachi sampai ke Kuala Pilah adalah merupakan aktiviti yang sangat aktif kerana orang kampung menjual hasil-hasil kampung di kiri kanan jalan tersebut. Dan ini adalah merupakan kegiatan yang baik dan tak perlu kita berhentikan. Cuma kita tambah kemudahan termasuk *parking* sekali. Oleh yang demikian, oleh kerana *volume* ataupun jumlah kenderaan ini meningkat terlalu banyak, terutama sekali hari Jumaat, Sabtu dan Ahad, di setiap minggu, apakah kerajaan boleh mencadangkan kepada pihak yang sudah pun membangunkan lebuh raya daripada Kuala Lumpur ke Seremban, yang dulunya *highway* KASEH, sekarang ini dikenali dengan *highway* LEKAS, supaya kerajaan mencadangkan kepada syarikat tersebut, memanjangkan lagi *highway*-nya daripada Seremban ini ke Bandar Seri Jempol supaya wujud kemudahan *highway* baru bagi kemudahan pengguna-pengguna termasuk daripada Pahang. Sebagaimana yang saya sebut dalam ucapan perbahasan semalam.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, satu cadangan yang baik tetapi perkara untuk membuat *highway* baru ini bukannya di bidang kuasa kita. Kita boleh mencadangkan. Dan tidak semestinya kita cadangkan kepada yang buat LEKAS ke, siapa-siapa. Apa yang perlu kita buat ialah, meletakkan hasrat kita supaya satu jajaran baru, jalan baru dibuat untuk kita buat, untuk kita menyem, memudahkan lalu lintas daripada Seremban ke Pantai Timur sampai ke Bandar Seri Jempol. Memang dah kita katakan, saya katakan tadi bahawa ada beberapa cadangan yang sedang kita pertimbangkan. Dan kita tidak boleh merujuk, ataupun tidak akan merujuk kepada syarikat mana-mana. Ini kita akan bawak ke mesyuarat persekutuan dan terpulanglah kepada Kerajaan Persekutuan untuk melantik siapa-siapa saja syarikat, mana-mana syarikat yang difikirkan layak ataupun yang difikirkan boleh. Yang pertamanya, sama ada cadangan kita ini diterima. Dah diterima besok, barulah, terpulanglah kepada kementerian ataupun EPU untuk memberikan konsesi ini kepada sesiapa.

Berkenaan dengan pencahayaan ini, kita berperingkat-peringkat. Kita dah mulakan, dah tiga tahun Dato' Dipertua, kita beri keutamaan kepada jalan-jalan yang perlu kita lampukan, dan simpang-simpang yang mana perlu kita lampukan. Dan kita ada lagi tiga tahun lagi jugak, untuk kita pastikan, dan kita telah pun meletakkan anggaran sebanyak [RM]12 juta, [RM]4 juta setiap tahun, untuk kita berikan ataupun kita mencahayakan jalan-jalan yang perlu kita cahayakan untuk soal keselamatan dan yang lain-lain. Kita telah pun selesai mencahayakan jalan-jalan yang telah ada tiang. Dulu tiang ada tapi tak ada lampu. Kita telah pun selesai adakan. Dan sekarang kita telah masuk fasa di mana yang tak ada tiang. Ini memerlukan belanja yang besar. Dan kita akan memberikan keutamaan-keutamaan kepada jalan-jalan ini.

Dan di kawasan-kawasan seperti yang disebut, seperti di kawasan-kawasan Palong, dia memerlukan belanja yang besar Dato' Dipertua, sebab dia tak ada kabel. Kita kena tarik kabel dan macam-macam lagilah. Ha, ini dibuat oleh pihak JKR dengan kerjasama TNB dan jugak agensi-agensinya yang lain. Dan inshaa allah kita akan pastikan supaya jalan-jalan dan simpang-simpang ini akan dicahayakan dan akan diberikan keutamaan demi untuk kita menjaga keselamatan dan keselesaan penduduk sekitar. Inshaa allah.

Nenas, Dato' Yang Dipertua

Y.B. ADUN Palong: Dato' Dipertua, sebelum Yang Amat Berhormat masuk tajuk lain, boleh tak saya mintak penjelasan sikit tentang dasar pencahayaan tadi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya ingat biarlah kerajaan menggulung pada hari ini, sebab kita perlu beri

Y.B. ADUN Palong: Mintak penjelasan dia Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Kalau Yang Amat Berhormat tak bagi, tak.

Y.B. ADUN Palong: Dia dah duduk. Boleh Dato' Yang Dipertua? Boleh tak?

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya tak faham soalan. Soalan dia apa?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya ingat tak perlulah kita, sebab jawapan tu saya ingat menyeluruh.

Y.B. ADUN Palong: Saya nak mintak penjelasan tentang dasar, ini dibangkitkan oleh rakyat Dato' Yang Dipertua. Apabila

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Soalan dasar ini saya ingat elok dibangkitkan masa ucapan perbahasan kita

Y.B. ADUN Palong: Sebabnya saya bangkit Dato' Yang Dipertua

Y.B. Yang Dipertua Dewan: penggulungan.

Y.B. ADUN Palong: sebab MB tak jawab dari segi dasar tu. Semalam saya bangkitkan tentang

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, dasar pencahayaan ini adalah merupakan kita nak mempercepatkan kerana pencahayaan ini perlu untuk kita pastikan supaya Negeri Sembilan ini tidaklah 'golap'. Dia tidak ada merupakan dasar yang spesifik ataupun yang fokus kepada apa-apa. Yang kita buat ialah kita katakan kita nak mencahayakan jalan-jalan supaya ia tidak menyusahkan, menyulitkan orang. Jadi pihak JKR dan jugak pihak agensi-agensi lain telah pun da, memberikan keutamaan-keutamaannya, mana-mana patut kita cahayakan. Dia jugak memberikan, kita bersama-sama untuk kita menolong di kawasan-kawasan kampung misalnya, yang mana kalau kita ikutkan program lampu-lampu kampung, projek lampu kampung yang dibuat oleh Kementerian Luar Bandar Dato' Dipertua, dia kadang-kadang tak cukup. Dia bagi satu kampung tidak melebihi 10 lampu. Jadi dia pun mendatangkan masalah. Jadi kadang-kadang timbullah tohmah-tohmahan dia katakan "ha, mentang-mentang dia ketua kampung, lampu depan rumah dia", dia kata. Tapi orang kampung tak faham dan tidak ada penerangan khusus yang diberikan. Cuma satu kampung, dasar KKL, apa kemen, ya, KKLW kan, dia katakan 10 biji lampu satu kampung. Kalau dalam kampung tu ada 50 - 60 biji Dato' Yang Dipertua, kena enam tahun. Dan pulak tak pulak nak dibagi pulak tu. Kalau tahun ni dah dapat, tahun lepas, tahun depan tu tak dibagi pulak kampung yang sama. Jadi ini kita nak menambah dan kita nak, apa orang katakan, melengkapkan apa yang dibuat oleh Kementerian Luar

Bandar Dan Wilayah supaya kita dapat melampukan kampung, kita dapat melampukan jalan-jalan protokol.

Macam dulu Kuala Pilah daripada Seremban jalan dia 'golap' kita lampukan. Dulu jalan daripada Seremban ke Kuala Klawang 'golap', tak berani orang, pukul 8 malam dah, Bukit 'Tanggo' dah 'golap' 'sopi' dah Dato' Yang Dipertua. Sekarang ni pukul 12, pukul 1 pun orang, berani lalu di situ. Ini yang kita nak buat supaya jalan-jalan ini dilampukan. Tidak ada dasar yang spesifik. Tapi kita ada keutamaan-keutamaan. Keutamaan ini mengikut apa yang di, apa kan, dikemukakan dan dicadangkan oleh pihak JKR dan jugak pihak jabatan-jabatan yang lain agar kita dapat menyeimbangkan. Kita dak mahu pulak di bandar-bandar bercahaya 'toghang', macam-macam. Tapi di kampung 'golap' gelita. Dasar pencahayaan ini jugak menekankan lebih banyak penumpuan diberikan kepada kawasan-kawasan luar bandar Dato' Dipertua, ya.

Y.B. ADUN Palong: Dato' Dipertua, Yang Amat Berhormat terima kasih atas penjelasan. Cuma apa yang berlaku sekarang Yang Amat Berhormat, di kampung kita bayar bil. Di rancangan tanah FELDA peneroka yang bayar. Ini yang saya bangkitkan dalam perbahasan. Kalau boleh pada masa depan, kita selaraskan supaya duit yang dikutip oleh peneroka FELDA ni dia boleh digunakan untuk kebajikan kampung. Bukan hanya tertumpu kepada bayaran, bayaran bil lampu-lampu awam di rancangan tanah FELDA. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Tapi di kampung-kampung, jalan kampung dia tidak dibayar oleh orang kampung. Cuma lampu yang menyuluh ke dalam kawasan dia, dibayar. Kalau tiang ini dalam tiang kawasan rumah dia, dia dibayar oleh tuan rumah. Mana-mana jalan, jalan, tiang-tiang luar di jalan semuanya dibayar oleh pihak, pihak kerajaan, Dato' Dipertua ya. Tapi kita akan lihat dan kita akan kaji.

Berkenaan dengan tanaman nenas, ini usaha mempelbagaikan tanaman sumber makanan termasuk nenas diusahakan secara komersial oleh agensi kerajaan akan kita pertimbangkan dan akan kita pertimbangkanlah kalau ada apa-apa keperluan dan, terpulang kepada Jabatan Pertanian untuk menyiasat dan pastikan jika didapati nenas Palong ini boleh dikomersialkan lebih luas lagi kita akan ambil langkah-langkah yang perlu Dato' Dipertua ya.

AIM, kita akan lihat perkara ini dan kita akan tulis suratlah kepada pihak yang berkenaan.

Berkenaan dengan keluasan tanah Melayu ni, kita mohon notis Dato' Dipertua ya, kerana kita perlukan kajian dan keluasan yang sebenar.

Yang Berhormat ADUN Chennah berkenaan dengan Kampung Hakka. Saya tidak akan komen apa-apa kerana dianya sekarang ni di bawah mahkamah, ya. Dan dibawak ke Mahkamah Rayuan, dia, kita tidak boleh komen apa-apa kerana dia akan subjudis kepada proses mahkamah.

Dasar pemilikan tanah, pemegang TOL diberikan keutamaan. Kerajaan memberikan hak milik ataupun memberikan tanah kepada pemohon-pemohon berasaskan kepada kesesuaian dan jugak apa sahaja, kalau rasakan perlu kita bagi, kita bagi. Tidak ada apa-apa kriteria-kriteria yang tertentu Dato' Yang Dipertua, ya.

Tanaman nenas untuk nenas di Titi dan Jelebu. Rasanya kawasan tu dah mencukupi. Tetapi jika memerlukan kawasan yang lebih luas, dia ni di bawah Lembaga Nenas. Lembaga Nenas akan membuat kajian dan terpulang kepada petani-petani di situ membuat permohonan ataupun berunding dengan Lembaga Nenas Malaysia kerana nenas Titi ni dah di bawah, di bawah Lembaga Nenas Malaysia Dato' Dipertua, dan ia perlu melalui Lembaga. Jika memerlukan kawasan, Lembaga Nenas akan mengemukakan ataupun mengajukan sebarang bentuk permohonan kepada Kerajaan Negeri. Dan terpulanglah kepada kesesuaian pada ketika itu, Dato' Dipertua ya.

Bukit Jong ni, Dato', Dato' Dipertua. Permohonan tanah oleh Persatuan Penganut Dewan Then Sze di Bukit Jong ni, Jalan Temiang Seremban ini ditolak oleh kerajaan atas sebab rizab kuari. Tetapi da, ADUN Chennah kata telah diluluskan, beri kelulusan kepada Syarikat Menang Tiara Sendirian Berhad. Sebenarnya memang ada, Dato' Yang Dipertua, betul pada tahun 2001, kelulusan kepada Menang Tiara ini Dato' Dipertua, tetapi ia, apabila diselidik, maka tanah ini didapati merupakan tanah rizab Melayu. Menang Tiara ini bukan syarikat milik Melayu. Dan tanah ini pun jugak adalah merupakan tanah rizab kuari. Jadi kebenaran tersebut telah ditarik semula, Dato' Dipertua. Dan pemberian, pemilikan tanah tersebut tidak pernah diberikan kepada Menang Tiara. Masih lagi tanah kerajaan berizabkan kuari.

Dan kita tak bagi tanah milik kepada, pemilikan tanah kepada masjid, kepada kuil, kepada *temple*, kepada *church*. Kita bagi dia rizab sajalah,

kita wartakan sajalah. Sebab dia dah ada situ nanti, dan dia rizab kuari. Dan kita benarkan supaya tokong tersebut beroperasi

Y.B. ADUN Temiang: Yang Amat Berhormat, boleh mencelah. Saya nak tahu bilakan, bilakah tarikh

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Temiang: tarikh, itu ditarik balik?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya nak ingatkan, kita dapat

Y.B. ADUN Temiang: Ini bukan apa, kita nak tahu

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya nak dapat

Y.B. ADUN Temiang: Bilakah tarikh itu

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Temiang: bilakah tarikh itu, itu permohonan ditarik balik, kelulusan tu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang ni kita dalam menjawab dan jugak

Y.B. ADUN Temiang: Saya mintak penjelasan saja

Y.B. Yang Dipertua Dewan: penggulungan. Saya harap jangan diganggu, jangan diganggu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Soal

Y.B. ADUN Temiang: Bukan mengganggu. Saya mintak penjelasan. Tadi Palong pun boleh, kenapa saya tak boleh?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya mintak Temiang duduk.

Y.A.B. ADUN Rantau: Soal jawab Dewan supaya diberikan satu soalan kepada satu orang. Ini, terpulanglah Dato' Yang Dipertua ya, terpulanglah kepada, tapi kemukakan tiga soalan. Jadi, kena tanya tiga soalan. Tapi kalau, ahli Dewan semua setuju tanya soalan, tanya satu soalan sajalah, setujulah. Jadi bawak kepada Jawatankuasa Peraturan Dewan ataupun bersetuju supaya satu orang tanya satu saja. Jadi tak payahlah soalan nombor 1 sampai soalan nombor 2. Bertanya, menulis sampai tiga, tapi suruh, minta bagi sorang satu, macam mana, ya? Ya, jadi, tak perlu kita uruskan melalui jawatankuasa pengurusan. Tapi Negeri Sembilan ni taklah seteruk negeri lain Dato' Dipertua. Negeri lain tak ada sesi soal jawab pun, ya. Tahu tak negeri mana? Ha, kan? Tak ada soal pun.

Y.B. ADUN Temiang: Keluar tajuk.

Y.A.B. ADUN Rantau: Duduk, duduk.

Y.B. ADUN Port Dickson: Tak ada bangun pun.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ada orang mahu bangun, duduk. Sebelum bangun, elok duduk, ya. Tak adalah seteruk kita, kat negeri lain, YB Port Dickson, tak ada langsung sesi soal jawab. Lagi 'toghok'. Jadi tak usahlah kita apa, memandangkan tempat lain lebih baik, sini lagi bagus ni. Kita bagi. Tanya, buat soalan tiga, kita bagi soalan tiga orang

Y.B. ADUN Port Dickson: Kita, patut tiga pun tak ada cukup Dato'. Patut lima

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Port Dickson: kita ada Dewan Undangan Negeri

Y.A.B. ADUN Rantau: Hey, duduklah.

Y.B. ADUN Port Dickson: satu tahun baru tiga kali.

Y.A.B. ADUN Rantau: Duduklah.

Y.B. ADUN Juasseh: Dato' Dipertua, dia mintak tiga soalan, lepas tu lima soalan, lepas tu bising pulak. Masa tak cukup, mana satu mintak ni Dato' Dipertua?

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak apa, tak apa, okay, lantak dialah.

Y.B. ADUN Temiang: Tambah harilah.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dia, dia rasa, Dato' Dipertua, dia kalau, kalau nak bagi peluang, Dato' Dipertua tak boleh dipersalahkan kerana soalan tiga, bagilah tiga. Tapi kalau setuju semua nanti, semua ahli Dewan tanya satu soalan saja. Tak apalah, seorang satu, seorang satu, tak ada masalah pun. Bukan tanya apa-apa pun. Bukan mati pun jawab soalan-soalan YB pun. Tak ada masalah, ya. Itu daripada Chennah ya.

Saya tak jawab pasal Kampung Hakka pasal ini subjudis nanti, ya, kepada proses mahkamah.

DUN Sikamat, Rumah Mampu Milik. Bilangan pemohon. Rumah Mampu Milik da, Dato' Dipertua, memang dalam Kanun Tanah, dalam kanun apa, kita punya Dasar Perumahan Negara. Bukan dikatakan syarikat-syarikat perumahan ataupun pemaju-pemaju perumahan tak buat. Kerajaan Negeri Sembilan kita, kita mengikuti dan jugak kita, Dasar Perumahan Negara tu kita memang kita kuatkuasakan apa saja kawasan yang dibina lebih daripada lima ekar, mereka mesti membina rumah kos rendah, Dato' Yang Dipertua, ya. Ataupun melebihi daripada 30 buah rumah mesti ada dia punya kos rendah dan jugak kuota bumiputera.

Tetapi kita di Negeri Sembilan ni, kita taklah rigid sangat, ya. 30 peratus ya. Jadi kita tidaklah rigid sangat. Ada kawasan-kawasan yang mana kita bagi kelonggaran sebab kalau ada pemaju Dato' Dipertua, dia membina rumah bertingkat, rumah pangsa, kerana nak mengurangkan tanah, dia buat rumah, rumah pangsa. Yang rumah pangsa satu bilik, rumah pangsa yang sempit, yang tidak sesuai untuk dijadikan tempat untuk membina keluarga. Jadi, kita di Negeri Sembilan, kita jugak telah pun memberikan kelonggaran secara *case to case basis*, dengan izin, dengan sa, kes-kes yang berasingan. Kalau mereka nak bina secara tersebut, kita katakan kita tak mahu lagilah rumah-rumah kos murah ataupun rumah harga murah ini dibina dalam bentuk rumah *flat*. Rumah pangsa. Kita lebih suka rumah ini dibina rumah teres dan dengan keluasan dulu 16 kaki, kita katakan sekurang-kurangnya 18 kaki, bukak dia. Jadi, ini telah pun kita praktikkan dan kita dapati bahawa ia dapat memberikan kepuasan kepada dua pihak. Pemaju pun suka, dia buat rumah pangsa dia tak boleh jual Dato' Yang Dipertua, banyak ni, yang rumah-rumah yang telah pun diluluskan tapi masih tak dibina. Banyak telah dilulus oleh kerajaan, beribu-ribu, ada lebih kurang 20 ribu agaknya yang telah pun diluluskan kepada pemaju supaya membina dengan syarat membina rumah murah ini belum dibina, kerana memang susah nak jual. Tak ada orang nak beli pun Dato' Dipertua. Jadi kita dari masa ke semasa, bila didatangi oleh pihak-pihak pemaju untuk mereka merombak semula, kita melihat dan meneliti dari satu kes ke satu kes secara berasing. Dan ada yang kita bagi kelonggaran sehingga sampai 15 peratus. Bilangan, bilangan rumah murah ataupun kos harga rendah ini dengan syarat mereka membina rumah teres yang lebih selesa, lebih luas. Ini kita bi, kita bagi.

Dan ada jugak kawasan perumahan yang mana kita bagi kelonggaran supaya tak perlu bina, tapi dia bagi tanah di tempat lain untuk kita bina, kerajaan bina. Kita ambil tanah. Misalnya macam kes rumah di Ainsdale, misalnya, memang tak sesuai dibina rumah kos harga rendah tapi dia memberikan tanah seluas, berapa ekar? 100 ekar, 100 ekar kepada Kerajaan Negeri untuk dibina di kawasan yang lebih sesuai yang mana ada kawasan perindustrian. Yang mana orang boleh duduk di situ. Dan bekerja di kawasan perindustrian.

Ini kita buat Dato' Dipertua, untuk kita melihat situasi itu secara berasingan dan menyesuaikan. Kalau buat rumah harga kos rendah, tak ada *public transportation system*, dengan izin, ataupun kemudahan awam, menyusahkan orang. Jadi, ini, ini, ini perlu kita kaji dan kita tak perlu terlampau rigid kepada dasar yang ada. Tapi dasar ini merupakan dasar yang akan dibagikan ber, dengan syarat oleh pihak berwajib. Siapa sahaja yang akan membangunkan kawasan untuk perumahan, inilah dasar dia, Dasar Perumahan Negara. Tetapi boleh

dirundingkan dengan syarat yang saya sebutkan tadi. Dato' Yang Dipertua, banyak dah, dan pemaju-pemaju pun amat sukacita. Mereka dapat mengembalikan aliran tunai mereka kerana kalau bina 30 peratus, lebih kurang, katakan dia bina apa, 300 buah *low cost*, susah nak jual kalau dalam bentuk *flat* dan macam-macam.

Rumput panjang, apa semua ni, saya rasakan ini akan diambil perhatian oleh pihak, pihak berkuasa. Air bertakung sekarang pun di simpang Lukut, saya rasa JKR telah ambil pengetahuan.

Jawatankuasa masjid, lantik di kalangan mereka yang layak dan sesuai. Kita kadang-kadang kita tak kenal pun siapa Dato' Dipertua, dia merupakan nama-nama yang dicalonkan oleh masyarakat. Jadi, kita kadang-kadang terpulangnya ya, kepada masyarakat yang nak melantik Jawatankuasa masjid ini. Pihak Berkuasa Negeri, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam tak kenal pun orang, kita tak tahu. Jadi kalau boleh, Wakil-Wakil Rakyat ataupun pemimpin-pemimpin kawasan, dalam proses kita nak melantik jawatankuasa masjid yang akan tempoh mereka bulan Disember ni nanti, runding elok-elok supaya mereka-mereka yang benar-benar boleh me, meningkatkan aktiviti dan program-program masjid dilantik sebagai jawatankuasa masjid. Kita tak ada, kita tak kenal dan kita tak tahu pun siapa yang dilantik, Dato' Dipertua. Ia merupakan cadangan daripada masyarakat.

Pencahayaan Jalan Labu – Batu Kikir – Jempol ini seperti yang kita katakan tadi berperingkat-peringkat ya. Mengikut keutamaan.

ADUN Lukut, isu projek pembangunan zon selatan menarik minat pelabur asing ke Negeri Sembilan, memang menjadi keutamaan kita. Kita tak adalah kita zon-zon selatan ke apa ke, tapi Negeri Sembilan ni kita mempunyai koridor kita sendiri. Kita panggil koridor kita sendiri, iaitu kita panggil koridor pelajaran, perindustrian. Kita dah buat dah kita punya Pelan Pembangunan Negeri Sembilan, kita tak mahu lagi pembangunan yang tidak terurus. Itu sebabnya macam di Port Dickson misalnya, kita telah pun buat pelan pembangunan Port Dickson. Tidak akan wujud lagi situasi di mana ada kilang-kilang didirikan di dalam kawasan perumahan. Ada kawasan-kawasan yang mencemarkan alam di kawasan-kawasan kediaman dan berbagai-bagai lagi. Kita telah asingkan kawasan pelancongan, kawasan perumahan, kawasan perindustrian.

Jugak di Negeri Sembilan Dato' Dipertua, seperti yang saya sebut dari awal pagi sesi semalam, kita jugak telah pun membuat satu pelan tindakan Negeri Sembilan yang mana kita seboleh mungkin, *on best effort basis*, dengan izin, kilang-kilang yang nak datang ataupun operasi

yang nak dibukak di sini, kita, kalau seboleh mungkin kita tak mahu dia dibukak di peringkat hulu lagi. Kita nak buat di peringkat hiliran, di *downstream*. Supaya jika berlaku sebarang masalah, pencemaran, apa saja nanti, ia dapat kita elakkan. Dan yang penting ialah kita tak mahu sumber minuman, air minuman kita daripada dari dalam tahah tercemar Dato' Dipertua, ya, Dato' Dipertua ya.

Y.B. ADUN Lukut: Mintak penjelasan, Yang Amat Berhormat.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: Penjelasan pencemaran

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat Lukut. Yang Berhormat, Yang Amat Berhormat dia, *attach* Yang Dipertua

Y.B. ADUN Lukut: Mintak laluan, mintak penjelasan, atas pencemaran.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ini penggulungan.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ini penggulungan. Saya tak bagi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat sila duduk.

Y.B. ADUN Lukut: Bahawa yang, jikalau ada pembangunan di

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat sila duduk.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat sila duduk.

Y.B. ADUN Lukut: kawasan Port Dickson

Y.A.B. ADUN Rantau: Saya tak beri laluan.

Y.B. ADUN Lukut: ini adalah dua tempat yang adalah

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: pencemaran yang teruk.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, sila duduk.

Y.B. ADUN Lukut: Ni mintak penjelasan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya mintak sila duduk.

Y.B. ADUN Lukut: Jangan nak

Y.A.B. ADUN Rantau: Pelaburan, Dato' Yang Dipertua

Y.B. ADUN Lukut: tentang ni

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Yang Dipertua.

Y.B. ADUN Lukut: kawasan terdapat pencemaran disebabkan

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lukut: pembangunan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, silakan duduk.

Y.A.B. ADUN Rantau: Pembangunan industri pelancongan *Nine Wonders* ini kita punya gimik Dato' Dipertua. Kita gelaran, kita akan mengadakan produk-produk apa dipanggil sebagai *Nine Wonders* nanti. Dia tak adalah kata *Nine Wonders*, macam tujuh keadaan, orang katakan yang apa sangat, tapi kita nak katakan, *we have*, kita ada sembilan, sembilan produk pelancongan yang menjadi keutamaan. Itu sebab kita panggil Sembilan *Wonders*. Kita, salah satunya nanti menjadi sebagai contoh salah satunya daripada *Nine Wonders* adalah di Ulu Bendul, misalnya kan, misalnyalah. Itu sebagai *Nine Wonders* kita. Jadi orang, kita ada urutan orang, bila datang di Negeri Sembilan, kita ada benda yang kita pergi. Sembilan tempat ini adalah tempat yang mesti pergi. Ini yang kita nak, kita jadikan sebagai kita punya *tagline* kepada pelancongan kita, ya.

Peringatan, tugu peringatan Kapitan Yap Ah Loy ini Dato' Dipertua, kita berurusan dengan Kementerian Dalam Negeri ya.

ADUN Chuah, isu operasi Jana kuasa Loji Jimah Power. Jimah Power ni sebenarnya, Dato' Yang Dipertua, memang dipantau oleh pihak Jabatan Alam Sekitar. Kita sentiasa memantau dan jika ada apa-apa perkara yang boleh mendatangkan pencemaran ataupun yang memudaratkan, kita pasti mengambil tindakan. Dan kita tidak mahu ianya mendatangkan kemudaratan kepada orang ramai.

PFA Bukit Pelandok ni Dato' Dipertua, saya, pihak kerajaan, sebab Bukit Pelandok ni dah dekat dengan KLIA, dan sekarang ni dah ada pulak LCCT, KLIA 2, Dato' Dipertua. Dah betul-betul sebelah dah. Dan Dato' Dipertua, kalau nak membina satu, satu kawasan penternakan babi kan, ataupun, yelah, babi ya.

Y.B. ADUN Chuah: Khinzir.

Y.A.B. ADUN Rantau: Ha, khinzir? Khinzir tu apa? Babi-lah. Mana ada gila khinzir, gila babi. Mengkhinzir buta, mana ada. Membabi buta. Babi, babi-lah, ya. Kawasan ternakan babi ni Dato' Dipertua, susah, penternakan ataupun orang biasa, orang kampung nak bukak, dia memakan belanja berjuta-juta ringgit. Bukan senang. Dan kita tidak mahu nanti jadi macam dulu lagi kan. 'Tokey-tokey' daripada Singapura, 'tokey-tokey' yang lain dan orang-orang kampung semua jadi pekerja. Kita mendapat masalah. Jadi, kalau boleh Dato' Yang Dipertua, kerajaan nak mencadangkan melalui Jabatan Veterinar ke apa, berunding semula dengan orang-orang yang telah membeli tanah-tanah. Membeli tanah ni pun harga dia tinggi dulu. Dan nak bukak

nanti, ladang-ladang ataupun kandang-kandang ni, pakai sistem tertutup sekarang Dato' Dipertua, bukan murah. Berjuta-juta ringgit. Jadi apakah ini satu langkah yang perlu kita teruskan?

Jawapannya, kalau Dato' Yang Dipertua, bagi saya sebagai, kalau *personal*-lah, bukan kerajaan, saya lebih cenderung jika kawasan ini kita bangunkan sebagai kawasan perindustrian atau pembangunan yang baru. Dan semua tuan punya tanah ini menjadi sebagai *share holders* kepada satu konsortium, bangunkanlah. Dan kerajaan akan memberikan kelonggaran ataupun memudahkan mereka kerana kawasan ini satu kawasan nanti, Dato' Dipertua, dah sebelahnya *airport*. Membina kandang babi sebelah *airport* satu perkara yang tidak baiklah, ya. Betul. Jadi, ADUN Chuah selaku ADUN di situ, Yang Berhormat di situ, jual idea ini kepada mereka di Chuah ataupun di apa tu, kawasan PFA tersebut supaya adalah lebih mendatangkan, dia punya faedah lebih banyak lagi, lebih banyak faedah dia, keuntungan dia lebih banyak nanti jika dibandingkan kita buat kandang-kandang yang, yang boleh mendatangkan banyak penceraman dan macam-macam. Bayangkanlah orang, pelancong datang ke Malaysia datang, "Selamat Datang Ke Kandang Babi", apa benda, ya. Turun-turun kapal terbang, bukak-bukak je kandang babi, buat apa. Jadi, Yang Berhormat daripada Chua, Dato' Dipertua kan, saya cadangkan sebagai pemimpin tempatan, runding-rundingkanlah, kemudian Yang Berhormat datang jumpa saya, ya.

Y.B. ADUN Chuah: Masuk sikit.

Y.A.B. ADUN Rantau: Duduk, saya tak bagi. Saya cakap saja, duduk ya, Dato' Dipertua ya. Itu kita cakap kemudianlah. Yang Berhormat jumpa dia orang dulu ya, berunding-rundinglah elok-elok. Saya cadangkan itu lebih elok. Buat kawasan perindustrian ataupun kawasan perumahan. Kawasan tersebut cantik, ya.

Pengangkutan awam Bukit Pelandok Dato' Dipertua, sekarang ni bukan Bukit Pelandok dan jugak di kawasan Port Dickson saja. Kerajaan Negeri telah pun mengadakan rundingan di peringkat akhir dah, bahkan dah diadakan pertemuan dengan orang ramai iaitu dengan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk kita pastikan supaya pengangkutan awam darat, bas-bas, ataupun perkhidmatan bas ini dipanjangkan dan jugak di, di, diperbesarkan lagi terutamanya jalan daripada satu pekan ke satu pekan, kampung ke pekan, bandar ke pekan. Ini telah kita buat, taman-taman, Dato' Yang Dipertua, kerana syarikat bas yang menguruskan sekarang ni dia tidak mahu memberikan

perkhidmatan ataupun memanjangkan perkhidmatannya di kawasan yang mereka tidak untung. Merekalah merupakan syarikat swasta, jadi di jalan-jalan untung saja. Jadi, SPAD akan masuk dan akan berunding sama ada kalau di bandar-bandar ini dibuatkan apa yang dipanggil sebagai perkhidmatan, apa nama tu, Dato' Dipertua, yang di Kuala Lumpur tu apa, Rapid. Ha, Rapid ataupun memberikan kepada syarikat yang sedang beroperasi dengan disubsidi ataupun ditolong oleh SPAD. Itu dah di peringkat akhir dan kita akan menunggu ya, dia punya, tunggu keputusannya, bila-bila dah. Dan laluan-laluannya semua dah kita kenal pasti, dah runding, KRT, kampung dan jugak pemimpin-pemimpin NGO-NGO, semuanya telah pun diadakan sesi berunding di, oleh, di, dibuat oleh, di Majlis Perbandaran Seremban.

Persimpangan Lukut tadi dah dijawab ya.

ADUN Johol, gangguan lalat. Lalat ni bukan di Johol saja Yang Berhormat ya, lalat ini pun banyak di kawasan-kawasan lain. Kita telah pun kenal pasti, lalat ni salah satu daripada sebabnya adalah disebabkan oleh kandang ayam. Kandang ayam yang beroperasi secara tradisional. Yang menjalankan sistem terbuka, tak menjalankan sistem tertutup. Kita dah bagi dah banyak kali apa orang kata, masa untuk mereka ni menukar kepada sistem tertutup. Dan saya, kerajaan pada pandangan kerajaan, dah sampai masanya Dato' Dipertua, untuk kerajaan menguatkuasakan. Dah hampir 10 tahun. Kalau mereka benar-benar nak ikut cadangan kerajaan, dia tak payah tukar semua sekali, kita cadangkan satu, satu reban satu tahun, satu reban satu tahun pun dah lengkap dah. Tapi mereka ni tidak mahu bekerjasama. Jadi, kita cadangkan supaya penguatkuasaan dibuatlah kerana ia mengganggu.

Di kawasan Port Dickson, Yang Berhormat Port Dickson setuju rasanya saya kan, dalam, dalam, dalam hotel pun ada langau, ya. Ya, langau tu, Yang Dipertua, yang hijau tu, yang besar tu, langau. Bukan lalat tau. Kalau sebelah sini lalat, sebelah sana langau, Dato' Dipertua ya. Langau ni cantik, bunyi cantik, ngeng-ngeng-ngeng, tapi dia hinggap Dato' Dipertua, barang yang baik jadi busuk, tau. Dia hinggap di daging yang bersih, bila langau hinggap, bertelur, berulat, ya. Jadi, jangan jadi langau, ya.

Y.B. ADUN Port Dickson: Janganlah kutuk.

Y.A.B. ADUN Rantau: Siapa suruh *you* cakap. *You* dengar sajalah, ya. Pemerkasaan JKKK ni, sekali lagi saya cakapkan, kita akan membuat

apalah, saringan-saringan. Kita tidak akan, saringan seperti biasa, ada tiga saringan Insolvensi, SPRM dan jugak Polis supaya mereka yang menjadi ahli-ahli pentadbiran di peringkat kampung apa jua, melepasi sasaran, ataupun saringan-saringan ini Dato' Dipertua.

Memperkasakan institusi adat ini memang kita buat. Bahkan empat tahun yang lalu kita telah pun membuat satu *exercise*, dengan izin Dato' Yang Dipertua, semua elaun-elaun Dato'-Dato' Lembaga Adat ini telah pun kita naikkan. Ada yang dapat elaun satu tahun 8.00 ringgit Dato' Dipertua. 8.00 ringgit satu tahun. Yang paling murah sekali, iaitu Tok Pawang Johol. Tok Pawang Johol ni elaun dia satu tahun 8.00 ringgit. Agaknya dia bila ada kenduri, dia gigit dia kunyah-kunyah sirih, puh-puh, ha itulah dia. Ha, itu kita naikkan. Tidak ada lagi Dato' Lembaga yang mempunyai elaun bawah pada 200.00 ringgit. Kita ambil *across the board*. Kita, sebagai dasar kita, yang paling rendah sekali 200.00 ringgit dan lepas tu, dia naik, naiklah. Ada Dato' Lembaga Adat yang dapat elaun satu bulan hampir [RM]1 ribu atau [RM]1 ribu lebih sebulan. Kita memperkasakan dan kita mahu supaya mereka ini merupakan pemimpin-pemimpin adat, dan pemimpin masyarakat. Ramai orang datang jumpa mereka, menyelesaikan masalah masyarakat, dan adalah sewajarnya elaun mereka ini disemak dan telah pun kita buat. Ini telah pun dijalankan empat tahun yang lepas, Dato' Dipertua ya.

ADUN Temiang, pembinaan bonggol ini, saya rasa boleh dirundingkan, ya. Mana yang, bonggol terlampau tinggi ke apa, boleh. Tetapi kadang-kadang bonggol-bonggol ini perlu kadang-kadang kerana mengelakkan orang memandu terlampau laju. Tapi cara membina bonggol tersebut perlulah bersesuaian.

Lampu isyarat di Pulau 3, kita akan kaji, kalau boleh, kita buat, kalau perlu, kita buat.

Banjir kilat di Jalan Haji Hamid. Banjir kilat ni Dato' Dipertua, payah nak cakap sebab banjir kilat, nama pun banjir kilat. Tapi dari masa ke semasa pihak JPS akan sentiasa memantau, pihak Majlis Perbandaran akan memantau Dato' Dipertua, ya.

Memasuki IPT ni Dato' Dipertua, terlampau ramai. Kita memulakan, negeri yang pertama sekali dalam Malaysia yang bagikan duit poket untuk masuk ke IPT. Mula-mula kita bagi yang buat ijazah 1,000.00 ringgitlah, yang buat diploma [RM]500.00, yang buat sijil [RM]300.00. Tapi dah terlampau ramai, ramai anak dah belajar, yang dah pandai-pandai, yang dah masuk universiti. Dan maka kita, kita bagi elaun ini ataupun duit poket ini mengikut kemampuan. Jadi kita telah turunkan.

Ibu bapak tak ada masalah. Mereka masih lagi menghargai. Ini sebagai sumbangan duit saku. Bukannya sumbangan apa-apa. Tapi untuk pembiayaan bayaran tuisyen mereka, pinjaman boleh dibuat dengan Yayasan Negeri Sembilan. Dan sekarang ni Yayasan Negeri Sembilan pun menjadi tumpuan ramai ibu bapak kerana Yayasan Negeri Sembilan tidak ada mengenakan apa-apa kadar faedah. Dan dari segi pembayaran semula itu Yayasan Negeri Sembilan tidak begitu rigid seperti PTPTN. Jika pelajar-pelajar yang dah keluar universiti, mereka ni masih belum dapat apa-apa pekerjaan, mereka boleh berunding dengan Yayasan untuk menanggungkan ataupun mengurangkan bayaran balik mereka. Itu sebabnya ibu bapak ramai datang ke Yayasan dan Yayasan tidak mempunyai masalah Dato' Yang Dipertua, ya.

Perjudian *cyber café* ini merupakan sesuatu yang menjadi keutamaan Kerajaan Negeri juga, Yang Berhormat. Kita bersama-sama dengan bukan sahaja Polis Diraja, tetapi dengan PBT-PBT dan jugak dengan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Jadi kita buat serbuan secara bersepadu. Orang Islam kita dah pinda kita punya Enakmen Jenayah Islam, syariah, dulu kalau orang Islam nak di-charge jenayah, kalau dia buat dalam perjudian, kita mesti ada bukti. Susah nak membuktikan orang berjudi ini Dato' Yang Dipertua. Dulu kalau pergi empat nombor ekor, beli empat nombor, kena tangkap, ditelannya nombor tu Dato' Dipertua, 'keghoteh-keghoteh' tu 'ditolan' eh. So, tak ada bukti. Jadi apa yang telah kita pinda, di Dewan yang mulia ini Dato' Dipertua, ialah jika didapati orang Islam berada di premis perjudian pun dah boleh memadai untuk kita charge mereka atas perjudian. Jadi kita dah banyak kurang dah. Tetapi proses untuk kita menyerbu dan jugak mendakwa mereka ini dijalankan secara terusan, tapi nak mendakwa ini susah sikit Dato' Dipertua, kerana *cyber café* ini ataupun mesin judi ini Dato' Dipertua, dia punya modem di tempat lain. Dia kalau *switch off* dia punya modem tu, tidak ada apa-apa yang di dalam komputer tersebut. Modemnya di, di luar, di kawasan luar. Jadi kita nak mendakwa, membuktikan dia ini merupakan me, mengendalikan judi susah. Apa yang kita buat ialah kita buat secara *arrestment* lah, dengan izin. Dan polis, pihak PBT dan yang lain-lain agensi-agensi yang lain sentiasa saja memantau untuk kita mencegah.

Dan Dato' Yang Dipertua, bagi operator-operator ni pulangnya lumayan. Kita diberitahu ataupun kita dapat tahu, kadang-kadang satu operator dalam satu bulan sampai [RM]30 – [RM]40 ribu dia boleh dapat. Itu sebabnya mereka sentiasa melanggar undang-undang. Dan yang menjadi mangsanya adalah budak-budak sekolah, dan orang-orang yang makan gaji kadang-kadang rumah ra, rumah tangga rosak kerana sebabkan jenayah judi ni Dato' Dipertua. Jadi itu sebabnya

masalah ataupun isu yang dibawak oleh Yang Berhormat itu merupakan isu bersama. Kita memantau dan kerajaan sentiasa memantau dan jumlahnya dah amat kurang sekarang dah. Tetapi kita akan teruskan dan kita pastikan supaya masalah ini dapat dipantau dan tidak mendatangkan masalah masyarakat Dato' Dipertua ya.

Lingkarang Tengah ini, dia punya jajaran telah pun disetujui tetapi kita menunggu bajet Dato' Dipertua. Kerana ini merupakan bajet datang daripada Kerajaan Persekutuan. Jajaran telah pun kita buat dengan kita mengambil kira mengelakkan banyak rumah-rumah yang terlibat Dato' Dipertua, kita buat kita pastikan ia tidak mendatangkan banyak masalah kepada masyarakat. Inshaa Allah.

ADUN Mambau, kelewatan pembinaan Jalan Tok Ungku. Dia punya penyerahan tapak ni pun lama. ADUN Mambau ya. Mana ADUN Mambau. Oh situ, oh bukan Nilai lagi, *sorry*, ADUN Mambau ya, tukar tempat ya. Memang kita dapati bahawa jalan ini mempunyai kelewatan. Dia tidak akan siap dalam masa yang diletakkan di papan tanda. Dan JKR akan sentiasa, JKR dan Majlis Perbandaran akan sentiasa pastikan supaya dalam proses pembinaan ini kesulitan-kesulitan kepada orang ramai ini dapat kita minimakan. Walau bagaimanapun, kesulitan akan berlaku kerana dia dibuat di jajaran di atas jalan yang sama. Dan kesulitan akan terus berlaku tapi dapat kita minimakan. Memang dia, projek ini bukan merupakan projek terbengkalai ataupun, tapi dia, proses dulu tu dia memulakannya dulu terlambat. Jadi kita memang, memang dalam radar kita. Dan kita memantau dan akan jadikannya, akan pastikan supaya ia dapat disiapkan dengan sempurna, Dato' Dipertua ya.

Yang Berhormat ADUN Lenggeng, kajian pelantikan JKKK, kita akan bekerjasama dan kita pastikan supaya lantikan kali ini dapat dibuat dengan baik.

Jalan tidak bertar di Lenggeng, inshaa Allah, tadi, lagi pun tadi Yang Berhormat kata tadi dah ditarkan, tahniahlah. Dan KKW mempunyai bajet yang banyak untuk me, mengetar jalan-jalan kampung. Pejabat Daerah, Pegawai-Pegawai Daerah akan sentiasa memantau dan ahli Yang Berhormat di semua kawasan di Negeri Sembilan dicadangkan supaya berunding dan memberikan maklumat-maklumat supaya jalan-jalan yang masih belum bertar, kita cuba untuk tarkan. Tapi jalan bertar ni, jalan, kawasan ada rumah saja. Dia ke ladang tak ada. Dan dia tak boleh masuk sampai ke dalam rumah, dia sampai pintu pagar saja, ya. Sampai pintu pagar dan kalau rumah tu jauh pada pintu pagar, tak boleh ditar dalam, ya. Ha, ini syarat-syarat yang dibuat oleh KKW.

Pengeluaran pasir sungai di DUN Lenggeng ini, Pejabat Tanah dan PTG seharusnya mengambil perhatian apa yang disebut oleh pihak, ADUN Lenggeng tersebut.

ADUN Port Dickson, projek terbengkalai sekitar Port Dickson. Ni, projek ni lama, YB ya, projek yang lama. Kita cuba. Bukan senang untuk kita menyelesaikan projek terbengkalai. Kita dah cuba banyak dah di Negeri Sembilan. Ada banyak projek yang telah pun kita selesaikan. Tetapi adanya projek-projek ini yang kadang-kadang yang memang tak boleh kita selesaikan. Dah tak ada lagi orang kata, dalam bahasa pemaaju dia, dah tak ada lagi, daging dia. Tak ada apa-apa lagi boleh dapat menjadi sebagai *sweetener*, dengan izin, kepada orang yang nak menyelamatkan projek tersebut melainkan projek yang, ini boleh diselamatkan melalui SPNB ke apa. Tapi SPNB jugak mempunyai senarai keutamaan yang banyak. Tetapi projek-projek seperti projek bukan keutamaan, ataupun projek perumahan awam ini tidak merupakan keutamaan kepada kerajaan ataupun SPNB.

Walau bagaimanapun, kita jugak macam projek di Ming Court misalnya, merupakan sesuatu yang memang menyakitkan mata. Merupakan satu-satu yang nampak menyakitkan mata, Dato' Dipertua. Tapi itu nak diselamatkan, memang susah nak diselamatkan. Dia adalah kepunyaan satu syarikat dan dia bukannya melibatkan orang, ramai orang awam Dato' Dipertua, ini melibatkan orang-orang yang mempunyai, membeli dulu apartmen berkelas tinggi ini Dato' Dipertua. Jadi susah untuk berunding dan dia punya masalah perundangannya amat rumit sekali untuk kita ataupun kerajaan masuk campur. Walau bagaimanapun, kita sentiasa memberikan penerangan kepada mana-mana syarikat yang sudi, yang mahu untuk mengambil alih. Tapi kadang-kadang mereka ini nak mengambil alih dengan harga yang, potongan ataupun sehingga 50 peratus, Dato' Dipertua. Memang tidak dapat persetujuan daripada tuan punya ataupun tuan punya projek. Macam Kemayan Square. Dia diambil oleh Khazanah dan Khazanah menjualnya dengan potongan yang banyak, dengan izin. Ada penyelamat. Sekarang ini sedang dibuat, sedang dipulihkan. Dan begitu jugak dengan projek-projek yang lain.

Projek menambak pantai Teluk Kemang ini, merupakan program untuk kita menambak pantai Dato' Dipertua. Apa yang dipanggil sebagai, dengan izin, *beach nourishment program*. Kita dah buat dah di Batu 4, cantik. Hakisan yang berlaku Dato' Dipertua, menyebabkan pantai kita yang lebar dulu terhakis banyak. Jadi kita kena lebarkan semula pantai supaya pantai kita yang landai dulu, dapat digunakan oleh penduduk ataupun pengunjung. Masa dia dibina tu, memang susahlah Dato' Dipertua, sebab ditutup pantai tu sekejap untuk pembinaan dan malang

pulak, masa kita bina ataupun projek itu dibuat, kita mempunyai masalah iaitu untuk kita menambak dengan pasir baru. Kita telah pun diberitahu oleh kontraktor yang telah pun diberi oleh JPS Pusat, mereka dapat bekalan pasir daripada laut Melaka. Tapi bila projek tu dijalankan, pasir tersebut tak dibenarkan oleh Kerajaan Melaka untuk dibawak ke Negeri Sembilan. Jadi, terbengkalai sebentar. Jadi cerucuk-cerucuk tersebut yang sepatutnya di bawah pasir, menghalang orang ramai menggunakan pantai tersebutlah, untuk tempoh waktu. Jadi kita dah buat beberapa perkara, cuba untuk kita menyelesaikan masalah ini, inshaa allah Dato' Dipertua, ini bukan nak menyusahkan orang. Ini nak memperbaiki, nak kita melebarkan lagi pantai dan untuk memberikan kemudahan kepada pengunjung supaya pantai Port Dickson yang dah banyak terhakis, hakisan yang melampau dapat kita pulihkan semula Dato' Dipertua, ya.

PD Wellness ini kita, kita buat untuk kita bagikan kemudahanlah, ya, untuk orang jalan kaki dan macam-macam. Bukan berhasrat untuk menafikan hak orang awam kerana *PD Wellness* itu merupakan sesuatu yang boleh dijadikan sebagai salah satu produk pelancongan di *PD Wellness*, ya.

Projek persatuan penduduk tentang pembinaan projek jalan, kita, kita akan berunding.

Projek Bandar Tentera Darat tak menampakkan tentera, itu tak betul. Dia, kita nak jadikan bandar PD ni sebagai satu ikon tentera darat. Di situlah lahirnya pahlawan-pahlawan kita, di situlah bermulanya tentera darat kita, tahun, awal tahun 1900 dulu Dato' Dipertua. Jadi nak memperingati tempat lahirnya pahlawan tentera darat, di situlah kita panggil sebagai Bandar Tentera Darat. Dan kita adakan beberapa produk-produk untuk dapat mengingati bahawa tempat ini tempat tentera darat dengan Muzium Tentera Darat-nya, dengan beberapa perkara-perkara lain, tiap ta, tahun kita akan adakan acara *tattoo* tentera darat di sana dan macam-macam lagilah untuk menggalakkan pelancongan. Dia bukan satu pembaziran, dia merupakan sesuatu kerjasama di antara Kementerian Pertahanan dan jugak dengan Kerajaan Negeri Sembilan, menjadikan bandar itu sebagai Bandar Tentera Darat.

Cadangan menaik taraf jalan Port Dickson – Pasir Panjang ini. Kalau dah siap besok jalan yang sekarang ini daripada batu berapa, Batu 4 terus pergi Pasir Panjang, dia tidak akan lagi mendatangkan kesesakan kerana sekarang ini orang tak ada pilihan Dato' Dipertua, kalau orang nak pergi Melaka, orang nak 'poie' Pasir Panjang, orang nak 'poie' Permatang Pasir, dia terpaksa ikut jalan Batu 8, Batu 12 tu. Tapi dah

siap projek yang terbengkalai, sekarang ni dah dilantik kontraktor, dengar khabarnya JKR Pusat telah pun melantik kontraktor penyelamat yang kedua. Kontraktor penyelamat kedua, salah bagi, bagi kepada orang yang diselamatkan. Jadi tak betullah kan? Bagi kontraktor penyelamat kepada orang yang diselamatkan. Mana boleh. Sekarang ni dia nak bagi kepada *independent contractor* untuk menyiapkan jalan tersebut. Inshaa allah, bila jalan tersebut siap besok orang yang nak pergi Pasir Panjang, orang nak pergi Sungai Raya, orang nak pergi Melaka, tidak akan lagi mengikut Jalan Pantai, Batu 8, Batu 10, Batu 13, Dato' Dipertua, ya, inshaa allah.

Daripada ADUN Repah, projek perumahan kos rendah Air Kuning. Air Kuning ni sebenarnya dulu di *earmarked*, dengan izin, untuk buat projek rumah kos awam, tapi tanah ini telah dibagi kepada Kerajaan Persekutuan, Yang Berhormat, menjadi ke, tanah Kerajaan Persekutuan atas sebab-sebab yang kita sendiri pun kurang pasti, dibagikan kepada Kerajaan Persekutuan. Dan projek ini sepatutnya dibuat oleh Kerajaan Persekutuan, kita akan mohon Kerajaan Persekutuan. Dah banyak kali kita mohon dah tetapi belum lagi diberikan peruntukan kewangan dalam Rancangan-Rancangan Malaysia. Inshaa allah kita akan teruskan, ya.

Projek perumahan, taman perumahan, Talu Corporation ini kita, dah banyak perundingan dah, macam-macam perundingan yang kita buat. Tapi yang saya sebutkan tadi, bukan senang Dato' Dipertua, kerana nak menyelamatkan projek terbengkalai ni kan, macam-macam, berbagai-bagai masalah. Kadang-kadang tuan punya projek setuju, kadang-kadang orang yang menjadi tuan punya ataupun yang membeli rumah tak setuju, macam-macam. Kita akan cuba terus mencuba, ya.

Liputan jalur lebar ini kita berunding dengan TM, kita ada kita punya *NS Wireless City*, dan macam-macam. Dan kita sekarang sedang merancang untuk melebar luaskan lagi kawasan-kawasan liputan untuk *NS Wireless City*. Dan kita jugak men, mintak kepada Telco-Telco yang lain supaya mereka memberikan perkhidmatan berbayar kepada orang ramai. Untuk kita pastikan kawasan di Negeri Sembilan ini akan diliputi dengan *broadband* jalur lebar yang baik dan boleh diguna pakai oleh orang ramai.

Bil IWK, 2.00 ringgit ke 8.00 ringgit ini sebenarnya ada perubahan nilai tam, tahunan di kawasan tersebut. Sebanyak 374 buah rumah yang terlibat. Dia ni dinilai nilai tahunannya telah dinilai dengan nilai 1,400.00 ringgit satu tahun. Jadi, rumah ini bukannya merupakan rumah kos rendah Dato' Yang Dipertua. Yang 2.00 ringgit ini adalah merupakan rumah yang nilai tahunannya sebanyak 600.00 ringgit ke

bawah iaitu rumah kos harga rendah. Rumah yang terlibat ini, yang 374 ini, saya rasa Yang Berhormat setuju agaknya, bukan rumah kos harga rendah ya. Rumah ini adalah rumah biasa dan nilai tahunannya telah berubah

Y.B. ADUN Repah: Penjelasan sikit.

Y.A.B. ADUN Rantau: kepada 1,400.00 satu, satu tahun. Maka itu dia punya

Y.B. ADUN Repah: Penjelasan.

Y.A.B. ADUN Rantau: dia punya apa

Y.B. ADUN Repah: Penjelasan, mintak penjelasan.

Y.A.B. ADUN Rantau: adalah sebanyak 8.00 ringgit.

Y.B. ADUN Repah: Yang Berhormat, sebenarnya pada awalnya rumah tersebut adalah rumah kos rendah, dijual kepada pembeli-pembeli. Jadi status

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, saya tak bagi Yang Berhormat cakap pun.

Y.B. ADUN Repah: Saya cuma

Y.A.B. ADUN Rantau: Dia punya nilai telah berubah. Sekarang rumah itu tidak lagi dikategorikan rumah kos harga rendah kerana nilai tahunannya telah pun bertambah. Bukan lagi 600.00 ringgit ke bawah, kepada 1,400.00 ringgit setahun ya. Dibuat oleh Majlis Daerah Tampin.

Kampung Baru, JKKK tak mahu jalankan tugas. Ini kita akan, kita akan semak dan tidak ada, tidak ada sebab mengapa mereka tak mahu

jalankan tugas ya. Kalah pilihan raya satu, tinggal lagi tugas hakiki mesti kita jalankan.

Menukar temu janji telah pun dijawab oleh Exco Kesihatan tadi.

ADUN Nilai, hak milik rumah Kampung Hakka, saya katakan saya tak nak ulas kerana dia subjudis kepada proses mahkamah.

Isu rumah harga tinggi. Ia jugak merupakan kita punya, dalam kita punya radar. Kita berbincang, Majlis Tindakan Negeri, kita bincangkan isu tentang harga rumah yang tinggi dan melambung naik sekarang ini. Dan bahkan Kerajaan Pusat pun sama-sama berbincang cara mana untuk kita pastikan golongan berpendapatan sederhana dan rendah ini tidak menjadi mangsa kepada ekonomi ataupun harga yang melambung tinggi terutamanya harga rumah. Itu sebabnya Yang Amat Berhormat Datuk Najib, Perdana Menteri kita membuat berbagai-bagai cara, berbagai-bagai kaedah untuk pastikan supaya golongan yang berpendapatan sederhana dan rendah ini akan sentiasa terus mendapat pembelaan.

PR1MA misalnya, ya, PR1MA merupakan Projek Perumahan 1Malaysia, yang mana ia merupakan satu projek rumah yang bertujuan kepada orang yang berpendapatan sederhana, Dato' Dipertua, daripada 2,500.00 ringgit ke atas sampai [RM]6,000.00 atau [RM]7,000.00. Dalam masa yang sama, rumah-rumah harga, harga, harga rendah pun akan sentiasa diberikan keutamaan dan Dasar Perumahan Negara tidak akan kita lupakan. Apa saja projek perumahan dibuat, rumah kos harga rendah 30 peratus tersebut akan mesti kita kuatkuasakan, ya.

Sistem penyampaian ini, saya rasa MPN akan mengambil tindakan.

ADUN Bahau, permohonan peruntukan institusi keagamaan bukan Islam. Ada kita bagi. Kita bagi. Siapa-siapa saja mintak, kita bagi. Dalam P50 kita bagi. Kita tidak pernah mengenyepikan siapa-siapa. Tidak kira mana. Saya rasa bolehlah *check* mana-mana kan, kita bagi. Baik sekolah ke, baik kuil ke, *temple* ke, *church* ke, kita bagi. Kita bantu. Mana yang boleh kita bantu, kita bantu. Kalau kita tak dapat bantu banyak, sikit pun kita bagi jugak. Dan untuk pengetahuan, masjid-masjid ni peruntukannya banyak daripada Majlis Agama Islam. P50 sebenarnya untuk masjid tak sampai pun, tak banyak pun. Tapi P50 banyak kepada kuil, tokong, *church* dan yang lain-lainlah ya.

Menaik taraf Jalan Bahau – Mahsan. Ini kalau dah baik besok, Dato' Dipertua, bila dah ada Bandar Baru Bahau yang seluas 500 ekar ini, yang telah pun diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Perancangan Negeri

tempoh hari, salah satu daripada syarat kebenaran kita adalah supaya pemaju membuatkan jalan pintas, *by-pass* Bahau. Orang daripada Gemas nak pergi ke Timur, dia tak payah melalui Bahau lagi. Dia akan jalan, ada satu jalan pintas yang mana daripada sana dia akan keluar terus sampai ke nak pergi jalan ba, Bandar Baru Seri Jempol. Jadi, dengan adanya jalan *by-pass* ini nanti, dia akan mengurangkan jumlah lalu lintas, *traffic* yang, yang, yang, yang banyak Dato' Dipertua. Terutamanya di hari minggu, yang mana orang yang nak pergi dari satu tempat ke satu tempat, mereka tak perlu melalui Jalan Bahau lagi. Jadi ini akan dapat mengurangkan lalu lintas di sana. Ha, itu memang dalam perancangan kita. Dan rasanya kita punya syarat ialah buat jalan dulu sebelum mereka bangunkan tanah 5 ekar, 500 ekar itu. Itu syarat kita. Buat jalan, itu yang kita syaratkan ya.

Rumah Pangsa Bahau Indah, bil lampu kawasan *parking*, itu kita akan siasat ya. Saya pun tak faham, saya pun tak tahu.

Kampung Chu Ward ini, dia Dato' Dipertua, kita ada *leverage* sikit, dengan izin, dia belum dapat lagi dia punya kelulusan kebenaran untuk merancang. Jadi kita bolehlah gunakan sedikit kuasa kita kalau nak dibandingkan di Mantin tersebut. Dia punya Kebenaran Merancang dah lama lulus, jadi tak boleh nak buat apa pun dah. Tapi yang Kampung Chu Ward ini, kita akan dapat *dictate*, dengan izin, kita akan mengenakan syarat-syarat supaya kebajikan dan jugak hal ehwal penduduk di situ akan diberikan keutamaan, jika mereka nak bangunkanlah. Tapi ini boleh. Tapi di kawasan Hakka tersebut, tuan-tuan, Dato' Dipertua, susah sikit sebab semuanya dah diluluskan pada tahun 2001 dan sebelum ni, ya. Jadi susah kita nak *dictate*, itu pun telah ada persetujuan sebenarnya di antara majoriti penduduk di situ, ya, Dato' Dipertua.

ADUN Lobak, kadar penembusan jalur lebar, inshaa allah ini merupakan kita punya keutamaan supaya kita dapat memberikan kemudahan jalur lebar ini. Dan seperti yang disebut dalam Titah Ucapan Tuanku, titah perasmian tersebut, kita menduduki tempat ke-5 sekarang. Kita perlu ba, pastikan supaya kemudahan ini dapat diberikan seterusnya seperti saya sebutkan tadi untuk kita memberikan kemudahan yang lebih luas lagi, *NS Wireless City*.

Penyelenggaraan rumah pangsa tadi dah disebut oleh Yang Berhormat daripada Pertang. Walaupun begitu Dato' Dipertua, secara tidak, secara bukan dasarnya Kerajaan Negeri pun telah mintak PBT, terutamanya MPN dan MPS untuk menolong menguruskan kawasan-kawasan apa yang dipanggil sebagai *common area*, dengan izin. Kawasan yang apa, dibersihkan. Kita tak mahu lihat pulak disebabkan oleh kegagalannya

pihak pengurusan bersama, ataupun pihak pengurusan *flat* tersebut, maka kawasan-kawasan di sekitar *flat* tersebut tidak terurus dan menyakitkan mata. Jadi kita gunakan. Dan *flat* di Lobak sebenarnya, kerajaan di bawah Kementerian Kerajaan Perumahan Tempatan telah mengeluarkan belanja yang amat banyak, menaik taraf kawasan tersebut. 17 buah *flat* telah pun disapu cat dan jugak dia punya besi-besi pun telah diganti, dan jugak macam-macam lagi, banyak telah dikeluarkan belanja Dato' Dipertua, untuk kita pastikan kemudahan awam dan jugak kesejahteraan penduduk di situ diberikan keutamaan, inshaa allah.

PR1MA di Seremban Utara ini jangan risau sebab Jabatan Alam Sekitar kita mengenakan syarat yang amat ketat. Dan Majlis Perbandaran Seremban pun mengenakan syarat yang amat ketat. Mereka terpaksa mengenakan kolam-kolam takungan sebanyak tiga ke empat biji yang besar-besar supaya air yang akan masuk ke Sungai Temiang itu nanti adalah merupakan air yang selepas melalui proses mendapan Dato' Dipertua, ya. Ini jugak akan menjadi sebagai kolam-kolam untuk kita mengelakkan banjir kilat, inshaa allah.

ADUN Rahang, bilangan pusat jagaan dah disebut tadi. Kes ibu tunggal pun dah disebut tadi ya.

ADUN Gemencheh, usahawan belia di luar bandar, inshaa allah, kita, Yang Berhormat pun ahli belia, pernah memimpin belia, dan kita pastikan dan saya, kita pun telah mintak supaya Menteri Belia Dan Sukan yang jugak seorang belia, memberikan banyak lagi kemudahan supaya usahawan belia ini diberikan, banyak orang kata kemudahan-kemudahan kerana ramai belia-belia Dato' Dipertua, mereka ini bukan nak bekerja. Mereka nak berusaha. Mereka nak menjalankan perniagaan mereka. Jadi latihan-latihan yang sesuai perlu diberikan. Dan *seed capital*, ataupun, dengan izin, dengan modal permulaan itu, perlu diberikan dan perlu diberikan pertimbangan yang sewajarnya. Inshaa allah di Negeri Sembilan, kita sentiasa, kerajaan kita adalah merupakan kerajaan yang sentiasa melihat belia ini sebagai sesuatu yang perlu kita uruskan kerana jumlah penduduk kita pun dah hampir 50 peratus merupakan golongan belia, Dato' Dipertua.

ADUN Senawang, isu judi siber dah saya sebutkan tadi. ADUN Linggi, pembangunan modal insan, pun dah kita ulas dengan panjang lebar. Rumah Mampu Milik pun dah kita ulaskan.

ADUN Kepayang, penggunaan insinerator. Ini Dato' Yang Dipertua, ini adalah cadangan. Insinerator ini bukan sebenarnya insinerator. Cypark ini pun bukan ada, dia *holding company* dia itu memang yang di,

yang di apa ni, merupakan syarikat yang tersenarai. Cypark ini merupakan yang menjalankan operasi untuk memulihkan pusat pelupusan sisa pepejal di Negeri Sembilan, iaitu di Pajam, di Palong, Bukit Palong, dan yang lain-lain. Dan mereka merupakan syarikat jugak yang dapat menjalankan usaha tenaga solar yang banyak dilakukan sekarang di Pajam dan kawasan-kawasan lain. Dan syarikat ini diberikan mandat oleh Kerajaan Pusat untuk mengendalikan kawasan pusat pelupusan sisa pepejal di Tanah Merah, yang baru ni, yang 100 lebih ekar ni. Dan antara cadangan-cadangan ialah untuk membina sistem secara lebih, lebih efisien lagi daripada kita menggunakan sistem, sistem pepejal secara konvensional.

Dato' Yang Dipertua, Kerajaan Negeri Sembilan memang mahu melihat supaya urusan untuk mengurus sistem pepejal kita di Negeri Sembilan ini dibuat dengan lebih berteknologi tinggi. Kita tidak mampu lagi untuk menjalankan urusan sisa pepejal ini secara konvensional. Banyak tanah-tanah. 100 ekar tu Dato' Dipertua, dengan jumlah sisa-sisa pepejal yang ada di Negeri Sembilan, di Daerah Seremban dan Daerah Port Dickson ni Dato' Dipertua, dia tak sampai 10 tahun akan penuh. Jadi kita akan cari kawasan baru lagi. Jadi, kita tidak mahu nanti Negeri Sembilan ini penuh dengan pusat pelupusan sampah. Dan kita jugak telah buat suatu arahan bahawa bekas-bekas ataupun bekas kawasan, kawasan pelupusan sisa pepejal ini tidak boleh diguna pakai terutamanya pembangunan dalam masa 25 tahun kerana ia merupakan satu kawasan yang mempunyai pencemaran. Ada gas *methane* dan macam-macam. Jadi, kalau kita tidak menggunakan teknologi moden, teknologi tinggi untuk kita menguruskan sisa pepejal kita Dato' Dipertua, kita akan terpaksa berhadapan dengan masalah ini. Dan sistem pepejal secara, pelupusan pepejal, tapak dia, secara konvensional ini Dato' Dipertua, kalau kita lihat dia mendatangkan lebih banyak masalah. Dengan pencemaran bau, dengan lalat, dengan *leachate* dia, dengan pencemaran air dalam tanah, bawah tanah, dan macam-macam.

Jadi, adalah, saya harap supaya dalam Dewan yang mulia ni, semua ahli Yang Berhormat yang ada di sini, mari kita bersetuju bersama-sama untuk kita pastikan cara untuk kita menguruskan kita punya sisa pepejal yang semakin hari semakin banyak beribu-ribu tan, untuk kita uruskan sistem pepejal kita. Sistem insinerator ini salah satu daripada *option*, ataupun pilihan, dengan izin. Tak semestinya sistem ini lebih, lebih buruk daripada sistem konvensional yang ada sekarang Dato', Dato' apa, Dato' Yang Dipertua, ya. Orang di Jepun, orang di *Germany*, dia tiap-tiap dalam lima enam kawasan perumahan ada satu insinerator. Tak ada masalah pun. Jadi, tapi kita pulangkanlah kepada pakar-pakar untuk mereka mengkaji dan jugak untuk melihat

kesesuaian. Kita belum lagi buat keputusan Dato' Yang Dipertua. Salah satu *option* dia. Dia boleh buat RDF misalnya, pengasingan, dan macam-macam lagilah sistem yang ada, ya. Tapi ini diuruskan oleh Kerajaan Pusat dan kita memang di Negeri Sembilan, kita nak beralih daripada sistem cara lama yang mendatangkan banyak masalah. Saya rasa YB daripada Mantin ya, YB Mantin setuju dengan, dengan kita? Masalah di Pajam, tiga, lima, lima enam batu berbau. Dengan lalat dan macam-macam lagi. Itu tak ambil kira sistem pencemaran air dan macam-macam Dato' Dipertua. Jadi susah. Kita perlu beralihlah. Tapi janganlah kita apa, mari sama-sama fikirkan untuk kita ubah cara pemikiran kita dan kita bagi, kita, kita bagitahu orang ramai bahawa kita perlu mengubah dan perlu pastikan supaya kita menggunakan sistem teknologi yang baru, ya.

Peruntukan untuk ADUN pembangkang tu, tak tahulah. Tapi kita bagi, kita setiap apa, setiap ADUN kita bagi iaitu projek-projek kecil Dato' Dipertua. Tetapi ianya diuruskan oleh Pejabat Daerah, ya, Pejabat Daerah, kita tak bagi. Dekat Barisan Nasional punya ADUN pun kita tak bagi duit. Semua, semua kita, kita bagi P56 ini, kita bagi kepada semua tetapi ianya diuruskan oleh Pejabat Daerah ataupun Majlis Daerah kawasan masing-masing. Bukan bermakna pihak pembangkang tak dapat, di sini kita bagi. Kita tak bagi peruntukan ini dibagi, ia diuruskan bila ada masalah-masalah untuk kita projek-projek kecil di kawasan masing-masing Pejabat Daerah, ataupun Pejabat Daerah ataupun *Local Government* akan menguruskan dan menggunakan duit-duit ini Dato' Dipertua, ya. Jadi belum tiba masanya untuk bagi duit, baik kepada Wakil Rakyat Barisan Nasional mahupun kepada Wakil Rakyat bukan Barisan Nasional, ya, Dato' Dipertua, ya. Kalau nak, masuk sini. Hey, diamlah [merujuk kepada Y.B. ADUN Port Dickson yang mencelah].

AES ini Dato' Yang Dipertua, kita belum lagi memutuskan rundingan kita dengan Kerajaan Pusat, jadi kita jugak mahu melihat supaya AES ini, yang mana bertujuan untuk mengurangkan kadar kemalangan, sebab MIROS telah buat kajian banyak kemalangan ini disebabkan oleh orang yang tidak mempedulikan akan sistem, sistem jalan raya. Jadi kemalangan banyak berlaku. Jadi AES ni merupakan sesuatu yang baik untuk kita mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.

Ulasan jabatan teknikal daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam ataupun Majlis Agama Islam mengenai permohonan lesen rumah menyembelih babi. Saya rasa kalau tak ada apa-apa masalah, dia tak ada apa-apa bantahan ya, tak ada masalah. Jangan risaulah. Sebab Majlis Agama Islam, dia, kita bukannya nak menghalang apa-apa. Jika bukan di kawasan majoriti orang Islam, ataupun dia tidak

mendatangkan apa-apa kemudahan, saya rasa kerajaan tidak akan membantah ataupun mem, apa, menghalang projek ini.

Rasanya tu sajalah Dato' Dipertua. Yang lain-lain siapa, ada saya tak jawab? Kepayang.

Y.B. ADUN Kepayang: Dato' Seri, berkenaan dengan di bawah apa, perumahan, Rumah Mampu Milik yang semalam saya ada cadangkan berkenaan dengan 30 peratus rumah kos rendah, kalau taman perumahan tu dibangunkan secara berfasa, berfasa-fasa, boleh tak dia dikelompokkan di satu kawasan tertentu?

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato' Dipertua, seperti yang saya katakan tadi, kita boleh, kita boleh, kita boleh rundingkan ya. Jadi kita tak perlu tiap-tiap satu fasa tu ada rumah-rumah kos rendah. Boleh jadi, dalam katakan 200 ekar, kita letakkan di satu tempat, khusus untuk rumah kos rendah. Itu boleh kita, tapi secara dasarnya, pihak PBT ataupun pihak penguat, apa, akan katakan 30 peratuslah. Jadi bila setiap kali satu fasa tu nak buat, dia kena 30 peratus 30 peratus daripada jumlah rumah yang nak dibina. Tapi kalau boleh dibuat, semasa nak mendapat Kebenaran Merancang itu, buat satu *master plan* yang besar, dan bagitahu di mana nak buat. Dan secara totalnya, keseluruhannya mesti mencukupi 30 peratus.

Dan kita nak lihat, kita tak mahu lagi, Dato' Dipertua, ini satu peringatan. Daripada pengalaman, daripada kita punya pengamatan di masa-masa yang lepas, banyak orang yang buat berfasa-fasa berfasa-fasa, lama-lama langsung dia lupa. Dia ubah dia punya rancangan pembangunannya, langsung kita lupa. Ha, jadi kita tidak mahu lupa. Kita akan cop nanti, dalam geran yang besar tu dah setuju besok, ha ni dia kawasan perumahan rumah kos rendah, kita cop di situ. Ha, ini kawasan bumiputera, kita cop di situ milik bumiputera. Lepas tu jangan bising-bising ya. Sebab ini kita nak pastikan supaya kebajikan dan hal ehwal masyarakat terutamanya orang yang berpendapatan rendah ini, rumah kos rendah ini perlu kita jaga. Sebab ada, Dato' Yang Dipertua, pemaju-pemaju yang mengambil jalan untuk mereka mengaburi mata, buat berfasa berfasa berfasa, lama-lama langsung tak ada fasa. Langsung tak ada rumah. Pegawai kita kadang-kadang bertukar-tukar pulak, fail kadang-kadang tak disusun dengan baik, jadi terus *conveniently been forgotten*, Dato', dengan izin. Jadi kita tak mahu itu berlaku. Kalau ada rancangan, ada pemaju yang katakan 200 ekar, 300 ekar, buat dulu dia punya *master plan*, dan di mana nak buat.

Macam Bukit Kepayang kata tadi, kalau boleh dikelompokkan satu tempat. Okay, kita tak ada masalah. *We have no problem with that*, dengan izin. Tapi, kita akan cop tempat tu nanti. Apa sahaja nak dilakukan nanti, Pejabat Tanah akan tahu tempat ini rumah kos rendah. Mana-mana jabatan akan tahu bahawa ini adalah rumah kos rendah, khusus untuk kos rendah. Jadi tak ada lagi dakwa dakwi, tak lagi masalah masa depan untuk dia, walaupun dia nak tukar dia punya perancangan, dia nak tukar dia punya *redevelopment plan* dia macam-macam. Tapi tempat tersebut akan dikenal pasti Dato' Dipertua.

Jadi itu sahajalah Dato' Dipertua, terima kasih di atas semua kerjasama dan jugak perbincangan oleh ahli-ahli Yang Berhormat menjunjung kasih Titah Ucapan perasmian Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar pada hari pertama. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih, ahli

Y.B. ADUN Port Dickson: Yang Berhormat Rantau.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: ahli-ahli Yang Berhormat

Y.B. ADUN Port Dickson: Yang Berhormat Rantau, saya punya soalan belum jawab lagi.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat ADUN Port Dickson. Sila duduk.

Y.B. ADUN Port Dickson: Belum jawab, macam mana?

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun dibahas, dicadang, disokong, dibahas dan telah pun dijawab. Dan sedikit teguran daripada saya kepada ahli-ahli Yang Berhormat, apabila penggulungan dan penjawapan, apabila nakkan satu-satu penjelasan, hendaklah dituju kepada Yang Dipertua supaya saya dapat melihat. Yang kedua, saya jugak kena lihat sama ada yang memberikan jawapan memberi laluan atau tidak. Kalau tidak, kita mintak teruskan. Oleh kerana berlaku beberapa perkara tadi, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, yang menjawab

dan jugak ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang telah pun menjawab. Pada hemat saya, sepanjang saya mendengar jawapan, saya mengangguklah. Bila mengangguk tu saya fahamlah. Saya berharap ahli Yang Berhormat jugak faham bahawa apa yang disampaikan itu sebenarnya itulah penjelasan. Dan untuk pengetahuan ahli Yang Berhormat jugak, pihak kerajaan tak semestinya menjawab sepenuhnya dalam Dewan ini kalau didapati tidak perlu.

Ahli-ahli Yang Berhormat, seterusnya saya akan memintak diundi. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini, sila angkat tangan [semua 22 orang ahli Dewan Undangan Negeri pihak kerajaan mengundi], yang berkecua, yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? **Usul ini diluluskan.**

Setiausaha Dewan: Perkara kelima. Usul. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum usul ini dibacakan, saya dengan ini ingin menangguhkan persidangan kita.

Y.B. ADUN Port Dickson: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, saya sokong.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Makan sokong ya.

Y.B. ADUN Temiang: Sokong, sokong.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya tangguhkan persidangan kita untuk rehat. Dan dijemput semua para hadir, ahli-ahli Yang Berhormat, para hadirin untuk menikmati jamuan di Dewan Serbaguna. Dan Dewan disambung semula pada 2.30 petang.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 1.10 petang]

[Persidangan Dewan disambung semula pada jam 2.40 petang]

Setiausaha Dewan: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan.

5. **USUL**
(Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2013)

“Bahawa mengikut Seksyen 4(3) di dalam Akta Kumpulan Wang Pembanguann 1966, Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju meluluskan perbelanjaan yang dicadangkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2013 seperti yang dibentangkan di Kertas Dewan Bilangan 2 Tahun 2013”.

Setiausaha Dewan: Perkara kelima, Usul. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan usul iaitu bahawa mengikut Seksyen 4(3) di dalam Akta Kumpulan Pembangunan 1966, Dewan in mengambil ketetapan bersetuju meluluskan perbelanjaan yang dicadangkan dalam Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2013 seperti yang dibentangkan di atas Kertas Dewan Bilangan 2 Tahun 2013.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, memandangkan Usul ini ada kaitan dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2013, maka saya dengan ini mencadangkan supaya Usul ini dibincangkan dan dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2013.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Yang Amat Berhormat ADUN Rantau telah mencadangkan agar Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2013 dibahaskan bersekali dengan Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2013 dan telah mendapat sokongan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan cadangan tersebut kata “setuju”, yang tidak bersetuju kata “tidak”. Lebih suara bersetuju. Cadangan ini diluluskan.

6. RANG UNDANG-UNDANG

“Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud-maksud tertentu bagi tahun itu.”

[Bacaan kali pertama]

Setiausaha Dewan: Perkara keenam, Rang Undang-Undang. Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua saya bangun mencadangkan supaya satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan untuk tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu bagi maksud-maksud tertentu bagi tahun itu. Terima kasih.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua

Y.A.B. ADUN Rantau: Bacakan untuk kali pertama. Minta maaf.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato’ Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang pertama.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[Bacaan kali kedua]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, sebelum mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali kedua, saya ingin memberikan penerangan ringkas berkenaan dengan cadangan tersebut.

Dato' Yang Dipertua, Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan 2013 ini adalah bertujuan untuk mengadakan peruntukan sebanyak [RM]5,211,000.00 dengan mengeluarkan wang daripada, Kumpulan Wang Disatukan Negeri bagi maksud-maksud yang berikut, nombor 1 adalah tambahan peruntukan untuk Emolumen sebanyak [RM]2.775 juta. Dan yang kedua, tambahan peruntukan untuk Bekalan Dan Perkhidmatan sebanyak [RM]2.436 juta.

Di bawah butiran Emolumen, peruntukan tambahan ini adalah bertujuan untuk seperti yang berikut, pertama, pembayaran gaji, kenaikan gaji tahunan kepada semua kakitangan Perkhidmatan Awam bagi tempoh Julai hingga Disember 2013. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, tahun 2013 ini kita ada dua kenaikan gaji. Pertama pada awal tahun, dan kedua pada bulan Julai. Yang mana pada bulan Julai tersebut tidak kita letakkan dalam bajet tahun ini. Perbelanjaan ini tidak dibajetkan pada tahun ini kerana keputusan kenaikan tahunan baru saja diputuskan pada tahun ini. Nombor 2, pemberian Bantuan Khas Kewangan tahun 2013 kepada semua Kakitangan Awam sebanyak 500.00 ringgit seorang. Perbelanjaan ini juga melibatkan tambahan peruntukan sebanyak 1,447,000.00 ringgit. Dan yang ketiga, tambahan caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja bagi Jabatan Perhutanan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam yang meningkat selaras dengan kenaikan gaji tahunan. Perbelanjaan ini memerlukan tambahan peruntukan sebanyak [RM]65,000.00. Tambahan peruntukan ini diperlukan berikutan kedua-dua jabatan berkenaan mempunyai lebih ramai kakitangan kontrak berbanding dengan jabatan-jabatan lain.

Tambahan peruntukan bagi butiran Bekalan Dan Perkhidmatan pula, yang berjumlah [RM]2.436 juta, adalah diperlukan untuk tujuan yang berikut. Yang pertama, bayaran Pelbagai Perkhidmatan sebanyak 2.01 juta ringgit di bawah Vot B09 yang merangkumi, sewaan perkhidmatan *Wireless City* kepada Telekom Malaysia bagi projek fasa 1 di tujuh lokasi di Negeri Sembilan berjumlah [RM]760 ju, [RM]760 ribu. Yang kedua, bayaran mengadakan Sambutan Hari Guru Kebangsaan, peringkat kebangsaan tahun 2013, yang berjumlah [RM]500 ribu. Dan yang ketiga, bayaran perubatan IJN tahun 2013 bagi kakitangan kerajaan yang berjumlah sebanyak [RM]750 ribu.

Yang kedua bayaran rawatan dan perubatan untuk Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan dan ahli keluarga DiRaja, yang diperuntukkan di bawah Vot B10, berjumlah [RM]200 ribu.

Yang ketiga, bayaran bil elektrik sebanyak [RM]50 ribu di bawah Vot B19 bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Jelebu yang meningkat melebihi kadar biasa berikutan kerosakan meter. Kerosakan tersebut telah dibaiki Dato' Dipertua, pada tahun 2012.

Yang keempat, bayaran di bawah Vot B22 untuk Pejabat Daerah Port Dickson bagi kerja-kerja penyelenggaraan penyaman udara, sistem alat keba, kebakaran, sistem perpaipan dan pembaikan lif berjumlah [RM]140 ribu. Di samping pembayaran perkhidmatan kawalan keselamatan yang berjumlah sebanyak [RM]90 ribu.

Yang kelima, bayaran pemberian bantuan kewangan tahunan 2013 kepada kakitangan kontrak tanpa perjawatan di Balai Undang dan jugak di Balai Tunku Besar Tampin di bawah Vot B29 sebanyak [RM]49 ribu.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, seterusnya selaras dengan Seksyen 4(3) dalam Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, saya membentangkan pula Usul Anggaran Pembangunan Negeri Tambahan Tahun 2013 semai, bagaimana terkandung dalam Kertas Dewan Bilangan 2 Tahun 2013. Usul ini bertujuan untuk menampung perbelanjaan yang diperlukan di bawah Vot Pembangunan P50 Menteri Besar Negeri Sembilan sebanyak [RM]10 juta. Dan Vot Pembangunan P59 Bangunan-Bangunan Kerajaan sebanyak 185 ribu ringgit.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, dan ahli Dewan sekalian, sebagai Kerajaan Negeri yang prihatin kepada permasalahan dan kesejahteraan rakyat, peruntukan tambahan di bawah Vot Pembangunan P50 sebanyak [RM]10 juta adalah diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan bagi projek-projek yang telah dilaksanakan

dalam tempoh enam bulan pertama ini, dan belanja tambahan bagi program dan aktiviti kemasyarakatan yang akan dilaksanakan dalam tempoh Julai hingga Disember 2013. Pelaksanaan program dan aktiviti ini akan meningkatkan keupayaan kerajaan di dalam menangani permasalahan rakyat, meningkatkan kecemerlangan dalam bidang pelajaran dan kesejahteraan rakyat. Keperluan bagi program permasalahan rakyat semakin meningkat terutamanya bagi projek-projek membaik pulih rumah golongan miskin, miskin tegar, serta kejadian tanah runtuh akibat daripada bencana alam, ataupun musibah yang semakin kerap berlaku dalam tempoh beberapa tahun kebelakangan ini, seperti banjir dan yang lain-lain.

Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, untuk maksud Pembangunan P59 pula, Bangunan-Bangunan Kerajaan, sebanyak [RM]185 ribu adalah diperlukan untuk menampung kekurangan peruntukan tahun semasa bagi bayaran akhir projek, membina pejabat baru dan kelengkapan Balai Tunku Besar Tampin. Kerja-kerja pembinaan dah pun siap, dan dijangka boleh digunakan untuk tahun ini, untuk tahun ini, dah digunakan pun dah, untuk pengetahuan Dewan, oleh Yang Teramat Mulia da, Tunku Besar.

Semua, Dato' Yang Dipertua, semua tambahan peruntukan yang telah saya sebutkan tadi adalah sangat diperlukan berikutan peruntukan kewangan bagi program dan aktiviti yang terlibat tidak disediakan pada tahun semasa kerana keputusan dasar mengenai perkara terlibat hanya dibuat pada tahun ini di samping faktor-faktor luar, di luar jangkauan kita seperti banjir, musibah dan kejadian mala petaka dan yang lain-lain, Dato Dipertua.

Yang Berhormat Yang Dipertua, sekian penerangan saya, dengan in saya mencadangkan agar Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2013 dibacakan untuk kali kedua. Dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2013 diterima dan diluluskan oleh Dewan yang bersidang pada hari ini. Saya mohon mencadang, terima kasih.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Enakmen Perbekalan Tambahan Tahun 2013 telah dicadang untuk dibacakan bagi kali kedua. Kita juga telah bersetuju untuk membahaskan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun

2013 bersekali dengan Rang Undang-Undang ini. Oleh itu seterusnya saya kemukakan kedua-dua perkara ini untuk perbahasan pada dasarnya sahaja.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang di, Dato' Yang Dipertua, saya ambil bahagian dalam bajet tambahan 2013 yang telah, yang baru saja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Rantau sebentar tadi.

Dalam Kertas Dewan, di bawah memorandum untuk Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tahun 2013, untuk maksud Tanggungan T05, iaitu Perintah Mahkamah terdapat satu amaun sebanyak [RM]200 ribu yang dinyatakan di muka surat kedua tersebut. Bagaimanakah [RM]200 ribu ini diperlukan untuk memenuhi, saya percaya ia perlu dikeluarkan ataupun dibelanjakan untuk memenuhi perintah yang telah di, dibuat ataupun diputuskan oleh mahkamah yang mulia. Jadi saya nak mohon pada pihak kerajaan, Pihak Berkuasa Negeri supaya memberikan butiran terperinci ataupun penjelasan, ataupun penjelasan berkenaan dengan bagaimana bayaran 200 ribu ringgit ini perlu dibelanjakan, dan ia perlu di apa, diluluskan pada petang ni.

Perkara kedua, Dato' Yang Dipertua, yang saya nak sebutkan adalah berkenaan maksud Bekalan B13 Jabatan Kebajikan Masyarakat. Berkenaan dengan bajet tambahan yang diminta iaitu sebanyak 123 ribu ringgit tersebut, ia, kalau sekali imbas, ia bukanlah satu amaun ataupun satu jumlah yang besar, dengan kita sedia maklum ramai daripada penerima yang, yang memerlukan ataupun menerima elaun bulanan daripada JKM. Tetapi saya nak ambil kesempatan pada petang ni untuk kita nak, nak merujuk ataupun nak menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada laporan daripada Ketua Audit Negara tahun 2012 yang baru sahaja dibentangkan ataupun dikemukakan kepada umum pada hari semalam. Yang antara lain, yang rasa Dewan ini perlu ambil maklum dan diberikan perhatian adalah berkenaan dengan 40 orang penerima elaun bulanan JKM di Negeri Sembilan. 40 orang yang telah meninggal dunia, yang dah arwah, tapi masih di, nama mele, mereka ni masih dianggap sebagai penerima. Ha, bukan waris mereka, mereka sendiri, yang telah meninggal dunia tetapi masih menerima dan sejumlah 45,350.00 ringgit telah dibayar kepada mereka ini. Daripada 40 orang ini, 26 penerima ini daripada Daerah Seremban, 3 daripada Daerah Port Dickson, 11 daripada Daerah Kuala Pilah. Saya rasa perkara ini perlu diberikan perhatian untuk kita menambah baik sistem pembayaran supaya kita pasti, memastikan bahawa biarlah yang menerima pe, yang menerima elaun bulanan JKM adalah, adalah mereka yang masih hidup. Kalau mereka dah meninggal, biarlah waris

mereka, balu, anak yang mereka. Janganlah yang dah meninggal tu terus menerima.

Dan ikut laporan daripada Ketua Audit Negara, daripada 45,350.00 ringgit yang telah dibayar tersebut, sebanyak 28,280.00 ringgit telah dituntut kembali. Maknanya masih ada perbezaan hampir 17,000.00 ringgit. Jadi saya mohon pada pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat, khususnya di tiga daerah tersebut, Seremban, Port Dickson dan Kuala Pilah supaya mengambil maklum, memandang serius terhadap kejadian yang berlaku tersebut. Sebab saya rasa ini Laporan Audit yang semua pihak, baik di pihak kerajaan, agensi yang terlibat mahupun rakyat umum perlu sama-sama memberikan perhatian, sama-sama kita usahakan supaya perkara ini tidak berulang. Sebab saya tengok Laporan Audit yang dibentangkan ataupun yang di apa, di, di, diumumkan semalam tersebut ada beberapa perkara dan inilah antara perkara yang saya rasa sama-sama kita perlu berikan perhatian.

Dato' Yang Dipertua, saya jugak ambil kesempatan pada petang ni untuk kemukakan satu lagi perkara iaitu di bawah, perkara di bawah P50 Menteri Besar. Dia yang sedia maklum, pada bajet 2013 yang diluluskan oleh Dewan yang mulia in pada bulan Disember tahun lepas, seperti biasanya [RM]10 juta telah diperuntukkan di bawah Kepala P50. Dan saya tengok apabila saya merujuk kepada rekod-rekod sebelum ini, ketika memohon bajet tambahan, inilah kali pertama di bawah P50 pihak kerajaan memohon satu bajet tambahan yang sama banyak ataupun sama tinggi nilainya dengan bajet asal. Makanya ia satu peningkatan *100 percent*, 100 peratus. Biasanya kalau ada penambahan mungkin penambahan 10, 20, 30 peratus. Jadi, saya nak tanyakan kepada Yang Amat Berhormat dan juga Kerajaan Negeri, apakah sebab, saya, saya tahu P50 ni penting, seperti mana yang, Yang Amat Berhormat pun ada sebutkan pagi tadi, yang mengatakan bahawa banyak peruntukan kepada kuil, tokong, sekolah, NGO di bawah P50. Tapi kenapa ada berbeza dengan tahun-tahun yang lepas, ha, selama lima tahun saya berada di Dewan ini, selama ini tak ada penambahan yang begitu drastik. Cuma kali ini kita menyaksikan satu penambahan yang begitu mendadak. Penambahan 100 peratus. Apakah tadi, Yang Amat Berhormat ada menyebut bahawa dalam enam bulan yang pertama tahun ini, banyak projek kemasyarakatan dan sebagainya telah dilaksanakan. Saya nak tanya, apakah peruntukan, apa, permohonan untuk tambahan peruntukan [RM]10 juta, iaitu 100 peratus daripada bajet asal ini ada kaitan, atau ada hubung kait dengan kempen PRU yang ke-13 yang kebetulan diadakan pada bulan April dan Mei tahun ni. Sebab Yang Amat Berhormat ada menyebutkan bahawa enam bulan pertama, jadi saya nak mohon supaya pihak kerajaan dapat memberikan penjelasan, penerangan berkenaan bagaimanakah

perkara ini boleh tersasar jauh. Sebab biasa kalau penambahan 10, 20, 30 peratus tu kita ambil maklum, kita tahu sebab memang banyak perkara yang *out of* kita punya jangkauan. Tapi ini, tersasar jauh 100 peratus. Jadi, saya mintak kerajaan, kerajaan supaya memberikan penjelasan berkenaan dengan perkara ini.

Dan juga saya nak tanya tadi, Yang Amat Berhormat ada menyebutkan di bawah B09 Pelbagai Perkhidmatan, di bawah Anggaran Perbelanjaan Mengurus ada menyebutkan bahawa hampir [RM]700 ribu dibayar kepada, sebagai sewaan kepada TM untuk *wifi*, perkhidmatan *wifi* di tujuh lokasi. Saya nak tahu sama ada tujuh lokasi ini, bagaimana liputan dia, *coverage*, dia, adakah dia, dia meliputi hampir keseluruhan kawasan di Negeri Sembilan ataupun lokasi-lokasi tertentu sahaja? Sebab dia melibatkan perbelanjaan yang saya rasa agak besar, [RM]700 ribu. Tetapi sekiranya [RM]700 ribu ini dibelanjakan untuk kawasan liputan yang luas, termasuk banyak kawasan luar bandar dan sebagainya, saya rasa semua pihak boleh bersetuju sebab ia adalah sesuatu yang, untuk menambah baik, untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat, tak kira di mana-mana, di bandar, di luar bandar, segenap masyarakat yang selaras dengan keperluan pembangunan berteknologi moden pada masa kini, Dato' Dipertua. Jadi saya mohon supaya kerajaan boleh memberikan setakat mana liputannya, berapa peratuskah Negeri Sembilan yang diliputi di bawah tujuh lokasi, dengan sewaan sebanyak hampir [RM]700 ribu kepada TM tersebut? Sekian saja

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ada lagi perbincangan?

Y.B. ADUN Temiang: Dato' Yang Dipertua Dewan saya bangun untuk membahaskan Usul Anggaran Perbelanjaan tahun, Tambahan Tahun 2013 iaitu berkenaan dengan P50, sama juga, Menteri Besar yang sejumlah [RM]10 juta. Seperti yang kita maklum, Dato' Yang Dipertua Dewan, setiap kali bajet, P50, setiap tahun kita mempunyai [RM]10 juta untuk sejah, untuk kegunaan perkhidmatan masyarakat pada, namun pada persidangan pada kali ini saya ada bertanyakan soalan bertulis iaitu nombor 6, ya, berbunyi, sila nyatakan setiap kegunaan peruntukan P50 iaitu Peruntukan Menteri Besar dan tujuannya setiap kegunaan.

Tetapi saya amat sangat kecewa kerana jawapan adalah berikut, kegunaan P50 adalah perbelanjaan pembangunan kemasyarakatan meliputi, mengikut daripada permohonan yang dibuat oleh pemohon pada setiap tahun. Bagi saya ini bukan satu jawapan yang jelas dan *detail*. Apa yang saya tanyakan adalah setiap kegunaan dan tujuannya, dan bukannya ini jawapan yang bersikap budak-budak. So, saya nak tanyakan kenapa kerajaan nak takut mendedahkan maklumat ini secara, sekiranya semua wang ini diguna pakai untuk perkhidmatan masyarakat kerana ini adalah wang rakyat, dan bukanlah wang peribadi Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Maka rakyat berhak dan berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar perlulah transperansi dan telus dalam perkara ini.

Dan dalam perkara ini saya juga menerima, menerima beberapa aduan daripada persatuan-persatuan bahawa apabila mereka berjaya memohon peng, peruntukan daripada Kerajaan Negeri, P50, cek yang disampaikan kepada mereka telah melebihi tempoh enam bulan dan mereka gagal menunaikan cek tersebut melalui bank. So, mereka terpaksa memohon semula lagi dan mengambil masa yang lebih lama. So, saya berharap Yang Amat Berhormat Menteri Besar boleh meneliti perkara ini. Itu sahaja. Terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih, ada lagi? Saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, terima kasih kerana membenarkan pihak kerajaan untuk menerangkan berkenaan dengan peruntukan tambahan, belanjawan tambahan. Seperti apa yang saya telah pun jelaskan tadi, kebanyakannya adalah merupakan untuk mengisi Kepala-Kepala. Seperti di JKM tersebut, adalah untuk kita membayar gaji tambahan. Kerana ada tambahan kakitangan dan yang lain-lain.

Berkenaan dengan mahkamah, kes mahkamah, Kepala berapa tadi, ya, pembayaran mahkamah sebanyak 200 ribu ringgit tersebut ialah merupakan kes di mana nilai tanah tersebut adalah nilai yang dibuat tinggi untuk kita buat pengambilan tanah, satu di Kampung Pachitan, tak salah, nak buat balai raya, tak salah ya, di Kampung Pachitan. Di mana kita telah buat pengambilan tanah mengikut apa yang kita bajetkan. Tetapi telah pun dinilai oleh Jabatan Penilaian lebih tinggi lagi, dan, maka ia kekurangan bajet 100 lebih ribu ringgit kita kena tambah untuk kita membuat pampasan kepada tuan punya tanah.

Yang keduanya, adalah bayaran kepada Tetuan, Mohamad, mahkamah atas penyelesaian kes kemalangan sebanyak [RM]4,700.00 melibatkan pemandu Pejabat Setiausaha Kerajaan, Encik Mohamad Razali Mansor pada 11 April 2011, di lampu isyarat, lampu isyarat Jalan Ampagan. Jadi ini semua adalah kes-kes mahkamah yang telah diputuskan, yang mana kita perlu membuat pembayaran, Dato' Dipertua, ya.

Bayaran kepada orang mati ini, itu, orang mati pun kena *maintain*-lah. Mereka jugak susah di bawah sana, ya. Jadi, ini satu yang pun telah baca, saya pun telah baca, Audit, saya baru dapat tadi, Audit, Laporan Audit yang tebal, Dato' Dipertua. Kita akan pastikan supaya Laporan Audit yang dikemukakan oleh Ketua Audit Negara ini akan kita pastikan ianya diteliti dan diambil tindakan. Jabatan-jabatan kerajaan, agensi-agensi kerajaan, yang mana telah pun ditegur oleh Audit, akan kita pastikan supaya isu-isu tersebut diambil tindakan. Dan ianya tidak akan berulang. Tetapi saya, Dato' Dipertua, pihak kerajaan sebenarnya amat puas hati kerana walaupun ada disebut benda-benda macam ni, tapi nampak jelas pengurangan yang, yang, yang ketara, teguran-teguran Audit ini kepada jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan. Dan apa yang penting ialah sepintas lalu tadi, saya baca semasa selepas makan tengah hari tadi, ia bukannya merupakan isu-isu yang berulang. Isu-isu baru, kalau macam di JKM tu, dulu lain isu dia, telah pun dikenal pasti dan diambil tindakan. Sekarang ni isu-isu lainlah ya. Macam jabatan-jabatan lain pun begitu.

Dan alhamdulillah seperti yang saya bentangkan semalam, 12 daripada kita punya agensi kerajaan dan jugak jabatan kita, telah pun di, dapat diaudit, dan semuanya mendapat Sijil Audit yang bersih. Maknanya tidak ada yang, masalah yang besar yang boleh memberikan audit bertegur, ataupun teguran audit yang serius kepada kita punya Laporan Audit jabatan-jabatan dan jugak agensi kerajaan.

Dan untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, Dato' Dipertua, Negeri Sembilan merupakan antara negeri yang paling banyak sekali jabatan dan agensi kerajaan yang telah pun mendapat pengiktirafan 4 Bintang, Sijil Pengiktirafan 4 Bintang oleh Ketua Audit Negara di atas Sijil Indeks Akauntabiliti. Jadi, ini merupakan sesuatu yang amat mengembirakan kita. Daripada 12 yang diaudit, kan, enam mendapat Sijil 4 Bintang. Bukan senang dapat Sijil 4 Bintang. Dan salah satunya berturut-turut setiap tahun mendapat Sijil 4 Bintang ini, pengiktirafan 4 Bintang ini adalah Majlis Agama Islam. Jadi, alhamdulillah, Dato' Dipertua. Walaupun ada, memang kita tak boleh nak lari daripada teguran audit ni, Audit dia, dia, dia nampak kalau tak betul, kalau satu, satu, kalau satu *entry* pun tak dibuat pun dia akan di-*highlight*-kan ataupun di, dikemukakan sebagai Laporan Audit. Tapi apa yang selalu kita

bincangkan, dan telah kita nasihatkan kepada ketua-ketua jabatan, ambil perhatian, ambil perhatian kepada teguran Audit ini, Laporan Audit ini, supaya ianya dapat kita urus, jabatan kita dapat mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalaman, supaya Laporan Audit ini bila dibuat lagi sekali nanti, dia tidak dapat dibagi sebagai Laporan Audit yang berulang.

Jadi, alhamdulillah-lah, apa yang disebut oleh Yang Berhormat daripada Bukit Kepayang tadi, kita akan, kesilapan terjadi, ya. Kesilapan ini memang jadi, tapi kita ambil perhatian supaya ianya tidak berulang. Dan pembayaran tersebut akan kita mintak kembali daripada waris. Dan kita akan pastikan supaya ianya dapat di, dipulangkan 100 peratus. Walau bagaimanapun kita, Jabatan Kebajikan Masyarakat Dato' Dipertua, merupakan jabatan yang menjadi tulang belakang kepada kita punya dasar, Dasar Jaringan Keselamatan Sosial. Merupakan satu jabatan yang diberikan mandat untuk menjayakan dasar kita. Dan Jabatan Kebajikan Masyarakat ni tertekan disebabkan oleh terlampau ramai orang yang memohon. Berpuluh-puluh ribu orang memohon. Dan kita terpaksa untuk meneliti satu persatu dan ada satu ketika, pada tahun 2010 kalau tak salah saya, kita telah buat apa yang dipanggil sebagai sistem mencari. Di mana kita cari dan kita bagi semua dulu untuk satu tahun. Kemudian secara perlahan kita kaji latar belakang mereka, jika didapati mereka ini tidak layak, maka kita akan berhentikan setelah satu tahun.

Banyak permohonan Dato' Dipertua, banyak sangat permohonan, dengan jumlah kakitangan yang terhad. Ha, itu sebabnya Jabatan Kebajikan Masyarakat merupakan salah satu jabatan perintis yang kita buat di Kerajaan Negeri Sembilan, untuk kita mempertingkatkan mutu perkhidmatan kerana kita tidak mahu kita gagal dalam kejayaan. Kita berjaya, berjaya dalam dasar, berjaya untuk kita membantu orang ramai, tetapi kita gagal seperti apa yang disebut dalam Audit, kita terlepas pandang, kita buat kesilapan dan macam-macam lagi.

Pihak MAMPU daripada Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dipertua, telah pun memberikan banyak pertolongan kepada kita untuk sama-sama mengkaji dan mengenal pasti isu-isu dan kelemahan-kelemahan terutamanya dari segi mempertingkatkan teknologi ICT di jabatan tersebut. Ha, ini penting kerana kita memerlukan satu sistem ICT yang canggih untuk kita menyimpan rekod penerima bantuan yang lebih kurang 27,000 orang sekarang ini, setiap bulan menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sahaja. Jadi ini satu perkara yang besar ya, jadi kesilapan tersebut memang kita kesali. Tapi kita akan pastikan ianya tidak akan berulang sebagai kesilapan yang tidak diambil tindakan selepas teguran Audit dibuat.

Ba, bayaran kepada TM. Ini sebenarnya memang dalam, sepatutnya dalam bajet tahunan. Tapi ia dibuat secara terlepas pandang bahawa bayaran ini sepatutnya dibuat sebagai dalam bajet kita. Tapi tidak dibajetkan. Ia adalah merupakan bayaran tahunan yang tidak sepatutnya menjadi sebagai bajet tambahan. Dia sepatutnya dalam kita punya bajet tahunan, dibuat pada hujung tahun lepas, dalam membentangkan bajet. Dia adalah bayaran kepada TM dalam kita nak menjadikan Negeri Sembilan sebagai negeri yang mempunyai sistem di mana orang mendapat khidmat percuma, ya. *Wifi, NS Wireless City*. Ada tujuh lokasi semuanya. Dan lokasi ni tersebut, merata-rata, bukan tertumpu kepada satu daerah ataupun kawasan sahaja. Macam di Seremban ini, di kawasan Seremban dekat dengan perhentian bas, dekat dengan Seremban 2, dekat Senawang. Port Dickson di kawasan pantai, di kawasan yang lain. Maka ia di, dilengkapkan dengan kemudahan internet jalur lebar termasuklah dua di Seremban, Senawang dan Taman tun, Tasik Seremban, Rembau, Tampin, PD dan Kuala Pilah, banyak. Dan kita jugak ingin, sedang dalam peringkat perbincangan, dan sedang kita peringkat akhir perbincangan, nak meluaskan lagi perkhidmatan internet percuma ini kepada rakyat Negeri Sembilan, supaya kita dapat memberikan kemudahan kepada kawasan yang lebih lebar dan lebih luas lagi, Dato' Dipertua.

Tambahan kepada P50, 100 peratus ini memang saya setuju dengan pandangan rakan-rakan ahli Yang Berhormat. Banyak 100 peratus, tapi dia merupakan tambahan untuk kita menyediakan sahaja. Tak semestinya [RM]10 juta ini akan digunakan habis. Bahkan kita ada lagi, sedikit lagi tinggal, kita punya P50 untuk kita gunakan. Tapi hujung tahun Dato' Dipertua, dengan banjirnya, itu, ini, macam-macam. Jadi kalau nak tunggu nanti, kita punya sidang Dewan yang ketiga, 'tah' bila-bila. Jadi ini sebagai persiapan, persediaan. Kita bukan nak gunakan. Banyak, dalam tahun-tahun lepas pun, P50 kita pun tak habis kita gunakan, masuk semula ke dalam kita punya Kumpulan Wang Disatukan. Jadi ini cuma sebagai suatu persiapan dan persediaan. Banyak kita gunakan P50 tahun ini Dato' Dipertua, kerana banyak jugak program-program, sekolah-sekolah dan jugak NGO-NGO Dato' Dipertua.

Walaupun ADUN Temiang tadi, katakan dia tak puas hati dengan jawapan kita. Kita boleh bagi, tapi senarai ni terlampau panjang, beribu-ribu orang kita bagi kepada NGO-NGO, kita bagi kepada sekolah-sekolah. Ada dia punya *figure* Dato' Dipertua, ada dalam sini, tinggal lagi, tak payahlah saya nak sebut, panjang. Tapi dia punya kesimpulannya, kepada sekolah-sekolah sahaja sebanyak hampir [RM]3 juta, NGO sebanyak [RM]5 juta lebih, masjid surau, masjid [RM]187 ribu, tokong Cina [RM]110 ribu, kuil Hindu [RM]161 ribu.

Yang lain-lain tu, sekolah-sekolah dan jugak NGO-NGO. Dan NGO ni pun nak kita pecahkanlah, kalau nak, ada, bukan tak ada, tapi *list*-nya terlampau panjang. Bolehlah kita bagi, tapi Yang Berhormat kalau nak tengok, boleh datanglah ke pejabat, *run through*, kalau ada apa-apa masalah boleh bagitahu. Kerana terlampau panjangnya *list*-nya nak dibagikan, nanti susah jugak ya. Tapi, *rest assured*, dengan izin, Dato' Dipertua, P50 ini dipantau dan diurus dengan baik. Kita bagi banyak kepada sekolah, tak kira dia sekolah apa, kita bagi kepada, semua yang mintak kita bagi, tapi kadang-kadang ada yang mintak banyak, tak dapatlah kita bagi banyak, kita bagi sikit supaya ia dapat dibagi dengan secara yang, baik yang mungkin kepada mereka.

Teguran mengatakan cek lambat sampai tu, kadang-kadang proses dia tu, Dato' Dipertua ya, lambat dan, sebab pejabat saya tidak mengeluarkan cek. Cek dikeluarkan oleh Pejabat Kewangan. Kadang-kadang terdapat kelewatan di antara dua jabatan ini, menyebabkan cek lambat sampai dan macam-macam lagilah. Mana, mana-mana persatuan ataupun mana-mana tempat yang mendapat cek tu dah lewat, tak boleh disah lakukan lagi, hantar ke pejabat dengan segera, kita boleh buat penukaran cek baru dengan segera. Tak perlu makan masa yang panjang. Kerana cek tu memang dah ada, dia tak perlukan lagi proses untuk kita menilai semula supaya, ataupun nak, kita memeriksa sama ada dia layak ataupun tidak. Kita cuma tukar cek, mengambil masa lebih kurang dua tiga hari boleh kita tukar cek tersebut. Tapi dengan syarat, datanglah dengan sendiri ke Pejabat Bendahari ataupun ke pejabat saya, tunjukkan cek ini tak boleh lagi di, tak boleh disah lakukan lagi, kita boleh tukar dengan segera. Boleh jadi satu hari pun boleh kita tukar, kalau kita, kalau kita dapat tolong dengan segera.

Jadi, isunya di sini, masalahnya Dato' Seri, Yang Dipertua, Dato' Yang Dipertua. Tak 'lamo' 'dapek' Dato' Seri tu. Dato' Yang Dipertua, yang [RM]10 juta ni bukan, ini adalah persiapan. Kadang-kadang banjir, tanah runtuh, jambatan runtuh. Kita tak kan nak tunggu jambatan runtuh nak dapatkan belanjawan daripada mana? Sebab setiap sen duit kerajaan telah pun ada Kepala. Kita tak boleh nak ambil mana-mana. Kadang-kadang tekanan daripada masyarakat, mesti betulkan jalan, mesti betulkan jambatan. Jadi, inilah masalah-masalah yang perlu kita pastikan supaya ma, musibah-musibah, musim banjir dan musim-musim yang kadang-kadang mendatangkan masalah kepada masyarakat ini perlu ditangani dengan segera.

Jadi Dato' Dipertua, itulah penerangan daripada saya dan saya mohon mencadang lagi sekali Dato' Dipertua. Terima kasih.

Y.B. Yang Diperua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, Rang Undang-Undang dan Usul ini telah dibahas serta dijawab oleh kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bali, bagi kali kedua dan Usul Anggaran Pembangunan Tambahan Tahun 2013 diterima dan diluluskan, sila angkat tangan [semua 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang Berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali yang kedua dan Usul ini diluluskan.

Setiausaha Dewan: Satu Rang Undang-Undang bernama Suatu Enakmen bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan Negeri untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi menguntukkan jumlah wang itu untuk maksud-maksud yang tertentu bagi tahun itu.

[Dewan bersidang secara Jawatankuasa]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal. Terima kasih.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang besetuju Dewan bersidang secara Jawatankuasa dan Rang Undang-Undang ini ditimbangkan sefasal demi sefasal sila angkat tangan [semua 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Dewan bersidang secara Jawatankuasa.

Setiausaha Dewan: Fasal 1.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Fasal 1 menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Fasal 2.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada Fasal 2, menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Setiausaha Dewan: Jadual.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, ada apa-apa bantahan? Jika tiada, Jadual menjadi sebahagian daripada Rang Undang-Undang.

Y.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya mohon mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dikemukakan semula kepada Dewan.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Pengerusi, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan Tahun 2013 dimaklumkan kepada Dewan sekarang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju kata "setuju". Yang tidak bersetuju kata "tidak". Lebih suara bersetuju. Dewan bersidang semula.

[Dewan bersidang semula]

[Bacaan kali yang ketiga]

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyatakan bahawa Rang Undang-Undang Perbekalan Tambahan untuk Tahun 2013 telah ditimbangkan sefasal demi sefasal dan telah dipersetujui dengan tiada pindaan. Oleh itu saya mencadangkan supaya Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

Y.B. ADUN Senaling: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, yang bersetuju Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan, sila angkat tangan [semua 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Rang Undang-Undang ini dibacakan bagi kali ketiga dan diluluskan.

Setiausaha Dewan: ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN PERTAMA TAHUN 2013. "Dikanunkan oleh Yang Maha Mulia dan Undang Yang Empat serta Tengku Besar Tampin dengan nasihat dan persetujuan Dewan Undangan Negeri".

7. USUL (PENUBUHAN JAWATANKUASA DEWAN)

7.1 Jawatankuasa Terpilih

Setiausaha Dewan: Perkara ketujuh, Usul (Penubuhan Jawatankuasa-Jawatankuasa Dewan). Dipersilakan Yang Amat Berhormat ADUN Rantau.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun mengemukakan Usul, bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju menubuhkan jawatankuasa, Jawatankuasa Terpilih yang dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut, menurut Peraturan XXVII Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Sembilan.

Ahlinya yang pertama, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan sendiri. Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Haji Hasim Rusdi (DUN Labu). Yang ketiga, Yang Berhormat Dato' Haji Ismail Lasim (ADUN Senaling). Yang keempat, Yang Berhormat Dato' Abd. Samad Ibrahim (ADUN Seri Menanti). Yang kelima, Yang Berhormat Tuan Mohd. Razi bin Mohd. Ali (ADUN Sungai Lui). Yang keenam, Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman bin Mohd. Redza (ADUN Linggi). Yang ketujuh, Yang Berhormat Tuan Loke Siew Fook (ADUN Chennah). Dan yang kelapan, sebagai ex-officio Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang untuk menganggotai Jawatankuasa Terpilih Dewan.

Y.B. ADUN Pilah: Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong Usul tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini sudah dicadang dan disokong. Sekayang, sekarang dikemukakan untuk dibahaskan. Jika tiada, saya persila

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, saya mohon untuk membahaskan usul penubuhan Jawatankuasa Terpilih yang baru saja dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat ADUN Rantau. Dato' Yang Dipertua, kalau kita tengok komposisi kepada Jawatankuasa Terpilih yang dicadangkan, Dato' Yang Dipertua selaku *Speaker* Dewan Undangan Negeri Sembilan bersama dengan tujuh ahli Yang Berhormat yang dicadangkan untuk dima, untuk dipilih ke dalam Jawatankuasa Terpilih ini sebab Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri memang sebagai ex-officio, memang beliau lazimnya memang terma, akan terlibat dalam jawatankuasa untuk memberikan pandangan dari segi undang-undang.

Dato' Yang Dipertua, suka saya merujuk Dewan yang mulia ini kepada praktis di dalam Parlimen. Kalau kita tengok, Parlimen pada baru-baru ini, pada persidangan yang, kini masih berjalan, telah menubuhkan beberapa jawatankuasa yang tugas dan fungsi jawatankuasa-jawatankuasa tersebut sebenarnya adalah hampir sama seperti mana kita tubuhkan, yang akan kita tubuhkan sebentar lagi untuk Dewan Undangan Negeri Sembilan. Di Parlimen kita tengok komposisinya, pihak kerajaan Barisan Nasional terdapat 133 kerusi daripada 222 kerusi. Pihak Pakatan Rakyat mempunyai 89 kerusi daripada 222. Maknanya dari segi pecahan peratusannya, 60 peratus lawan 40 peratus. Keadaannya di Negeri Sembilan, pihak Kerajaan Barisan Nasional dengan 22 daripada 36 kerusi, iaitu lebih kurang 61 peratus. Dan untuk Pakatan Rakyat, kami mempunyai 14 daripada 36 kerusi, peratusannya hampir 39 peratus.

Jadi, kalau kita tengok, nak dibandingkan dengan parlimen. Komposisinya hampir sama. 60 [peratus] di pihak kerajaan, hampir 40 [peratus] di pihak pembangkang Pakatan Rakyat. Tetapi apa yang saya perhatikan, untuk semua jawatankuasa. Bukan sahaja Jawatankuasa Terpilih. Untuk semua jawatankuasa yang dipilih, dilantik di parlimen, di Dewan Rakyat, komposisi jawatankuasa tersebut mempunyai sekurang-kurangnya 30 peratus. Walaupun tak mencecah 40 peratus, tapi sekurang-kurangnya 30 peratus anggota daripada pihak Pakatan Rakyat. Dan setiap jawatankuasa yang dibentuk tersebut, sekurang-

kurangnya terdapat seorang wakil daripada setiap parti pembangkang. Saya bagi contoh, di, semua jawatankuasa di Parlimen mesti ada wakil daripada DAP, PKR dan PAS. Ya, kita di Negeri Sembilan, di pembangkang di Pakatan Rakyat, kita hanya wakil ada wakil DAP dan PKR. Jadi saya ingin mencadangkan bahawa, kita mengambil modus, cara, model yang sama seperti di Dewan Rakyat. Kita membenarkan lebih ramai. Saya ingin mencadangkan tambahan dua orang daripada Pakatan Rakyat, daripada dua tersebut, sekurang-kurangnya seorang dari PKR untuk dipilih ke dalam Jawatankuasa Terpilih ini untuk melambangkan komposisi yang sebenar peratusan kerusi dalam Dewan Undangan Negeri, Negeri Sembilan. Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan pihak kerajaan menjawab.

[Tiada jawapan daripada pihak kerajaan].

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah dibahas. Ahli-ahli Yang Bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan [semua 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Usul ini diluluskan. Silakan pembentangan usul yang seterusnya.

7.2 Jawatankuasa Khas

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan usul bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Khas (Jawatankuasa Perlembagaan) yang dianggotai oleh ahli seperti berikut menurut Peraturan XXVIII Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Sembilan.

Yang pertama, saya sendiri, DUN Rantau. Yang kedua, Yang Berhormat Tuan Manickam (DUN Jeram Padang). Yang ketiga, Yang Berhormat Datuk Haji Jalaluddin Alias (Pertang). Yang keempat, Yang Berhormat Dato' Haji Mohammad Razi bin Kail (Juasseh). Yang kelima, Yang Berhormat Dato' Haji Yunus Rahmat (Klawang). Yang keenam, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Samah Mahat (Johol). Yang ketujuh, Yang Berhormat Tuan Mohd. Ghazali bin Wahid (Paroi). Yang kelapan, Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman Mohd. Redza (Linggi). Yang kesembilan, Yang Berhormat Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa (Gemencheh). Yang kesepuluh, Yang Berhormat Tuan Haji Aminuddin

Haji Harun (Sikamat). Yang ke-11, Yang Berhormat Tuan Veerapan a/l Superamaniam (Repah). Dan yang ke-12, Penasihat Undang-Undang Negeri, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang selaku *ex-officio*.

Y.B. ADUN Labu: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini sudah dicadang dan disokong. Sekarang dikemukakan untuk dibahaskan.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua. Walaupun tadi persoalan saya tak dijawab oleh pihak kerajaan ketika lantikan Jawatankuasa Terpilih. Tapi saya sekali lagi mengemukakan, ha, mengemukakan cadangan untuk membetulkan ataupun membolehkan komposisi dalam Jawatankuasa Khas yang kita akan pilih sebentar nanti supaya ia melambangkan komposisi sebenar. Sebab saya tengok daripada senarai 11, tak termasuk Penasihat Undang-Undang Negeri, 11 orang Yang berhor, ahli Yang Berhormat yang disenaraikan, hanya dua daripada Pakatan Rakyat. Iaitu hanya melambangkan 18 peratus sahaja. Yang tidak mencerminkan komposisi peratusan sebenar dalam Dewan Undangan Negeri ini. Jadi saya berharap walaupun, jadi saya berharap supaya pihak kerajaan boleh sekali lagi ambil perhatian berkenaan dengan perkara ini supaya ia benar-benar melambangkan keperluan supaya suara rakyat daripada latar belakang politik yang berbeza dapat didengar secara adil dengan peratusan yang sama dalam semua jawatankuasa yang kita akan pilih pada petang ni. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

[Tiada jawapan daripada pihak kerajaan].

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini telah dibahaskan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan [semua 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Usul ini diluluskan. Silakan pembentangan usul yang seterusnya.

7.3 Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mengemukakan usul, bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan yang dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut, menurut Peraturan XXVIII A Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Sembilan.

Pertama, Dato' Mohammad Razi bin Haji Kail (Juasseh). Kedua, Dato' Abd. Samad Ibrahim (Seri Menanti). Ketiga, Dato' Haji Yunus Rahmat (Klawang). Empat, Tuan Mohd. Ghazali Wahid (Paroi). Kelima, Yang Berhormat Abdul Rahman bin Mohd. Redza (Linggi). Dan keenam, Yang Berhormat Tuan Yap Yew Weng (Mambau).

Y.B. ADUN Serting: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya menyokong usul tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Usul ini sudah dicadang dan disokong. Sekarang dikemukakan untuk dibahaskan.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, itu yang *boring* tu, tak nak jawab. Walau macam mana pun, Dato' Yang Dipertua, saya rasa Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan ni, ini antara jawatankuasa yang paling aktiflah. Walaupun saya tak pernah ada peluang untuk dipilih, dicadangkan, dicalonkan, disenaraikan untuk mana-mana jawatankuasa, tapi ikut apa yang saya dapat daripada senior-senior saya dan sebagainya, ini jawatankuasa yang paling aktif, sebab, yang biasa kita *shortform* dia PAC. Yang paling penting. Jadi, saya, sekali lagi, memang komposisi dia, saya tak setuju sebab hanya seorang daripada enam ahli yang disenaraikan tersebut daripada Pakatan Rakyat iaitu hanya 17 peratus sahaja, yang tidak melambangkan komposisi 39 peratus ahli Dewan ini terdiri daripada pembangkang dari Pakatan Rakyat.

Tetapi di samping itu, saya juga ambil kesempatan pada petang ini, mencalonkan ataupun mencadangkan nama tiga orang ahli Yang Berhormat, dalam Dewan ini, saya rasa tiga orang ni cukup layak, cukup berpengalaman dengan pendedahan yang mereka ada, pengetahuan, pengalaman mereka, su, mereka sebenarnya lebih layak. Saya tak kata yang enam orang tu tak layak.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, mencadangkan, tu tak boleh bahas.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Saya, okay, bahas, saya tak kisah. Sebab saya rasa na, tiga orang yang akan saya sebutkan nama mereka tersebut, mereka lebih layak untuk duduk di sini sebab PAC ini penting. PAC ini bagi saya ia adalah jawatankuasa yang mewakili Dewan ini untuk mengaudit ataupun boleh apa kata orang, menemuramah jaba, agensi-agensi yang terlibat supaya segala masalah, kepincangan dapat dibetulkan di peringkat yang lebih awal lagi. Kita tak mahu ada kes kepincangan, kesilapan dan sebagainya. Dan PAC memainkan peranan yang penting. Ia memang diketahui. Jadi saya dengan ini mencadangkan nama tiga orang Wakil Rakyat iaitu Yang Berhormat daripada Palong

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, mencadangkan itu tak boleh.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Menyebutkan. Jadi saya menyebut. Ini permainan bahasa Dato' Yang Dipertua. Okay, yang pertama, saya yang pertama, saya menyebut nama Yang Berhormat daripada Palong, sebab beliau bekas *Speaker*, bekas Ahli Parlimen, banyak pengalaman. Yang kedua, Yang Berhormat daripada Lenggeng, orang lama yang saya, semalam sudah sebut cukup ada 'umph'. Saya menghormati beliau. Dan yang ketiga, Yang Berhormat daripada Chennah yang juga merupakan Ahli Parlimen dan sudah tiga, tiga penggal beliau duduk di sini. Dan saya, *on record* saya menyebut nama ketiga-tiga orang ni. Dan saya berharap jugak pihak kerajaan supaya menggunakan budi bicara yang ada, supaya masukkan nama ketiga-tiga orang ini dalam jawatankuasa tersebut agar dapat, supaya, saya percaya dengan sumbangan daripada pengalaman ketiga-tiga Yang Berhormat ini, ia dapat sebenarnya membolehkan PAC ini bertindak, bermesyuarat dengan lebih efektif, dengan pengalaman yang mereka ada. Sekian, terima kasih.

Y.B. ADUN Palong: Dato' Dipertua, saya nak tarik diri sebab saya tak pandai kira.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

[Tiada jawapan daripada pihak kerajaan].

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini telah dibahaskan, disertai dengan seorang menarik diri daripada, nama yang disebutkan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan [semua 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Usul ini diluluskan. Silakan pembentangan usul seterusnya.

7.4 Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Yang Dipertua Dewan, saya bangun mengemukakan usul bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan, ini, ini lagi pentinglah ya, Hak Dan Kebebasan ini, ya, ini akan nanti menentukan kalau ada apa-apa masalah ahli Dewan ya. Ha sinilah buat ya. Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan yang dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut, menurut Peraturan XXVIII B Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Sembilan.

Satu, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua Dewan sendiri. Kedua, Yang Berhormat Dato' Samad Ibrahim. Yang ketiga, Yang Berhormat Dato' Haji Ishak Ismail (Lenggeng). Yang keempat, Yang Berhormat Tuan Mohd. Razi Ali (Sungai Lui). Yang kelima, Yang Berhormat Tuan Haji Abu Samah Mahat (Johol). Yang keenam, Yang Berhormat Tuan Chai Tong Chai (Chuah). Dan yang ketujuh, Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang selaku *ex-officio*.

Y.B. ADUN Pertang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini sudah dicadang dan disokong. Sekarang dikemukakan untuk dibahaskan.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, sebenarnya saya tak bercadang untuk bahaskan untuk jawatankuasa ini. Sebab Yang Amat Berhormat sebut ini jawatankuasa penting ni, kalau dah penting tu,

kalau saya tak buat, tak apa, tak ambil bahagian dalam perbahasan nanti, rasa, rasa macam tak puas hati pulak.

Dato' Yang Dipertua, memandangkan Dato', Dato' Seri Menteri Besar sendiri menyebutkan bahawa ia adalah jawatankuasa yang, yang penting, jadi saya mohon supaya ditambahkan anggota jawatankuasa ini daripada enam orang kepada sekurang-kurangnya lapan orang. Iaitu tambahan dua wakil daripada Pakatan Rakyat, sebab daripada satu, seorang saja wakil daripada enam yang membentuk jawatankuasa ini, sebenarnya ia hanya melambangkan 17 peratus, yang tidak melambangkan komposisi sebenar dalam Dewan Undangan Negeri ini. Saya nak *on record*, walaupun saya tahu pihak kerajaan tak jawab. Terima kasih.

Y.A.B. ADUN Rantau: Tak apa, kali ini saya jawab Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Bukit Kepayang, jawatankuasa Hak Dan Kebebasan ni ahlinya enam orang saja, termasuk, termasuk apa, Pengerusi dia. Jadi tak boleh tambahlah ya. Minta maaf. Saya nak tolong, tapi tak boleh.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini telah dibahas serta dijawab oleh kerajaan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan [semua 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Usul ini diluluskan. Silakan usul seterusnya.

7.5 Jawatankuasa Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang Berhormat Dato' Dipertua, saya bangun mengemukakan Usul bahawa Dewan ini mengambil ketetapan bersetuju menubuhkan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap yang dianggotai oleh ahli-ahli seperti berikut, menurut Peraturan XXVIIC Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap Dewan Undangan Negeri Sembilan.

Pertama, Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua sendiri. Yang kedua, Yang Berhormat Dato' Haji Lilah bin Haji Yasin (Palong). Yang kedua, yang ketiga Yang Berhormat Dato' Samad Ibrahim (Seri Menanti). Yang keempat, Yang Berhormat Tuan Mohd. Ghazali Abd. Wahid (Paroi). Yang kelima, Yang Berhormat Tuan Abdul Rahman Mohd. Redza (Linggi). Yang keenam, Yang Berhormat Tuan Mohd. Isam bin Mohd. Isa (Gemenchah). Yang ketujuh, Yang Berhormat Tuan Ravi a/l Munusamy daripada Port Dickson. Dan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang selaku *ex-Officio*.

Y.B. ADUN Jeram Padang: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong usul tersebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini sudah dicadang dan disokong. Sekarang dikemukakan untuk dibahaskan.

Y.B. ADUN Chennah: Dato' Dipertua. Terima kasih. Terlebih dahulu saya meminta maaf Dewan kerana pagi saya tak ada, berada di dalam sidang Dewan kerana kurang sihat pada pagi tadi. Dato' Dipertua, berkenaan dengan pemilihan-pemilihan ahli-ahli jawatankuasa dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuh ini, saya rasa, kecuali PAC kebanyakan jawatankuasa ini yang telah ditubuhkan secara akademik saja. Hanya untuk memenuhi Peraturan Tetap dalam Dewan. Kerana seperti dalam kes saya sendiri, saya duduk dalam Jawatankuasa Terpilih selama 10 tahun, dua penggal, kali ini kali keti, ketiga duduk dalam Jawatankuasa Terpilih, tak pernah sekali pun saya bermesyuarat dalam Jawatankuasa terpilih. Tak pernah sekali pun jawatankuasa ini memanggil mesyuarat.

Jadi kebanyakan jawatankuasa-jawatankuasa yang telah ditubuhkan ini, tidak berfungsi secara, dengan sepatutnya kerana sepatutnya jawatankuasa-jawatankuasa ini adalah pelengkap kepada perjalanan Dewan kita. Dan sepatutnya berfungsi untuk memantau perjalanan pentadbiran Kerajaan Negeri terutamanya Jawatankuasa Terpilih dan lain-lain. Tetapi ia tidak memainkan peranan yang sepatutnya.

Berkenaan dengan Jawatankuasa Peraturan-Peraturan dan Perintah-Perintah Tetap seperti yang ingin ditubuhkan, saya melihat bahawa salah satu anggotanya ialah Yang Berhormat Palong. Semalam Yang Berhormat Palong telah pun membuat berbagai cadangan berkenaan dengan pemodenan dan juga ataupun, penambah baikan terhadap

perjalan Dewan Undangan Negeri ini. Saya berharap dengan tertubuhnya jawatankuasa ini, anggota-anggota dalam jawatankuasa ini, dianggotai oleh tujuh ahli Dewan, termasuk Palong, dan juga wakil daripada pembangkang, Yang Berhormat Port Dickson, ini dapat memainkan peranan secara proaktif untuk meminda Peraturan-Peraturan Dan Perintah-Perintah Tetap dalam Dewan kita ini. Saya rasa tak perlu ada usul daripada Dewan untuk jawatankuasa ini memainkan peranan secara proaktif. Jawatankuasa ini boleh bersidang atau bermesyuarat secara serta-merta, dipanggil oleh Yang Dipertua, tuan, Dato' Yang Dipertua untuk bermesyuarat. Dan mengkaji bagaimana kita boleh meminda peraturan-peraturan dalam *Standing Order* kita. Supaya kita dapat melicinkan dan melancarkan perjalanan sidang Dewan kita. Yang paling utamanya ialah seperti yang telah saya katakan berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini, iaitu sistem penggiliran soalan yang sepatutnya lebih adil kepada semua ahli Dewan, supaya semua ahli Dewan ada peluang untuk mewakili suara rakyat yang mereka wakili dalam Dewan yang mulia ini, untuk mengemukakan soalan-soalan kepada Kerajaan Negeri melalui sidang Dewan. Saya harap ini dapat dilakukan dengan serta-merta. Tak payah tunggu ada usul daripada Dewan kerana kalau usul daripada saya, sudah tentu saya rasa tak akan diterima. Jadi jawatankuasa ini, saya rasa boleh berperanan secara proaktif. Dan saya harap jawatankuasa ini akan bermesyuarat dengan serta-merta dan men, apa ni, membuat cadang-cadangan untuk supaya kita dapat meminda peraturan-peraturan dalam *Standing Order* kita dan dapat apa ni, membawa perjalanan sidang Dewan ke tahap yang lebih lancar dan licin seiring dengan perjalanan sidang Parlimen. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

[Tiada jawapan daripada pihak kerajaan].

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul ini telah dibahas. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini sila angkat tangan [semua 22 orang Ahli Dewan Undangan Negeri kerajaan mengundi]. Yang tidak bersetuju? Yang berkecuali? Usul ini diluluskan.

8. PENANGGUHAN MESYUARAT

Setiausaha Dewan: Perkara kelapan, Penangguhan Mesyuarat.

Y.A.B. ADUN Rantau: Dato', Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun mencadangkan supaya Persidangan Dewan ditangguhkan dengan ucapan berbilang-bilang terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, kerana telah dapat mengendalikan Persidangan Dewan selama tiga hari berjaya, dengan jayanya. Terima kasih.

Y.B. ADUN Seri Menanti: Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua, saya bangun menyokong cadangan itu.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, cadangan untuk menangguhkan Persidangan Dewan telah pun dibuat dan mendapat sokongan. Sementara itu saya ada menerima empat permohonan dari ahli-ahli Yang Berhormat untuk membuat Ucapan Penangguhan dan seterusnya mempersilakan ahli Yang Berhormat berikut menyampaikan Ucapan Penangguhan bagi persidangan kali ini. Setiap ahli Yang Berhormat dibenarkan membuat Ucapan Penangguhan selama 10 minit sahaja. Saya persilakan Yang Berhormat ADUN Chuah.

Y.B. ADUN Chuah: Terima kasih Dato' Yang Dipertua, memberi peluang saya mengambil, ambil bahagian menyampaikan Ucapan Penangguhan. Saya mengetengahkan, maknanya "Dahulukan kepentingan" rakyat. Dato' Yang Dipertua, dalam teks Baginda semalam dia katakan bangunan perumahan seimbang di luar bandar ataupun di bandar. Di kawasan saya, bangunan perumahan dah pesat, dah banyak. Malangnya untuk perparitan tu masalah. Sebenarnya di longkang, di parit tu agak besar, lebih kurang 10 kaki ke 15 kaki. Hari ini pemaju buat longkang sebesarnya hanya empat ke lima kaki, itu adalah saluran perparitan yang utama dari taman ataupun kebun ke laut. Rakyat amat risau, sebab kepentingan rakyat tu diutamakan, selalu kita kata, kita risau apabila musim hujan, jika air pasang, lepas tu air saluran tu tak lancar. Oleh kerana tu dia akan jadi banjir ke sekitar kawasan taman perumahan. Itu yang pertama.

Dato' Dipertua, yang kedua tu, ada satu kes insiden yang lama, maknanya penternak asal, penternak khinzir asal di Bukit Pelandok, apabila tahun 1999, mengakibatkan satu wabak sungai, *Nipah Virus*.

Lepas tu, *Nipah Virus*, pada masa tu Kerajaan Negeri Sembilan melalui Menteri Besar telah mengeluarkan satu perintah di bawah Seksyen 56, Enakmen Ordinan 1953, dengan izinnya, melalui Warta Negeri Sembilan NSPU(6), yang mengisytiharkan seluruh negeri, Negeri Sembilan sebagai satu kawasan dijangkiti kawasan kawalan dan kawasan pembasmian penyakit *viral esebetik*. Berasaskan pewartaan NSPU telah, tersebut tu, pihak berkuasa membunuh dan memusnahkan khinzir sejumlah jutaan. Hampir hari ini, mereka, penternak, masih tidak boleh pulih, tidak boleh buat apa-apa sebab warta tersebut tu, masih wujud, maknanya tanah tersebut masih, hak pengguna tanah tu masih kata penternak babi sahaja. Jikalau nak buat lain-lain benda tu, agak disekat. Dan sejak tercetus malapetaka tersebut, kebanyakan mereka hidup dalam keadaan miskin, susah sebab tak ada lain untuk menampung, selain tu, 14 tahun, mereka hanya fokus untuk penternak khinzir saja. Dan lepas tahun-bertahun menjalankan kes mahkamah, dan mahkamah telah putus tidak ada pampasan. Walaupun pada masa tersebut berlaku, bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Haji Badawi, menghantar sepucuk surat bertarikh 12 haribulan April 1999, telah menyatakan bahawa *the government has agreed on the number of the indirect measure to assist the pig farmer*, maknanya dia kata kerajaan dengan tidak sengaja nak bantu *indirectly*, maknanya dengan sebelah tangannya nak bantu penternak tersebut. Tapi hingga hari ini, dah 14 tahun, penternak ini tidak dapat apa-apa bantuan ataupun perlindungan.

Dan seterusnya itu, saya menyerulah Kerajaan Negeri dapat menolong mereka dengan cara lain-lain kemungkinan tadi, pagi tadi Yang Amat Berhormat Rantau kata PFA pun kata, tak patut. Jikalau kapal terbang *airport* turun saja pergi mana, tengok babi. Tak 'baguih'. So, PFA ini pun jadi satu masalah. Yang ini tempat asal. Maknanya ni kes dengan PFA tu lain. Dulu sebab dia ni *tradition*, orang dah satu ekar, dua ekar, duduk belakang tu, dia ternaklah khinzir ke, ayam ke. Maknanya saya cadang, ataupun menyeru Kerajaan Negeri tu jikalau boleh bantulah bekas penternak untuk penternakan, mulakan aktiviti penternak bukan ternak khinzir, memang dia kata tak boleh, lembu, kambing, ikan ataupun buaya. Buaya bagus, untung, jangan ketawa, laku, kulit sebab tempat tu hampir sungai, berhampiran dengan laut. Itu sebab untuk *aqua culture*.

Oleh kerana tu, untuk kawasan tu, kalau boleh jikalau tanah tak cukup, bolehkah kita Kerajaan Negeri fikirkan sesuatu sebab mangsa 300 orang, hampir nyawa 100 lebih dah hilang, keluarga, waris dia memang amat kesal, susah, mengalami masalah berbelas tahun. So, jikalau kerajaan katakan tempat 'takdo', ataupun kita cuba cari tempat, menanggungkan sesuatu koperasi untuk mangsa-mangsa tersebut, 300

orang, membentuk satu syarikat dan koperasi untuk membuat satu penternakan sepadu ataupun *aqua culture* untuk menternak ikan, katak, buaya dan selain-lainnya. Ataupun buat satu cara lain untuk tanaman. Bunga, nenas di Palong tu dia kata elok, mungkin Chuah boleh jugak, boleh ke? Boleh. Bunga, boleh eksport.

So, oleh kerana tu saya menyerulah kerajaan ni untuk mentimbangkan cadangan itu apabila urusan tu cuba membatalkan Warta Kerajaan Negeri Sembilan, NSPU(6) tu, wartakan semula tanah itu untuk tujuan rancangan tersebut. Jikalau tidak, warta tu dah sekat. Kelulusan tanah tu, sampai hari ini. Syarat tanah tu masih letak tu, kegunaan tanah tu masih kata penternak babi saja. *So*, tak boleh buat apa-apa. Nak beli tak boleh. Nak jual payah, nak beli, dia tengok “eh, penternak babi”. Tak nak dah. *So*, dari Bukit Pelandok ke Tanah Merah Site A, sama jugak. *So*, oleh kerana tu saya menyerulah, atau boleh buat semula exco, membatalkan, bincang, sebab mangsa-mangsa ni telah hantar memorandum kepada Pusat, Pengarah Veterinar Pusat untuk mendapatkan satu solusi mengatasi masalah membantu mereka. *So*, oleh kerana tu, hari ini saya guna, saya dapatlah satu peluang di Dewan yang mulia ini, melafazkan cadangan saya untuk mementingkan masalah, untuk mengatasikan masalah rakyat. Sebab dah lama, jangka panjang, 14 tahun, dah susah. Pergi mahkamah, kalah. Rayuan, kalah, sebab dia kata tu mungkin bukan manusia yang buat, sebab wabak. *So*, dah kalah, tapi sebagai seorang manusia, simpati sebagai kerajaan yang prihatin, saya haraplah, Dewan yang mulia ni, ambil prihatin, ambil perhatian tu untuk pertimbangkan cadangan saya dan buat satu solusi membantu mereka. Adalah rancangan *agriculture* ka, *aqua culture* ka, untuk menternak buaya ka, ikan ka, katak ka dan selain-lainnya. Itu jugak ucapan saya. Sekian terima kasih Dato’ Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dipersilakan Yang Berhormat ADUN Bukit Kepayang.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Terima kasih pada Dato’ Yang Dipertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam sesi melafazkan Ucapan Penangguhan pada petang ni. Dato’ Yang Dipertua, tajuk yang saya kemukakan untuk Ucapan Penangguhan ni adalah berkaitan dengan Pihak Berkuasa Tempatan dan juga perkhidmatan perbandaran. Seperti mana yang kita sedia maklum Pihak Berkuasa Tempatan adalah merupakan antara agensi penting. Dan saya boleh anggap sebagai antara yang paling mendekati ataupun paling mudah, ataupun paling senang untuk didekati oleh orang awam. Sebab perkhidmatan yang ditawarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan

melibatkan apa, kehidupan seharian, perkhidmatan perbandaran yang melibatkan jalan, longkang, pokok, dan sebagainya yang sudah tentu ia sebenarnya bukan saja melibatkan orang ramai tetapi ia juga merupakan sesuatu yang boleh membantu menaik taraf kualiti hidup masyarakat ataupun sekiranya Pihak Berkuasa Tempatan gagal melaksanakan tugas atau gagal melaksanakan tugas dengan baik, ia boleh menjejaskan kehidupan seharian. Jadi, sama ada taraf hidup sesuatu kawasan tersebut dipertingkatkan atau tidak, walaupun bukan sepenuhnya bergantung kepada Pihak Berkuasa Tempatan, tetapi Pihak Berkuasa Tempatan merupakan agensi yang memainkan peranan paling penting.

Jadi pada petang ni, saya nak merujuk beberapa masalah yang berlaku khususnya di kawasan saya sepanjang beberapa bulan yang lepas. Yang pertama, saya nak merujuk berkenaan dengan isu penurapan semula jalan di, dalam *signboard*, papan tanda disebutkan nama projek sebagai “menurap semula jalan serta kerja berkaitan di Taman Bukit Kelisa Seremban”. Yang keduanya, “menurap semula jalan serta kerja berkaitan di Taman Bukit Intan Seremban”. Dalam, nama projek untuk kedua-dua projek ini, ia sebut menurap semula jalan. Dia tak secara spesifik menyebut mana jalan. Jadi secara logiknya, secara munasabahnya, masyarakat akan berfikirannya bahawa ia akan melibatkan penurapan keseluruhan jalan-jalan di taman-taman tersebut. Sebab jalan tu tak pernah diturap. Kalau sebelum beberapa ta, sebelum ni beberapa tahun yang lepas, ada sesetengah jalan pernah diturap. Jadi sekarang ni mungkin fasa kedua. Tu, tak apalah. Ini tidak, tak pernah diturap selama ni, sejak kawasan perumahan ni dibangunkan. Se, memang daripada pemaju jalan asal. Jadi apabila terdapat *signboard* sebegini, umum, umum ataupun penduduk tempatan memang berpandangan bahawa semua jalan akan diturap. Dan ia berlaku ketika kempen pilihan raya, *signboard* ini didirikan pada bulan April yang lepas. Tetapi apa yang mengecewakan adalah, hanya beberapa jalan sahaja yang diturap. Walaupun saya boleh katakan, hampir 50 hingga 60 *percent* sahaja jalan yang diturap di kedua-dua taman ini iaitu Taman Bukit Intan dan Taman Bukit Kelisa di Seremban. Manakala jalan-jalan lain langsung tidak diusik. Langsung tidak diturap tetapi keadaan jalannya semuanya sama. Nak kata rosak, nak kata serius sangat, taklah serius sangat. Tapi sama, kenapa diturap separuh, tak turap separuh, kenapa nak pilih kasih. Itu yang menyebabkan penduduk tak puas hati. Yang menuduh bahawa Pihak Berkuasa Tempatan telah bertindak berat sebelah untuk menyebelahi sebahagian daripada penduduk. Jadi saya berharap Pihak Berkuasa Tempatan boleh mengambil maklum, boleh memberikan perhatian terhadap insiden sebegini yang saya rasa ia tidak sepatutnya berlaku sebab sekiranya dia berlaku, dia sebenarnya akan mengundang banyak masalah.

Dan saya jugak merujuk khas kepada insiden yang berlaku di Taman Bukit Intan, di mana ada satu jalan mati. Jalan mati tu tak diturap. Jalan mati. Tapi dia dilukis semula jalan, dan dipasang dengan, apa, dilukis dengan anak panah. Saya tak tahu macam mana, kalau anak panah nak pergi jalan mati tu, kalau ada pengunjung ataupun penduduk yang tak penduduk di situ yang tak biasa dengan di jalan, di situ, dia mas, dia bawa kereta terus masuk ke jalan mati tu, nanti terjadi pulak kemalangan. Jadi saya mintak Pihak Berkuasa Tempatan supaya memberikan perhatian tentang perkara sebegini. Walaupun kita nampak ini perkara kecil, tetapi ia sebenarnya boleh menjejaskan kualiti hidup penduduk di situ.

Perkara kedua, yang saya nak menyebutkan di sini adalah berkenaan dengan Hari Pelanggan Bulanan Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam Titah Ucapan Baginda pada hari Isnin yang lepas, Baginda mengatakan bahawa pendekatan memberikan perkhidmatan sudah tidak sesuai lagi pada hari ini. Hari ini, ia sepatutnya menukar kepada menawarkan perkhidmatan. Dan pagi ini Yang Amat Berhormat Rantau sendiri juga menegaskan bahawa pendekatan menawarkan perkhidmatan sepatutnya menjadi sesuatu yang kita praktikkan, yang sepatutnya menjadi pendekatan untuk semua pihak. Tetapi saya mendapati bahawa Pihak Berkuasa Tempatan khususnya Majlis Perbandaran Seremban, yang mana, walaupun hampir setiap bulan ada, kecuali bulan lepas, ada Hari Pelanggan Bulanan dan biasanya diadakan pada hari Rabu yang pertama setiap bulan, dari jam 2:00 hingga 5:00 petang, ha, sekarang ni pun tengah ada di Dewan Pameran. Biasanya di Dewan Pameran ataupun Dewan Besar MPS. Apa yang menyedihkan adalah, sebab saya antara pengunjung tetap di hari pelanggan, apa, Program Hari Pelanggan Bulanan ni, saya mendapati kakitangan yang bertugas sepanjang tiga jam tersebut, lebih ramai bilangannya daripada pengunjung ataupun pengadu yang datang. Itu yang mengejutkan saya. Tetapi kami saban hari menerima banyak aduan tentang perkhidmatan perbandaran. Dan saya nak tegaskan, apabila menerima aduan tentang perkhidmatan perbandaran ni, bukan menunjukkan MPS tak baik, sebab perkhidmatan perbandaran ni dia berterusan. Sebab tu jalan akan rosak, hari tu, hari ni jalan okay. Mungkin bulan depan dia rosak. Itu biasa. Kita kena terima hakikat ini. Jadi, aduan itu memang ada. Tapi kenapa orang tak datang.

Saya pernah buat cadangan beberapa kali, dan sa, sekali lagi saya mohon kepada pihak Kerajaan Negeri, mengambil maklum perkara ini, memberikan perhatian supaya kalau boleh saya nak cadangkan supaya ia diadakan pada hari Sabtu pagi. Saya tahu, mungkin Kakitangan Awam kita pun nak kerja, nak cuti jugak, nak ada *family day*, dengan izin yang, Dato' Yang Dipertua. Saya tak cadangkan hari minggu. Hari

minggu biarlah kaktiangan Pihak Berkuasa Tempatan bersama dengan keluarga masing-masing. Saya, saya cadangkan supaya diadakan pada hari Sabtu paginya. Pernah, dulu pernah dibuat di Giant, di *Terminal One*, di pasar besar, setiap bulan biar lokasinya berbeza. Kalau bulan ni Pasar Besar Seremban, bulan depan di Pasar Besar Ampangan, di Giant dan sebagainya. Supaya kita dapat menawarkan perkhidmatan yang lebih baik, lebih berkualiti untuk memudahkan kita berjumpa dengan orang awam.

Perkara ketiga yang saya nak sebutkan Dato' Yang Dipertua, adalah berkenaan dengan binaan sebuah bangunan komersial di kawasan perumahan. Lokasinya, ia berlaku di Taman Bukit Labu, Taman Labu Utama, Seremban. Sebuah bangunan komersial yang besar, di atas sebidang tanah seluas 4.6 ekar. Sekarang ni rancak dengan pembinaan. Pihak OSC MPS telah meluluskan pembinaannya pada tahun, pada tahun lepas lagi, pada 30 November tahun 2012, hari ini tengah rancak pembinaan. Tapi masalahnya adalah, bangunan komersial ini, dikelilingi, kiri kanan depan belakang, daripada empat segi, kawasan perumahan. Saya tak tahu macam mana pihak OSC boleh membenarkan bangunan yang begitu besar dikatakan sebagai dewan dalam, jawapan lisan yang saya, saya terima dua hari lepas, dikatakan bahawa ia adalah dewan, komponen bangunan tersebut melibatkan dewan satu tingkat. Ia adalah projek swasta. Ia bukan dewan serbaguna. Saya setuju kalau *convert* kepada dewan serbaguna, dewan orang ramai untuk kepentingan komuniti, untuk kepentingan KRT, persatuan penduduk, saya setuju. Tapi ini adalah satu dewan yang tidak sepatutnya disebut dewan. Sepatutnya disebut restoran. Sebab pemiliknya merupakan sebuah syarikat restoran. Tak kan syarikat restoran pun nak buat dewan yang terbuka kepada semua orang? Dan masalahnya sekiranya restoran ini beroperasi, apa yang kita boleh jangkakan adalah masalah trafik. Sebab jalan-jalan di taman perumahan adalah jalan yang sempit. Sesuai untuk taman, tapi bila orang awam datang, dia, dia dimaklumkan bahawa kapasiti boleh, boleh apa, menampung kapasiti 200 meja. Kalau 2,000 orang datang pada satu ketika yang sama, dengan beratus kereta, macam mana dengan keadaan trafik di situ? Dan tambahan pula, sepanjang tempoh pembinaan sehingga hari ini, apa yang terjadi adalah

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Saya mintak satu minit. Sebab kawasan ini jugak berdekatan dengan Sekolah Rendah St. Paul. Jaraknya hampir 100 meter sahaja dari sekolah. Dan dia tidak dipagari dengan baik.

Menyebabkan pelajar sekolah boleh masuk ke kawasan itu. Dan pagi tadi, pagi ni saya terima aduan daripada penduduk bahawa tanah daripada kawasan tapak pembinaan dibawa keluar begitu sahaja dan menyebabkan tanah di taman perumahan jadi kotor. Tak diambil tindakan oleh pihak kontraktor. Jadi saya mohon Pihak Berkuasa Tempatan yang meluluskan projek ini supaya, sebab hari ni dah bina dah, saya tak boleh kata nak robohkan, tapi saya mohon kerajaan, Pihak Kerajaan Tempatan ambil tindakan terhadap kontraktor tersebut, memastikan pembinaannya tidak membahayakan pelajar sekolah, penduduk, tidak merosakkan, tidak mendatangkan kacauganggu kepada penduduk ataupun mengotori alam sekitar di situ. Dan seterusnya apabila ia beroperasi kelak, pastikan tiada masalah trafik. Sebab masalah trafik ni kalau ia berlaku, ia pastinya akan menyebabkan keadaan apa, keharmonian masyarakatan tak

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Kemasyarakatan di situ terjejas. Dato' Yang Dipertua, saya mohon, perkara terakhir yang saya nak sebutkan.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: Dato' Yang Dipertua, 30 saat. Jalan Labu Lama, Jalan Labu Lama pernah diumumkan akan ditukar nama kepada Jalan Dato' Tan Si Eng. Ini adalah cadangan bukan daripada kami, cadangan daripada Dewan Perhimpunan Cina Negeri Sembilan pada ketika Rumah Terbuka Tahun Baru Cina yang turut dihadiri dan dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Rantau pada dua tahun lepas. Dan pada bulan April yang lepas, MPS mengumumkan bahawa MPS telah meluluskan penukaran nama daripada Jalan Labu Lama kepada Jalan Dato' Tan Si Eng, sehingga hari ini, selepas hampir setengah tahun, ia tidak lagi ditukar. Jadi ini *signboard*

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: dia masih Jalan Labu Lama. Apakah pengumuman MPS ter, ketika kem, tempoh apa, ketika kempen pilihan raya tersebut ataupun kempen pilihan raya ataupun

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Bukit Kepayang: isu politik semata-mata. Sekian, terima kasih Dato' Yang Dipertua.

Y.B. Yang Dipertua: Saya persilakan Yang Berhormat ADUN Klawang.

Y.B. ADUN Klawang: Dato' Dipertua, saya bangun untuk bersama-sama bagi berkongsi pandangan di dalam Ucapan Penangguhan. Saya membawa tajuk infrastruktur. Pertamanya saya mengucapkan terima kasih kepada seluruh jabatan agensi Kerajaan Negeri dan juga Persekutuan dalam tempoh yang lepas saya telah dapat melaksanakan tugas bagi kepentingan rakyat di seluruh Negeri Sembilan ini. Klawang jugak merakamkan terima kasih di atas terlaksananya pelbagai program melibatkan rakyat dan kepentingan rakyat di mana kalau jalan Kuala Pilah - 'Seghomban' jugak penting, hari ini telah melihat dan memperlihatkan bahawa Jalan Simpang Pertang ke 'Seghomban' ikut Kuala Klawang amat penting jugak. Kerana trafik akan memilih jalan alternatif, sibuknya jalan ke Kuala Pilah, begitulah jugak sibuknya jalan daripada Simpang Pertang ke Kuala Klawang dan ke Seremban. Apa yang saya nak sebutkan ialah merakamkan terima kasih kepada Kerajaan Persekutuan dan jugak Kerajaan Negeri, terutamanya JKR yang telah dapat memperluaskan dan memperelokkan selekoh maut di kilometer 18 Kampung Ulu Klawang, ya, amat ulu, jalan Seremban - Kuala Klawang yang sekarang ni telah pun dilengkapi dengan lampu yang terang. ADUN Chennah nak balik Chennah pun senang. Tak takut lagi. Terdahulu daripada itu, Bukit Tinggi telah pun diterangkan, ya. Yang Amat Berhormat Dato' Seri Utama, Menteri Besar kita telah pun *switch on the lights* pada kira-kira dua tahun yang lalu dan hari ini, jalan tu dah 'toghang bendoghang'. Tak risau lagi dah. Jalan ke, ke penjara, ke Kongkoi pun akan diterangkan, dah terang pun. Jadi tak ada sebab ADUN Chennah tak balik ke kawasan pada malam-malam, ya, kerana ahli Yang Berhormat adalah merupakan orang yang penting bagi masyarakat Chennah.

Y.B. ADUN Chennah: Mintak tambah sikit.

Y.B. ADUN Klawang: Sila.

Y.B. ADUN Chennah: Terima kasih. Duduk dululah. Dekat Titi okay. Tapi dekat daripada Kuala Klawang nak pergi ke Simpang Durian tu, terutamanya jalan apa ni, jalan pintas daripada, daripada Kuala Klawang nak pergi ke Simpang tu ada sebahagian lagi, tolong tambah dalam ucapan Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Klawang: Saya tak sampai ke situ lagi. Jadi, Yang Berhormat kena sabar sikit. Yang keduanya, Dato' yang Dipertua, saya mohon supaya laluan yang menjadi penting ini, dapat dikaji dari masa ke semasa oleh pihak yang berwajib, JKR dan sebagainya, supaya laluan utama itu, yang dikenal pasti beberapa selekoh maut ataupun selekoh merbahaya masih lagi belum dinaik tarafkan dan perlu dinaik taraf. Begitu jugak kualiti jalan yang selama ini pernah jugak ditegur oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Menteri Besar, kualiti jalan yang dibuat agak tidak begitu memuaskan. Ada berapa *spot* yang kita kenal pasti laluan daripada kawasan Klawang ke kawasan Pertang, dan juga kawasan Chennah, ya, di Teriang Hilir mempunyai beberapa kawasan yang perlu dikaji betul, untuk nak diperbaiki, diperelokkan kerana pembaikan selalu dibuat. Tapi dalam tempoh dua minggu, sebulan, ianya akan rosak semula. Jadi, saya mohon bagi pihak rakyat di Jelebu, dan mungkin di tempat-tempat yang lain jugak, usaha ini haruslah diperkemas elokkan lagi.

Yang selain daripada tu, Dato' Yang Dipertua, kita jugak merakamkan terima kasih kerana jalan Kampung Chennah ke Kampung Jalin ke Kampung Esok, telah siap sempurna dan telah dapat diguna pakai oleh ramai pengguna-pengguna jalan yang perlu pergi melancong, ya. Yang Berhormat Juasseh telah maklum perkara ni, untuk pergi jeram, Jeram Lata Kijang, ya dan Kampung Esok, ianya merupakan destinasi yang baik untuk dikunjungi. Saya mohon supaya pihak yang berkenaan dapat meluluskan lagi peruntukan bagi menyambung kerja-kerja untuk sampai ke Kampung Esok di mana penempatan kaum Orang Asli yang begitu ramai di beberapa kampung di Kampung Esok, Pertang dan sebagainya akan dapat faedah dan menggunakan jalan tersebut.

Perlu jugak dicadangkan, saya rasa, perkara ni telah lama dibangkitkan bahawasanya jalan pintas daripada Kampung Puom ke Juntai. Yang Berhormat Chennah mungkin dia pahamlah ni, ya, Kampung Juntai ataupun Durian Tipus akan melep, melalui Ulu Petaseh dan juga terus ke Kampung Puom, perlu di, dibuat dan wajar untuk dilaksanakan. Kerana apabila laluan itu dibuat maka mudahlah orang-orang daripada Pahang, daripada Teriang Hilir untuk pergi ke Kuala Lumpur melalui Jalan Ulu Langat dan terus ke Batu 13 Ulu Langat. Tidak perlu lagi melalui Simpang Pertang, Kuala Klawang dan sebagainya.

Dato' Yang Dipertua, selain daripada itu, beberapa jalan telah pun dikenal pasti untuk dilaksanakan pembangunannya dan saya berharap apa yang telah dilaksanakan oleh pihak kerajaan akan dapat dijagai dengan baik. Penguatkuasaan menggunakan kenderaan-kenderaan berat, *double extra* dan sebagainya, dengan izin, haruslah dipantau. Ianya akan melibatkan beberapa agensi yang bersepadu yang boleh mengambil tindakan penguatkuasaan. Jabatan Pengangkutan Jalan dan trafik, Polis Trafik dan sebagainya wajarlah, kerana laluan-laluan yang ada di Jelebu itu sentiasa dilalui oleh kenderaan-kenderaan berat. Lori-lori balak, sampai pukul 12 malam pun ada lori balak lalu. Ini 'ceghito' 'apo' ni? Ya. Sampai pukul 1 pagi pun ada lalu, ya. Jadi ianya amat merbahaya, muatan yang merbahaya yang boleh kita lihat dengan mata yang secara kasarnya kita dah boleh tengok dah kesalahan yang dilakukan oleh lori-lori balak ini. Kerana ianya akan menjejaskan keselesaan pengguna jalan yang lain. Kerana Dato' Yang Dipertua, banyak kenderaan-kenderaan kecil, saloon dan sebagainya mengalami kerosakan di atas jalan-jalan yang tidak dibaiki dengan sempurna.

Selain daripada tu, Dato' yang Dipertua, saya nak memohon, merayu, menyampaikan, menyampaikan hasrat rakyat di Kuala Klawang dan di Jelebu khususnya, bahawasanya masjid daerah, masjid daerah yang perlu dilaksanakan di, di atas tapak di Taman Seri Cempedak, ya, berhadapan dengan Taman Irama yang telah pun dile, dirizabkan untuk pembangunan kompleks Jabatan Agama Islam, dan juga pembangunan masjid daerah. Kerana masjid daerah yang ada sekarang ni, Masjid Jamek Kuala Klawang terletak di atas bukit yang cukup indah, tetapi mungkin tidak dapat digunakan oleh ramai orang yang membawa kenderaan dan sebagainya, menyebabkan penggunaannya terhad.

Dato' Dipertua, selain daripada tu, saya nak membawa perkara yang berkaitan dengan khidmat kakitangan kerajaan yang begitu cemerlang. Saya bersama-sama dengan mereka selama beberapa tahun yang lalu, ingin merakamkan terima kasih di atas khidmat cemerlang kakitangan kerajaan khu, khususnya di bawah portfolio yang saya ketuai dulu, yang telah pun menunjukkan begitu, prestasi yang begitu meningkat. Pertanian, Veterinar, Perikanan dan sebagainya, FAMA, Lembaga Pertubuhan Peladang, TEKUN, Bank Rakyat dan sebagainya. Ini meruakan agensi-agensi yang diminati oleh orang kampung. Sebab itulah saya mohon supaya jabatan ini terus melonjakkan prestasi dan akan memberikan khidmat yang terbaik. Kerana Dato' Yang Dipertua, kemenangan kita di kawasan-kawasan luar bandar, yang telah menunjukkan bahawa prestasi kemenangan Barisan Nasional baru-baru ini. Berbanding dengan kemenangan pihak sebelah di kawasan-kawasan bandar dan juga pekan-pekan besar.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat masa dah cukup.

Y.B. ADUN Klawang: Mintak sikit lagi, sebab tahun ni tak bercakap lagi, Dato' Dipertua. Soalan, patutnya naik, hari ni tak naik. Jadi Dato' Dipertua, mohon izin seperkara lagi. Di samping itu, Dato' Yang Dipertua, memandangkan Hospital Daerah Jelebu tu, dah berpuluh-puluh tahun, saya mohonlah pihak kerajaan akan dapat bersama-sama dengan pihak Kerajaan Persekutuan supaya membawa cadangan bagi membina ataupun memperelokkan, memperbaharui bangunan hospital yang mana sekarang ni, keadaan kakitangan yang berkhidmat pun tidak begitu selesa. Dan walaupun disebutkan bahawasanya pesakitnya kurang, tetapi kakitangan tetap jugak ramai begitu, untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab. Faktor keselesaan tempat bekerja adalah merupakan satu, orang kata, kayu pengukur kepada kejayaan, kecemerlangan sesuatu jabatan tersebut. Sebab itulah saya menyarankan supaya kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan dapat kita wujudkan bagi membina satu kompleks ataupun bangunan hospital yang baru, hospital daerah yang baru, yang lebih canggih dan juga terbaru. Terima kasih Dato' Dipertua, Klawang ucapkan terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Terima kasih. Saya persilakan Yang Berhormat ADUN Lenggeng.

Y.B. ADUN Lenggeng: Dato' Yang Dipertua, ahli-ahli Dewan, saya terlebih dahulu ingin memanjangkan ucapan tahniah kepada semua ahli-ahli Dewan kerana cara berhujah, cara menyampaikan ucapan di dalam Dewan yang mulia ini, saya dapati ahli-ahli Yang Berhormat amat berkesan dan amat baik sekali, berbanding pada tahun 90an. Pada tahun 90an dulu, apakala kita minum pun, parti pembangkang takkan mahu bersama-sama minum. Sebab dia kata kalau dia minum sama dengan ahli-ahli Dewan daripada Barisan Nasional, ahli-ahli Dewan Barisan Nasional akan jampi minuman dia. Kali ni saya tengok baik. Jadi, ha, inshaa allah bila ada masa besok, saya jampi air ahli-ahli Yang Berhormat.

Dato' Yang Dipertua, saya merupakan salah seorang yang bernasib baik kerana bermula pada Jun, bulan Jun 2008. Saya telah menerima pencen elaun ahli Dewan Undangan Negeri sebanyak 1,958.00 ringgit sebulan. Pada bulan Jun 2013 hari itu, saya terkejut apakala saya ba, dapati pencen elaun saya dipotong, saya tak diberi lagi. Saya pun cari pegawai, pegawai cakap, "Dato', pencen Dato' dipotong oleh kerana

Dato' telah menjadi ahli Dewan semula". Apakala itu dimaklumkan kepada saya, mulalah saya menyasat keadaan. Alangkah kecewanya saya, dulu pada tahun 2008, taraf saya sebagai seorang ADUN sama dengan Pegawai Daerah. Hari ni gred seorang ADUN 48, gred seorang Pegawai Daerah dah naik gred 54. Walhal saya sebagai ADUN di kampung-kampung, kalau ada orang 'pompuan' bersalin pun dia cari ADUN mintak sumbangan, beli susu. Pegawai Daerah tak kena pun dimintak macam tu. Kadang-kadang ada orang yang tergelincir di kampung pun, dia cari seorang Wakil Rakyat, "Yang Berhormat, kaki saya tergeliat, boleh dapat sumbangan tak?". Nak tak 'ndak' kita bagi jugak duit kita, gaji [RM]5-8-5-0 sebulan, belanja [RM]7-8-5-0 sebulan. Maka di Dewan yang mulia ini, saya buat satu usul tergepar dalam Ucapan Penangguhan ini, ha, Dato' Yang Dipertua, agar elaun semua ahli-ahli Dewan ini dikaji semula, dan dinaikkan setaraf dengan apa yang terlaksana dengan Pegawai Daerah.

Y.B. ADUN Port Dickson: Setuju.

Y.B. ADUN Lenggeng: 30 minit lepas, ahli-ahli Yang Berhormat dah melantik saya sebagai Jawatankuasa Khas dan Hak [Jawatankuasa Hak Dan Kebebasan]. Ha, ni saya mempersoalkan, kalau semua setuju, tolong angkat tangan, saya nak tengok, setuju, dia yang tak setuju besok, jangan bagi dia.

Jadi, yang kedua, saya mintak *scale* elaun ni di bawah, letak bidang kuasa Dato' Yang Dipertua. Sebab, bila, skala elaun ahli Dewan di bawah tangan Dato' Yang Dipertua, dia, Dato' Yang Dipertua mempunyai hak untuk mengkaji. Kalau tak betul, di dalam Dewan kita 'bantai' Dato' Yang Dipertua. Kita tak boleh 'bantai' pegawai kerajaan, sebab dia bawah aliran yang berlainan. Tetapi kalau skala gaji, elaun ini di bawah Dato' Yang Dipertua, izinkan saya menggunakan perkataan Inggeris, *you be carefull you know*. Saya terpaksa guna perkataan Inggeris, nak menunjukkan saya tahu cakap orang putih. Nanti dia katakan orang pakai songkok ni orang kampung mana ni.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Dengan izin, dengan izin Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Ya, dengan izin, ya. Baik, kalau Yang Dipertua, tahu mengingatkan orang, saya mengingatkan Yang Dipertua, kaji baik, gaji ni baik-baik. Ni hujung tahun dah, tak lama, hari ni bulan 10, 11, 12. Tiga bulan, kita mohon tempoh dalam tiga bulan ini semua elaun

ini dikaji semula dan dapat dinaikkan. Harga barang dah mula naik tau. Tol naik. Saya, seluar saya nak ganti pun tak ada duit tau. Pakai seluar lama. Jadi, ha, Dato' Yang Dipertua, ha, kalau semua dah setuju ya, kalau setuju cakap setuju, setuju, ha, tengok. Kalau tidak nanti saya mintak dia lantik saya jadi Yang Dipertua yang baru nanti.

Dato' Yang Dipertua, saya pun dalam Ucapan penangguhan ni nak ucap terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri kerana mengadakan makanan kepada kita. Dulu-dulu makan tengah hari makan tak ada tau. Sekarang dah ada. Saya cukup seronok tengok ada makan, syok. Tetapi saya berasa kecewa jugak apakala buat pertama kali dulu, saya menjadi ahli Dewan tahun 94, saya diundang mengjhadiri majlis di Istana Seri Menanti, apakala saya balik ke kereta saya, saya nak pulang ke Seremban, saya tanya pemandu kereta saya, "kau makan tadi tak?". "Tak makan doh, apo nak makan, tak dibagi eh makan". Maka di Dewan yang mulia ini, selepas ni, saya membuat usul lain kali kalau ada majlis jangan bagi Yang Berhormat je makan, pemandu dia kena bagi makan, sebab dia lebih perlu makan daripada kita. Tadi saya tanya pemandu saya "kau makan tak?". "Tak ado To" kata dia, "tenebeng-nebeng kito". Lain kali, kalau ahli Dewan yang pakai kot, pakai *tie* ni, dia bagi makan, pemandu-pemandu kita, walaupun tempat yang berlainan, bagilah dia makan. Gaji 'dio' 'lobeh' 'ghondah'. Janganlah dia tak makan. Saya berasa kecewa bila saya tanya pemandu saya, "kau makan tak?". "Tak makan doh To" 'kata 'dio'. Uih hai, jadi Dato' Yang Dipertua, tak tahulah kalau pemandu Dato' Yang Dipertua dibagi makan.

Perkara yang ketiga saya nak sebut Dato' Yang Dipertua, ini walaupun tak disebut dalam Titah Ucapan, berhubung kait dengan gejala rasuah. Tak sorang pun menyebut gejala rasuah. Negara kita akan kucar-kacir kalau semua pihak yang mempunyai kuasa mengamalkan gejala rasuah. Oleh yang demikian, saya berpendapat rasuah itu harus dilawan habis-habisan. Tak kiralah kita yang di sini, ataupun di atas. Seboleh-bolehnya janganlah rasuah itu diamalkan untuk menentukan bahawasanya apa yang kita dilantik oleh rakyat, dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Tadi, yang, ahli Yang Berhoramt daripada Klawang, dia cerita jalan daripada Klawang ke Seremban dah baik. Itu Klawang. Sampai Batu 15 kilo, sampai kilometer 15 yang baik. Kilometer 15 sampai ke simpangan LEKAS *highway*, belum perbaik, itu kampung saya. Saya berasa kecewa je, tiap-tiap petang Jumaat banyak kereta sekarang tak boleh pakai Bukit Putus, dia menggunakan Bukit Tangga, sebab jalan Bukit Tangga dah baik. Beratur kereta, kampung saya penuh sesak. Jadi saya mintak jugak pihak Jabatan Kerja Raya mengkaji kedudukan kampung saya, saya tanya pihak tertentu, pasal apa jalan kampung saya

tak diperbaiki, 'To', memandangkan kampung ini kampung Dato', jadi jalan ni tak dibaiki". Saya pergi tanya pemilik lebuhraya LEKAS, apakala jalan keluar ditunjuk arah situ "Jelebu, Ampangan, Seremban". Pasal apa tak letak nama kampung saya "Pantai". Nanti banyak orang salah nak pergi Pantai, kampung saya, dia pergi ke Port Dickson. Saya diberi maklum, "To', sebab kampung ni kampung Dato', ada arahan To', nama kampung Dato' jangan ditulis". Janganlah nak padamkan nama kampung saya dari sejarah. Tuan-tuan yang di Seremban, kalau tak ada air daripada Pantai, tak ada air daripada Sungai Terip, tak ada air daripada Sungai Ngoi-Ngoi, 'kok' 'moda' tuan-tuan tak minum. Jadi saya mintak pihak JKR tolong letak *signboard* arah Jelebu, Pantai. Barulah orang tau kampung 'se'. Ini kampung saya pun nak dipadam daripada sejarah.

Eh, sebelum Seremban bergelar Seremban dulu, dia dipanggil Sungei Ujong. Undang Luak Sungei Ujong. Sebab tu kalau tu perhati tu, dalam ha ni, majlis perasmian, Undang Luak Sungei Ujong mana ada angkat sembah kepada Yang di-Pertuan Besar. Sumpah Sungei Ujong tak boleh mengangkat sumpah kepada Yang di-Pertuan. Mana ada dia angkat sumpah, dia menjadikan, tapi 'sombah' pulak. Kan 'koman' punya keputusan. Sebab itu, dulu, sebelum ha, Seremban ni wujud, ibu kota Sungei Ujong adalah Pantai. Tuan-tuan jangan pandang 'koman' 'kek' kampung 'se' tu. Tu, saya mintak jalan tu dikaji semula.

Dan ha, pagi tadi Yang Amat Berhormat ahli daripada Rantau ada menyebut bahawasanya polisi kerajaan jalan, membuat jalan, jalan-jalan kampung tu dibuat hingga ke pintu pagar je. Saya nak mengingatkan ahli Dewan, orang-orang kampung ni dia tak 'ndak' LRT, dia tak 'ndak' KLCC, dia tak 'ndak' *super highway*. Apa yang dia 'ndak' hanyalah pembaikan jalan kampung dan kebanyakan orang-orang kampung ni, umurnya dah meningkat. 60 lebih. Dia berjalan pun pengkar. Bila dah tua, antara ha, ni, ni, pagar rumah ke rumah dia tu, bila hujan lebat, dia punya laman air naik kadang-kadang tergelecek 'deh', salah ke kalau kerajaan turapkan jalan daripada ha, daripada pintu masuk tu membawak ke, ke rumah dia. Kan ke bangang kerajaan, tak tahu menilai.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Yang Berhormat, masa cukup.

Y.B. ADUN Lenggeng: Ha nantilah 'kojap', saya belum 'habeh', sabarlah dulu, ni, ni ha, saya diberi hak akhir. Lagi satu nak saya sebut ha, taka da pun saya tengok dalam, dalam program pembangunan apa tadi, pe, ni, belanjawan pembangunan, rancangan kerajaan mengganti tandas-

tandas kampung. Saya dulu, saya mintak peruntukan khas daripada Kerajaan Pusat, dia bagi saya, saya buat tandas-tandas kampung. Dato' Yang Dipertua, orang-orang kampung tu dulu, bila dia buat rumah di kampung, waktu dia muda dulu dia buat rumah semua jamban nyangkung, sekarang umur dia dah 70, dia tak dapat nyangkung dah. Kalau dibuat nyangkung, duduk tu, sambil dia buat tu, dia bersiul tu, fhiit-fhiit-fhiit, barulah dia berasa enak, barulah dia berasanya kerajaan membuat sesuatu kepada dia. Saya dulu saya buat di kawasan ha, Lenggeng semua, semua saya ganti orang tua-tua. Sebab tu pilihan raya lepas, walaupun banyak pihak yang cuba nak kalahkan saya, tak kalah. Sambil dia bersiul tu, Sahak-Sahak-Sahak, ha. Jadi saya mintak, jamban ni tak, tak mahal tu, satu tan, tandas tu kalau diganti daripada jamban nyangkung ke jamban duduk, hanya melibatkan kos [RM]1,500.00. percayalah, *I'm qualified chartered surveyor, you know US*. Bukan bohong ni. Dia buat tu lebih baik daripada kompleks besar-besar tu. Di kampung-kampung kebanyakan orang tua-tua tinggal anak-anaknya, dah duduk di Kuala Lumpur. Kadang-kadang anak-anak dia lupa menengok bapak-bapak di sana. Ha, tu yang dibuat kepada perkara-perkara seperti ini.

Dato' Yang Dipertua, saya ada sikit lagi nak habis ni. Nak sebut.

Y.B. Yang Dipertua Dewan: Masa cukup Yang Berhormat.

Y.B. ADUN Lenggeng: Ni pasal kampung Orang Asli. 'Se', di kawasan saya banyak kampung Orang Asli. Kampung Orang Asli ni pun kadang ada balai raya tempat anak-anak dia nak main. Tak ada. Dulu Pegawai Daerah Seremban ikut saya pergi tengok kampung, rumah Orang Asli, dipanggil-panggil Orang Asli tu, senyap je. Dia beritahu "Dato' dia tak keluar. Nanti saya panggillah". Saya pun, "anak buah, mano?" dia pun 'melompek' dalam, dalam semak tu. Keluar. Ha, Pegawai Daerah tanya "pi mana tadi". Kata dia, dia tunduk saja. Saya bisik dengan pegawai "nanti saya tanya". "Kau pi mana tadi?". "Apo lagi To', buek kojolah mo bini". Orang Asli tu, bilik dia, rumah dia tak ada bilik. Jadi, ha, hari malam, dia kalau buat kerja dengan isterinya tak dapat, anak-anak dia ramai. Jadi, siang, waktu siang pun, sampai dalam belukar tulah 'buek' 'kojo'. Tau. Ni bukan, perkara betul, tuan-tuan tak tahu, saya tengok Orang Asli ni, Orang Asli ni dianggap saya Batin 'bosar'. Jadi saya pandanglah tuan-tuan kaji, kadang-kadang Orang Asli pun kena kaji jugak tau, 'buek' 'tompek' permainan, kurang-kurang tak 'adolah' dia main dalam belukar tu, 'dio' keluarlah dengan anak-anak dia. Ha, itulah 'deh'.

Ni, Dato' Yang Dipertua, 'kang' Dato' Yang Dipertua marah pulak saya bercakap panjang. Tu lah dia saya sekali lagi, saya akhirnya, akhir saja satu. Saya nak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat, ni ahli exco pelancongan. Baru ni dia sorang je datang melawat kawasan saya. Dia tengok buat projek *homestay* semua, dia ni bagus tau, ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan amalkan melawat tau. Melawat kek, 'kereto' tuan-tuan dah *free*, ahli Yang Berhormat 'nyo' 'kereto' 'kereto' kerajaan. Datanglah melawat kawasan. Barulah 'kojo' 'kito' sebagai ADUN ni kurang sikit, exco dah turun. Jadi, saya nak ucap terima kasih kepada exco pelancongan. Inshaa allah, kalau saya jadi Yamtuan besok, saya bagi Yang Berhormat ha, *title* Dato'.

Ha itulah, sekali lagi Dato' Yang Dipertua, saya, yang mustahaknya sebelum saya duduk, saya ingatkan Dato' Yang Dipertua, elaun tu mesti dikaji cepat dan dinaikkan segera. Sekian, terima kasih.

Y.B. Yang Dipertua Dewa: Terima kasih ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat Ucapan Penangguhan. Sekarang saya persilakan pihak kerajaan untuk menjawab.

Y.A.B. ADUN Rantau: Yang, terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang Dipertua kerana memberi peluang pihak kerajaan untuk bukannya menjawab, tetapi menjelaskan dan jugak untuk kita bersama-sama melihat perkara-perkara yang telah pun diutarakan oleh rakan-rakan Yang Berhormat sebentar tadi. Berkenaan dengan status tanah penternak-penternak babi di kawasan yang telah pun dikatakan terlibat dalam penyakit JE dulu. Dato' Dipertua, saya cadangkan supaya Yang Berhormat daripada Chuah, kumpulkan penternak-penternak di situ dan pastikan apa mereka nak buat. Memandangkan bahawa penternakan babi ini merupakan satu industri yang tidak digalakkan lagi di sana. Memandangkan keadaannya yang tidak sesuai lagi. Tadi ada disebutkan oleh Yang Berhormat Chuah mengatakan supaya kalau tidak boleh penternakan babi diteruskan, boleh dibuat ternakan kambing, lembu dan yang lain-lain. Terpulang kepada persetujuan ramai. Jika ada persetujuan, pihak kerajaan boleh meneliti dan menimbang dengan, dengan serius pertimbangan-pertimbangan tersebut. Sama seperti cadangan pada semalam, iaitu di PFA, kerana ketidaksesuaiannya lagi industri menternak babi di situ, kerana kawasan tersebut akan dibangunkan dengan pesat. Dan ia merupakan koridor pintu masuk antarabangsa ke dalam negara kita. Jadi, saya jugak cadangkan supaya pemimpin, pemimpin tempatan, Yang Berhormat Chuah, berunding elok-elok, cari kata sepakat supaya yang pentingnya ialah kita dapat membela mereka yang terlihat dulu dengan

masalah JE, yang mana ia mendatangkan wabak penyakit dan ramai yang terlibat, kita boleh bincang dan kita melihat ke depan. Apa cara yang baik untuk kita pastikan bahawa penternak yang terlibat ini, kehidupan mereka dapat diteruskan dan mereka dapat mata pencarian dan jugak mengerjakan kawasan tersebut dengan menjamin masa depan mereka. Dato' Dipertua.

Nak menukar status pun, kalau boleh, kalau kita, kalau ada persetujuan dan ada cadangan, kita boleh pertimbangkan kerana kita tidak begitu rigid. Termasuklah kalau nak tukar status daripada, tanah tu memang kita tahu, dia punya status khusus untuk menternak babi, tapi kalau nak buat menternak lain, *ecotourism*, ataupun, malahan kalau nak dijadikan apa-apa, kita boleh pertimbangkan. Selagi ianya tidak menyalahi undang-undang, ataupun, me, menyusahkan rakyat ataupun mendatangkan apa-apa masalah kepada keadaan setempat ya.

DUN Kepayang, perkhidmatan PBT. Memang benarlah PBT ini dia berhadapan dengan masyarakat. Dan masalah dia, dia tidak habis, dah buat satu kali tu, dia tak berhenti di situ. Dia akan sentiasa akan ada masalah. Kita jugak amat menghargai pegawai-pegawai kita yang menjalankan tugas, kadang-kadang macam-macam masalah ya. Walau bagaimanapun, saya yakin dan percaya bahawa perkhidmatan mereka itu memang ditujukan untuk memberikan perkhidmatan yang baik. Dan kita yakin dan percaya, mutu perkhidmatan ini boleh dipertingkatkan, dan saya yakin orang ramai akan dapat menikmati perkhidmatan tersebut di mana jabatan dan agensi kerajaan akan menawarkan perkhidmatan mereka kepada orang ramai, Dato' Dipertua.

Dan saranan untuk mengadakan Hari Pelanggan selain daripada hari bekerja, kepada hari hujung minggu itu, pun boleh jugak diutarakan kepada PBT. Terpulanglah kepada pimpinan PBT untuk menimbang cara yang terbaik, untuk mereka dapat menawarkan perkhidmatan mereka di dalam kawasan pentadbiran mereka. Tapi, adalah diakui bahawa perkhidmatan kepada masyarakat sekarang ni bertambah baik sejak daripada konsesi SWM ini ditandatangani, yang mana mereka telah pun nampak melabur banyak. Syarikat SWM melabur bukan sahaja melabur jentera-jentera berat, dengan mesin *compactor*, dengan *sweeper* mereka yang besar-besar, yang jelas kelihatan, pekan kita dah bersih. Dan jugak telah mengadakan, memberikan tong-tong sampah beroda percuma kepada setiap rumah di dalam Daerah Seremban dan jugak di Negeri Sembilan. Ada 200 lebih ribu tong sampah beroda yang telah dibagi, yang mana ini dapat mengurangkan masalah. Dulu sampah diletakkan dalam tong sampah yang tak bertutup, disangkutkan di tepi pagar, macam-macam. Dan

ia akan kadang-kadang dirosakkan oleh binatang-binatang liar, tapi sekarang ni dah bertutup han lain, nampak kemas. Dan masalah, masalah sampah yang bersepah-sepah disebabkan oleh tidak ada tempat pembuangan yang, yang baik tidak lagi terdapat. Perkhidmatan yang lain pun nampaknya kita dapati baik.

Kita di pihak kerajaan, yang dipengerusikan sendiri jawatankuasa kerja oleh Dato' Setiausaha Kerajaan, kita ada kita punya laporan mingguan, bulanan ya, di mana kita melihat kita mengikut apa yang dipanggilkan *rating*, kepuasan hati indeks orang ramai. Di mana melalui daripada kita punya sistem pengaduan awam, dan jugak pengaduan terbuka, kita mengumpulkan segalanya ini dan kita meletakkan *rating* ataupun meletakkan status kepuasan, indeks kepuasan rakyat kepada PBT-PBT. Berkenaan dengan berbagai-bagai bidang, buang, tempat sampah, pemotongan rumput, jalan berlubang dan macam-macam lagi. Ini memang kita pastikan, kenal pasti setiap bulan, Dato' Yang Dipertua. Dan ada banyak PBT yang kita bagi teguran. Ada jugak PBT yang kita bagikan pujian kerana mendapat *rating* yang baik. Memuaskan, dalam kategori memuaskan, daripada kita punya laporan, maklumat daripada orang ramai dan jugak pemantauan kita sendiri.

Jadi Dato' Dipertua, saya yakin dan percaya perkhidmatan ini akan dapat dinaik taraf, akan terus diberikan perkhidmatan yang baik oleh PBT, dan kita jugak memerlukan kerjasama orang ramai kerana kita nak supaya maklum balas ni dapat terus datang. Kita ada e-aduan dan macam-macam. Di MPS kita ada e-aduan dan macam-macam lagi. Orang ramai tak perlu datang lagi dah. Mereka terus masuk e-aduan. Dan mereka nampak status aduan mereka di peringkat mana. Sama ada ianya telah pun diambil tindakan ataupun bukan.

Berkenaan dengan nama jalan tersebut. Kita akan berhubung engan pihak MPS, apakah stautsnya kerana ini adalah di bawah ruang lingkup MPS. Kerajaan tidak mengambil campur tentang penamaan jalan, ya, Dato' Dipertua.

Jalan lama, Labu, bina bangunan itu pun kita pun kena tengoklah ya. Setakat mana status dia. Dan kita, kalau dah diberat, dibuat dan dibina kita akan mintak supaya impak kesusahan orang ramai tersebut dapat dikurangkan jika ianya dijadikan sebagai kompleks komersial dalam kawasan perumahan. Sepatutnya memang tak bolehlah, tapi benda dah dibuat, tak kan nak suruh orang roboh. Apa yang perlu kita buat ialah memantau, ya, Dato' Dipertua.

Penurapan jalan dari masa ke semasa kita buat. Ia merupakan penurapan yang berfasa-fasa. Kadang-kadang orang tak faham Dato'

Dipertua. Banyaknya, bukan da, DUN Kepayang saja, banyak kawasan lain pun banyak orang komplek. Dia dapat, dapati jalan tu panjang, tetapi kadang-kadang dibuat dalam 200 meter dulu. Dah orang yang 800 meter belakang ni dah marah. Apa pasal buat 200 meter pertama saja. Kadang-kadang ada pulak pengerusi KRT ataupun ketua masyarakat kat situ, dah tuduh pulak, "ha, inilah dia pilih kasih" dia kata. Rumah ketua KRT, rumah depannya diturap. Rumah kami tak diturap. Sebenarnya, mengikut sebab kita ada bajet ataupun belanjawan yang, yang terhad untuk satu-satu kawasan. Jadi kita kena ikut keutamaan. Macam mana kita nak buat, dan apa yang perlu dibuat. Dan ini terpulanglah kepada kebijaksanaan pihak, Pihak Kerajaan Tempatan untuk mereka menurun ataupun naik taraf jalan-jalan sedia ada. Inshaa allah semua jalan-jalan yang perlu dinaik taraf akan dinaik taraf mengikut kemampuan yang ada dalam tabung kita, iaitu tabung bantuan menaik taraf jalan, yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan setiap tahun.

Berkenaan dengan Yang Berhormat ADUN Lenggeng, Klawang ya, prasarana. Kita akan ambil perhatianlah Yang Berhormat ya, pasal masjid, pasal jalan pintas Kampung Puom untuk menyambung lagi jalan sampai ke Kampung Esok. Itu merupakan cadangan-cadangan dan saya harap supaya cadangan ini dibawak ke majlis pembangunan, Mesyuarat Pembangunan Daerah supaya dapat dibawak ke Mesyuarat Tindakan Negeri. Tapi masjid daerah di Klawang itu telah pun dimasukkan. Telah pun dalam tindakan, di mana kita nak buat kompleks dan jugak masjid pun kita nak buat. Tapi kita sedang mengkaji sama ada cukup ke tanah yang seluas itu untuk dijadikan dua tempat. Untuk kompleks dan jugak untuk masjid. Jika didapati tanah tu tidak cukup untuk dibuat dua, keutamaannya ialah untuk kita membina masjid baru daerah, Daerah Jelebu. Dato' Dipertua, ya.

Hospital daerah tu semuanya boleh dibawak untuk kita bawak, kemukakan dalam peruntukan Kerajaan Pusat.

Yang Berhormat ADUN Lenggeng tadi, ada mengatakan bahawa elaun kita, saya kita, saya pun nak jugak ya. Elaun Wakil Rakyat ini dinaikkan, itu perlu satu kajianlah ya, kerana kajian perlu dibuat sama ada dianya sesuai ataupun tidak untuk kita mengkaji sama ada dianya, *palatable*, dengan izin, kepada keadaan orang ramai sekarang, keadaan harga barang mahal, Wakil Rakyat dinaikkan elaun nanti orang marah, macam-macam orang kutuk kita Yang Berhormat. Betullah, tadi Yang Berhormat Lenggeng kata elaun dapat [RM]5,008.00 tapi bagi orang 'dokek' [RM]7,008.00. Ha, itu sebabnya dia kena pakai kain pelikat selalu takut orang mintak duit. Tu kadang-kadang, ini terpulanglah ya,

kita akan buat kajian kesesuaian dia, kesesuaian sama ada boleh dinaikkan.

Saya tak pasti mengapa elaun, ataupun pencen Wakil Rakyat ADUN daripada Lenggeng ni diberhentikanlah. Saya akan kajilah, kerana, saya mintak notislah Yang Berhormat ya. Kerana, kerana dah jadi Yang Berhormat, pencen ini diberhentikan dulu ke tidak ke, saya kurang periksalah ya, ya. Dah jadi YB, tak boleh dapat pencenlah, *you cannot gain fully employed* dalam masa dua. Agaknya Yang Berhormat. Itu pandangan. Tapi kita akan jawablah ya.

Nama Pantai, apa semua ni, saya kurang pasti Yang Berhormat. Tapi kalau boleh nanti, saya, kita mintaklah, dalam Majlis Tinakan Negeri kita mintak supaya jalan arah ke Pantai ke apa ni, kita berikan, saya pun tak perasan, tak berapa nampak pasal tu ya.

Yang lain-lain, rancangan untuk bina tandas. Ha itulah dalam kita punya, sebab dalam setiap P56 Wakil-Wakil Rakyat, ada projek-projek kecil, jadi Yang Berhormat gunakanlah, mintak supaya boleh dibina, di keadaan-keadaan yang memerlukanlah, untuk, nanti tak semua orang dapat tandas baru, susah Yang Berhormat ya. Mana yang sesuai, orang yang, orang tua, mana orang memerlukan tandas. Ada kita bina Yang Berhormat, Dato' Yang Dipertua, ada melalui P50 kita buat. Orang yang kadang-kadang memerlukan, orang yang sakit memerlukan tandas yang sesuai, macam-macam kita dah buat. Dan jugak, untuk me-*repair* dapur dan yang lain-lain.

Kampung Orang Asli ni, memang ada dua strategi kita buat da, Dato' Dipertua. Satu melalui peruntukan tahunan daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli sendiri. Yang mana mereka mempunyai belanjawan untuk menaik taraf rumah-rumah, PPRT di sana, membina kemudahan-kemudahan balai raya dan yang lain-lain. Majlis Agama Islam jugak ada mengeluarkan bantuan untuk kampung-kampung Orang Asli yang mana ada penduduknya yang beragama Islam. Surau-surau dibina dan jugak, imam-imam surau tersebut seboleh mungkin daripada penduduk tempatan. Kita tak mahu lagi situasi di mana imam datang, ataupun pendawah datang, datang dua hari lepas tu tiga bulan kemudahan datang sehari, datang dua hari. Jadi ini telah pun kita buat dalam asnaf muallaf kita. Kita nak memperbaiki infrastruktur.

Dan dalam itu jugak, dalam P50 pun kita ada bina. Macam di Kendong misalnya, kita membina kawasan Yang Berhormat sendiri kan. Kita membina lebih kurang lima buah rumah PPRT dan jugak di kawasan-kawasan kampung Orang Asli yang lain untuk kita pastikan supaya kehidupan Orang-Orang Asli ini juga memerlukan kita punya

pengawasan dan jugak memerlukan pertolongan kita. Bahkan Dato' Yang Dipertua, perlu saya rekodkan di sini bahawa Kerajaan Negeri Sembilan, dalam kita punya Dasar Jaringan Keselamatan Sosial kita dah masuk kepada fasa ketiga. Dah sampai ke fasa ketiga di mana, dah, setakat orang yang miskin yang memerlukan pertolongan, dah ada kita bagi dah. Jabatan Kebajikan Masyarakat dah bagi lebih kurang 27,000 orang setiap bulan mendapat bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang menelan belanja hampir [RM]11 juta setiap bulan. Itu Majlis Agama Islam, memberi lebih 5,000 orang lebih lagi setiap bulan. Dan agensi-agensi kerajaan yang lain.

Jadi dalam fasa ketiga ini Dato' Yang Dipertua, kita telah masuk sampai, bila kita bercakap pasal kemiskinan, kita tak boleh lari daripada tajuk membincangkan keadaan kehidupan Orang Asli. Jadi kita telah masuk ke setakat, dah masuk ke tajuk Orang Asli, yang mana kita telah membuat suatu cara baru untuk mempertingkatkan ekonomi Orang Asli ini. Seboleh mungkin sekarang ni kita sedang di peringkat akhir. Dah 47 buah kampung dah kita dah bagi dia punya, dulu Orang Asli ni Dato' Yang Dipertua, mereka tinggal dalam kampung mereka, dia kampung mereka kampung tradisi mereka, tapi tidak diwartakan sebagai kawasan kampung mereka. Dia tinggal dalam hutan simpan, hutan simpan kerajaan. Jadi kita telah pun mintak Jabatan Hutan untuk membuatkan garisan kasar, bukan secara halus, dia punya *survey* dia, dan kita mewartakan kawasan tersebut sebagai warta kawasan kampung asal Orang Asli.

Dan kita jugak telah meneliti kawasan rayau mereka ataupun *roaming area*-nya mereka dengan izin, dan kita, mana kita mampu melalui belanjawan ataupun peruntukan daripada Kementerian Pembangunan, KKLW, Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Dato' Yang Dipertua, kita bangunkan dengan kita membuat estet bersama iaitu apa yang dipanggil sebagai *communal estate*, dengan izin, kita bagi setiap Ketua Isi Rumah, orang kampung tersebut, melalui saham. Kita tak bagi tanah. Macam yang paling akhir sekali, awal ataupun hujung tahun lepas, kita buat di Kampung Lerek ya, Kampung Lerek ya, Lerek di, di, di, di Johol. Kita bangunkan 200 lebih hektar tanah, kita melalui, melalui kerjasama RISDA, tanam getah dan anak-anak mereka bekerja ataupun mereka bekerja di situ, dan kita bagi setiap ketua keluarga satu saham yang mana satu saham bersamaan dengan keluasan lima ekar tanah. Kita tak bagi tanah Dato' Dipertua, kerana kalau kita bagi tanah nanti, macam-macam boleh berlaku, mereka boleh kehilangan tanah. Tapi apabila saham dibagi, mereka memegang saham dan tanah ini diuruskan oleh RISDA. Dan mereka akan mendapat diveden dua kali setahun daripada RISDA dan ini dapat menjamin pertambahan pendapatan Orang Asli di Negeri Sembilan dan ini akan kita lakukan

dari masa ke semasa mengikut keupayaan dan jugak belanjawan yang ada, yang dibagi oleh Kerajaan Persekutuan untuk kita pastikan supaya penghidupan Orang Asli ini dapat pembelaan daripada kerajaan.

Jadi Dato' Yang Dipertua, terima kasih banyak-banyak kepada semua rakan-rakan ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sidang Dewan, membahaskan Titah Ucapan Tuanku dan jugak membahaskan belanjawan tambahan serta membuat Ucapan Penangguhan di sidang Dewan kita yang kedua, penggal yang ke 13 ini, yang pertama ini. Dato' Dipertua. Terima kasih jugak daripada kami ahli-ahli Dewan, ucapkan kepada Dato' Yang Dipertua, kerana telah dapat mengendalikan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri kita pada kali ini, dengan tersusun, dengan rapi dan dengan semangat musyawarah yang baik. Dan saya yakin dengan semangat yang ditunjukkan kita akan dapat bersama-sama berganding bahu untuk membangunkan Negeri Sembilan demi untuk kita pastikan Negeri Sembilan terus membangun dan terus kita pastikan rakyatnya dalam keadaan aman sejahtera. Terima kasih Dato' Dipertua.

Y.B. Dato' Yang Dipertua: Terima kasih Yang Amat Berhormat. Terima kasih kepada ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat Ucapan Penangguhan. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya tangguh persidangan kali ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat, ahli-ahli Yang Berhormat, ketua-ketua jabatan, media, dan urus setia persidangan yang telah sama-sama menjayakan persidangan kita pada kali ini. Terima kasih juga saya nak ucapkan kepada Yang Berhormat Palong kerana nenas Palong yang disajikan. Kepada ahli Yang Berhormat jangan lupa, apabila balik nanti, ambil cenderahati nenas Palong yang telah disediakan.

Seperkara yang, yang ingin saya sentuh sebelum saya menangguhkan persidangan ini, ialah sebagai renunganlah, apabila saya pandang dulu, saya duduk atas, saya nampak yang, Yang Dipertua Dewan di depan. Tapi bila duduk di sini, saya nampak daripada bawah ni sampai yang keatas. Yang saya ingin saya sentuh ni ialah perkara yang menyentuh tentang undilah, apabila Dewan mengundi. Agak pelik dan ganjil jugaklah, sebab kita dalam Dewan, kita membenarkan hak ahli-ahli Yang Berhormat untuk sama ada mengundi atau tidak mengundi. Tetapi apabila kita meminta ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengundi sama ada bersetuju, saya lihat ramai yang mengangkat tangan. Apabila yang tidak bersetuju, tak ada seorang pun angkat tangan, jadi, dalam kepala saya ni memikirkan, kalau tak setuju, maksudnya berkecualilah. Tapi kadang-kadang apabila saya panggil yang berkecuali, saya tunggu,

tengok, ada tak yang angkat. Saya ingat dalam sidang Dewan kita, banyak kali tidak mendapat respon daripada ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju ataupun berkecuali. Saya berharap, ahli Yang Berhormat, kena ambil pendirian ya, sama ada bersetuju, tidak bersetuju, berkecuali. Selain daripada tu, saya anggap Yang Berhormat tak hadir. Tak hadir dalam Dewan.

Ahli Yang Berhormat pulak tadi, bila sebut pasal naik elaun. ‘Togak’ ‘angkek’ tangan setuju. Jadi, berilah perhatian dan ini penting, sebab kita dalam sidang kita kali ini, kita ada jugak wakil daripada sidang Dewan Belia kita, dia melihat, kenapa pulak ada tiga opsyen, kita tak pilih salah satu. Walau bagaimanapun, saya ambil kesempatan ucap berbanyak-banyak terima kasih kepada ahil-ahli Yang Berhormat sekalian kerana telah sama-sama menjayakan persidangan kita dengan jayanya, terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Utama Menteri Besar, ADUN Rantau. Dengan ini, seperkara lagi, saya nak sentuh ialah, elaun YB ni, ha itu kena rundinglah. Saya pun nak jugak, sebenarnya. Dengan itu, Dewan ditangguhkan ke satu tarikh yang akan ditentukan kelak, pada pukul 4:45 petang. Sekian, wabillahaufik walhidayah assalamulaikum w.b.t.

[Persidangan Dewan ditangguhkan pada jam 4.45 petang]